



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

Bil. 33

Selasa

**10 November 2020**

---

**K A N D U N G A N**

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	2)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Perbekalan 2021	(Halaman	23)
<b>USUL:</b>		
Usul Anggaran Pembangunan 2021	(Halaman	23)

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA

Selasa, 10 November 2020

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri adalah dihadkan selama lima minit sahaja. Setiap pertanyaan oleh Yang Berhormat diperuntukkan selama satu minit dan jawapan yang diberikan secara bertulis kepada Yang Berhormat berkenaan dan akan dimuatnaikkan di portal Parlimen pada hari yang sama. Saya dimaklumkan oleh SUDR sebelum jam 10.30 pagi.

Jadi saya mulakan. Silakan Yang Berhormat Kluang mengemukakan pertanyaan-pertanyaan dalam masa satu minit. Silakan.

1. **Puan Wong Shu Qi [Kluang]** minta Perdana Menteri menyatakan rasional pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di tujuh negeri yang bermula pada 9 November 2020.

*[Jawapan Menteri diberi secara bertulis dan dimuat naik ke Portal Parlimen Malaysia]*

2. **Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan rasional untuk menutup sekolah di seluruh negara termasuk kawasan hijau COVID-19 dan menangguhkan peperiksaan awam dan rancangan kementerian untuk membantu pelajar yang tiada kemudahan internet dan komputer riba terutamanya di kawasan pedalaman.

*[Jawapan Menteri diberi secara bertulis dan dimuat naik ke Portal Parlimen Malaysia]*

3. **Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakieh [Sabak Bernam]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kluster yang menyebarkan pandemik COVID-19 di negara ini dan nyatakan bilangan yang telah berjaya dikawal sepenuhnya dan bilangan kluster yang masih aktif terkini dan setakat manakah kluster-kluster ini telah memberi kesan kepada penyebaran COVID19 di negara ini.

[Jawapan Menteri diberi secara bertulis dan dimuat naik ke Portal Parlimen Malaysia]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang ini tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini.

**[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Jadi Yang Berhormat sebenarnya saya rasa kita ini dalam norma baharu, maka kita mungkin kena panggil Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri kepada ‘Perintah Kawalan Pertanyaan-pertanyaan Menteri’. *[Ketawa]* Senyumlah sedikit Yang Berhormat. Jadi, silakan.

**Beberapa Ahli:** Tak nampak.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyampaikan sedikit pantun:

*Belanjawan 2021 telah tersedia,  
Untuk kita MP bahas bersama,  
Tuan Yang di-Pertua yang sentiasa bersedia,  
Soalan Jerantut soalan pertama.*

1. **Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah perancangan kerajaan pasca Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) wabak COVID-19 bagi membantu rakyat yang kehilangan sumber pendapatan atau pun yang pendapatan mereka yang semakin mengecil akibat daripada potongan gaji dan sebagainya.

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil perhatian serius akan penularan wabak COVID-19 di negara kita yang telah memberi impak yang besar terhadap kelangsungan hidup rakyat sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan sejak Mac lalu, kemudiannya PKPB dan diikuti pula dengan PKPP.

Kerajaan telah mengumumkan empat pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi. Pakej-pakej ini adalah PRIHATIN, PRIHATIN PKS+, Pelan Jana Semula

Ekonomi Negara (PENJANA) dan Kerangka Inisiatif Tambahan Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Kita Prihatin) yang bertujuan membantu rakyat, perniagaan dan ekonomi. Keseluruhan nilai paket rangsangan ekonomi ini adalah sebanyak RM305 bilion.

Pada hari Jumaat yang lalu pula, saya telah mengumumkan Belanjawan 2021 berjumlah sebanyak RM322.5 bilion iaitu yang terbesar dalam sejarah negara. Di bawah paket-paket rangsangan antara inisiatif yang telah dilaksanakan untuk memberi kelegaan sementara ataupun *temporary relief* dengan izin kepada rakyat bagi menampung kos keperluan harian adalah BPN dan tambahan sebanyak RM100 kepada *one-off* BSH. Bantuan tunai *one-off* kepada golongan mudah terjejas meliputi OKU, ibu tunggal serta sukarelawan khidmat bantu di rumah.

Selain daripada itu, bantuan tunai *one-off* juga turut disalurkan kepada golongan pemandu teksi, pemandu pelancong, pemandu bas pelancong dan pemandu *e-hailing* serta bantuan khas kepada pelajar di IPT. Semua bantuan ini merupakan inisiatif berbentuk *one-off* bertujuan membantu rakyat dalam tempoh jangka masa pendek. Setakat 23 Oktober untuk bantuan bersifat *one-off*, kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM11.9 bilion kepada seramai 16.3 juta penerima.

Kerajaan juga mengurangkan tekanan beban kewangan isi rumah dengan bentuk bantuan lain seperti pemberian diskain bil elektrik dan juga pengecualian bayaran sewa rumah membabitkan rumah PPR disewa atau transit dalam pengurusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga DBKL.

Dalam usaha mengurangkan bilangan rakyat yang terjejas dan peningkatan pada jumlah pengangguran, kerajaan telah mengumumkan Pemberian Subsidi Upah (PSU) dan juga PSU 2.0 yang merupakan bantuan kewangan untuk membantu majikan yang terkesan akibat COVID-19 supaya dapat meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan dan juga punca pendapatan.

Sehingga 23 Oktober sebanyak RM11.9 bilion subsidi upah telah diluluskan untuk memanfaatkan lebih seramai 322,000 majikan serta lebih seramai 2.6 juta pekerja. Keseluruhannya hampir sebanyak RM18 bilion tersedia untuk program PSU dan PSU 2.0.

## ■1010

Keseluruhannya hampir sejumlah RM18 bilion tersedia untuk program PSU dan PSU 2.0. Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya kerajaan akan kekal komited membantu rakyat, perniagaan dan juga ekonomi dalam mendepani cabaran-cabaran yang mendarat pasca COVID-19. Moga semua pihak dapat berganding bahu demi rakyat dan negara tercinta dengan laungan semangat, ‘teguh kita menang bersama’. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih. Soalan tambahan satu sahaja.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan begitu baik. Terlalu banyak bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan terutama melalui Bajet 2021. Cuma saya dapat ada rungutan dalam kalangan bawah sana yang kadang-kadang kesukaran apabila mereka berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan ataupun pihak bank.

Jadi, apakah langkah tambahan ataupun langkah susulan kerajaan dalam menangani kekangan Belanjawan 2021 yang disediakan bagi membantu golongan-golongan yang terjejas ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2021 yang diumumkan Jumaat lalu memang menzahirkan prinsip prihatin rakyat yang didokong teguh oleh kerajaan. Daripada tiga matlamat utama Belanjawan 2021, yang diberi penekanan utama ialah untuk menjamin kesejahteraan rakyat.

Sehubungan itu, Belanjawan 2021 merupakan kesinambungan daripada pakej rangsangan ekonomi seperti yang dijelaskan dalam jawapan sebelum ini. Justeru, Belanjawan 2021 memberi penekanan kepada golongan rentan dan yang mudah terjejas. Antara bantuan yang disalurkan ialah BPR iaitu BSH ataupun Bantuan Prihatin Rakyat iaitu BSH yang ditambah baik dan diluaskan skop daripada seramai 4.3 juta orang rakyat kepada seramai 8.1 juta orang rakyat. Ini peruntukannya sebanyak RM60.5 bilion.

Langkah baharu juga yang mana sejumlah RM1.5 bilion Program Jaringan Prihatin yang mana sebanyak RM180 diberikan secara *one-off* berbentuk kredit telekomunikasi, perlindungan MySalam dan juga program bantuan kebajikan kepada kanak-kanak yang ditingkatkan sampai sebanyak RM1,000 sebulan. Ini *total costnya* adalah sebanyak RM2.2 bilion kepada semua bantuan OKU, bantuan warga emas dan sebagainya, 400,000 penerima keluarga miskin.

Di samping langkah-langkah ini Tuan Yang di-Pertua— ini khusus untuk golongan B40. Ada juga inisiatif lain dalam Belanjawan 2021 bakal memanfaatkan golongan B40. Ini salah satunya ialah dengan mewujudkan sebanyak 500,000 peluang pekerjaan baharu, langkah memperkuatkkan perkhidmatan kesihatan awam dan juga langkah-langkah lain untuk kesejahteraan rakyat secara umumnya. Terima kasih.

**2. Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]** minta Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah rancangan dan langkah-langkah yang diambil untuk pembangunan semula seperti PPR Lembah Subang 1 setelah kerajaan mengambil alih PPR tersebut untuk membendung kemerosotan bangunan dan kualiti kehidupan penghuni.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Mutalib]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, di seluruh negara kita mempunyai sebanyak 191 projek PPR yang melibatkan sejumlah 111,472 unit yang mana PPR Lembah Subang 1 adalah antara projek-projek PPR yang tersenarai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang dalam proses perbincangan dengan Kerajaan Negeri Selangor berhubung cadangan pembangunan semula projek perumahan PPR Lembah Subang 1 serta cadangan kementerian untuk menyerahkan semula pengurusan PPR Lembah Subang 1 kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, projek PPR Lembah Subang 1 ini telah siap dibina pada 30 September 2000 yang mana pada tahun 2001 kerajaan telah menyerahkan kepada MBPJ untuk penyenggaraannya. PPR Lembah Subang 1 mempunyai sebanyak 3,004 unit, lapan buah blok dengan 17 tingkat dan mempunyai pelbagai kemudahan seperti dewan, surau, padang, taman permainan dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, perbincangan antara Kerajaan Persekutuan dan negeri juga kementerian ini melibatkan perkara-perkara yang perlu mencapai persetujuan secara *consensus* antara kedua-dua pihak sebelum penyerahan PPR ini dibuat. Perkara ini turut melibatkan tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh kerajaan negeri serta isu-isu di PPR yang perlu diselesaikan terlebih dahulu oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan seperti pemutihan data penduduk dan pelepasan hak tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) daripada Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya telah pun melawat ke projek ini suatu ketika dahulu semasa COVID-19 ini dalam kawalan mengikut peraturan yang ditetapkan. Namun demikian, kita merasakan bahawa memang perlu pemberian dilakukan dan perhatian diberikan kepada projek perumahan ini. Projek ini ialah bersifat disewa kepada penghuni-penghuni.

Bagi tujuan penyerahan kepada Kerajaan Negeri Selangor, kesemua perkara berbangkit terutamanya perkara berkaitan dasar dan perundungan serta mekanisme pelaksanaan perlu diperhalusi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

dan kerajaan negeri terlebih dahulu sebelum diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri. Kita berikan perhatian yang serius dalam kebijakan dan keperluan penduduk-penduduk di kawasan perumahan PPR di seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan pertama.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa gembira kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri turun padang tetapi sekarang Lembah Subang 1 bukan hanya dikatakan kawasan PPR tetapi adalah kawasan *ghetto*. Saya rasa tindakan perlu diambil dengan segera kerana ini adalah perbincangan yang sudah lama.

Saya rasa, kita hendak mengadakan tindakan yang mana kita boleh memantau badan pengurusan yang kadang-kadang gagal menjalankan kerja mereka dengan berkesan. Apakah mekanisme yang boleh diambil untuk memantau mereka dan juga tindakan apa yang boleh diambil dengan segera supaya kawasan *ghetto* ini dapat dijadikan tempat tinggal yang lestari, ceria, bersih dan sihat?

Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini adalah perkara berperikemanusiaan. Tindakan yang perlu diambil secepat mungkin. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya. Sebenarnya, saya telah bertemu dengan pihak pengurusan PPR ini dan juga pihak penyelenggara projek perumahan ini. Oleh sebab kita berhadapan dengan COVID-19 ini, saya sebenarnya telah bercadang untuk berjumpa dengan mereka. Pihak kementerian bercadang untuk mencari penyelesaian yang terbaik dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh penduduk di PPR Subang 1 ini.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya simpati dengan mereka. Memang wajar tindakan segera perlu diambil. Untuk makluman Yang Berhormat juga, sebenarnya kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah mengeluarkan banyak peruntukan. Pada tahun 2017 dan tahun 2018, sejumlah RM28.4 juta peruntukan telah disalurkan bagi membaiki kemudahan-kemudahan di kawasan di perumahan Lembah Subang 1 ini.

Pada tahun 2019, kita telah memperuntukkan sebanyak RM350,000 untuk menyelenggarakan rumah-rumah ini. Jadi, *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Petaling Jaya kita akan memberikan perhatian serius termasuk kita mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri bagi memastikan bahawa

keselesaan, kelestarian hidup masyarakat di kawasan PPR Lembah Subang 1 ini dapat kita berikan perhatian. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Salim Sharif.

**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol]:**

*Guru cemerlang murid terbilang,*

*Guru berduka murid yang rugi,*

*Soalan tiga sudah terbentang,*

*Mohon petunjuk wahai Menteri.*

Terima kasih.

**3. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]** minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan perancangan terkini bagi memantapkan gred hakiki perjawatan guru besar dan penolong kanan Sekolah Kebangsaan (SK) di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]:** *Bismillahir Rahamanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab pantun daripada Yang Berhormat Jempol,

*Pinggan jorong mangkuk jorong,*

*Jorong diisi buah jati,*

*Nombor tiga soalan didorong,*

*Insya-Allah akan dijawab sepenuh hati.*

Terima kasih kepada Yang Berhormat Jempol. Jawatan guru besar merupakan jawatan pentadbir sekolah rendah yang dilantik daripada kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP). Guru besar akan dibantu oleh tiga orang atau lebih jawatan guru penolong kanan yang juga daripada kalangan PPP. Antara syarat pelantikan ke jawatan Guru Besar adalah memiliki kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) dan pada masa ini jawatan guru besar dan guru penolong kanan sekolah rendah masih lagi berada pada gred hakiki DG32 hingga DG40 mengikut kepada gred dan kategori sekolah.

Dengan mengambil kira pelaksanaan Dasar Pensiwazahan Guru mulai tahun 2010 dan juga perubahan skim PPP sebagai Skim Perkhidmatan Bersepadu mulai tahun 2016, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati wujud keperluan untuk menambah baik perjawatan guru besar dan guru penolong kanan di sekolah rendah.

**■1020**

Usaha ini adalah penting bagi memenuhi keperluan perkhidmatan dan mencapai aspirasi dasar pendidikan secara amnya. Berdasarkan data pada bulan Julai 2020, seramai 6,587 orang guru besar ataupun 86 peratus berada pada gred siswazah DG41

hingga DG52. Manakala seramai 16,549 atau 80 peratus guru penolong kanan berada pada gred siswazah DG41 hingga DG48.

Sehubungan itu, KPM telah menyediakan kertas cadangan penambahbaikan tadbir urus sekolah secara menyeluruh. Penambahbaikan ini melibatkan penstrukturkan semula fungsi dan gred jawatan pentadbir sekolah termasuk elaun, struktur organisasi dan pentadbiran termasuk jawatan guru serta anggota kumpulan pelaksana (AKP). Kertas cadangan ini telah dikemukakan daripada agensi pusat pada 23 Disember 2019. Buat masa ini, agensi pusat masih dalam peringkat penilaian untuk memperhalus cadangan yang dikemukakan oleh KPM. Ini termasuklah penelitian dari segi kebolehlaksanaan dan impak keseluruhan terhadap skim perkhidmatan perguruan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan?

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini guru biasanya dilantik sebagai guru besar sekolah rendah akan kekal dengan gred hakiki DG34 yang disandang dan hanya diberi elaun jumlah sebanyak RM200. Manakala penolong kanan kekal dengan gred DG32 dengan diberi elaun RM60. Hari ini berbeza dengan guru sekolah menengah.

Apabila dilantik sebagai pengetua, dinaikkan kepada gred DG48 kepada DG52 dan diberi elaun RM300. Manakala penolong kanan akan dinaikkan daripada DG44 kepada DG48. Isunya ialah berkaitan perjawatan guru besar dan penolong kanan di sekolah rendah sudah lama dibahaskan. Tuntutan diberi oleh para guru untuk meningkatkan gred hakiki khususnya mempunyai ijazah dan juga mengajar di sekolah rendah. Ada asasnya.

Soalan saya, adakah tuntutan para guru berkenaan penjawat gred guru besar dan guru penolong kanan di sekolah rendah boleh dilaksanakan. Jika tidak, minta Yang Berhormat Menteri nyatakan alasan. Jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan. Mohon Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

**Tuan Muslimin bin Yahaya:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Jempol yang sangat prihatin, sangat caring, sangat *understanding* dengan izin, dengan kebijakan pentadbir sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat Jempol, setakat ini guru besar yang menyandang gred jawatan DG38 adalah seramai 855 orang, gred DG34 seramai 234, gred DG32 seramai 21. Manakala, gred DG41 seramai 77 orang, gred DG42 seramai 2,248 orang, gred DG44 seramai 3,942, gred DG48 seramai 319 dan gred DG52 seramai satu orang di sekolah rendah. Ini bermaksud di peringkat KPM, keutamaan diberikan kepada peningkatan gred sehingga gred DG52.

Seperti yang saya maklumkan tadi, dalam jawapan saya elauan guru besar disemak semula di bawah penstrukturran semula sekolah yang mana meliputi penstrukturran semula fungsi dan gred jawatan pentadbir sekolah, elauan-elauan berkaitan, struktur organisasi dan pentadbiran termasuk jawatan guru serta anggota pelaksana.

Jadi, menjawab kepada persoalan tambahan daripada Yang Berhormat Jempol, kami di KPM telah mengemukakan kertas cadangan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan kita akan mengambil inspirasi daripada perjuangan Yang Berhormat Jempol dan antara pertimbangan *insya-Allah* daripada kertas cadangan ia meliputi aspek yang ditanyakan tadi. Perjawatan dan elauan guru besar, elauan tugas pentadbiran sekolah yang dahulunya dikenali sebagai elauan tanggungjawab. Kepada Yang Berhormat Jempol, kami di KPM akan berusaha memastikan kebolehlaksanaan dan impak kepada keseluruhan terhadap skim perguruan akan kita beri keutamaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Timbalan Menteri, hebat.

**4. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah statistik dan angka graduan di IPTA dan IPTS pada tahun ini dan apakah langkah-langkah pihak kementerian dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia dalam menangani isu pengangguran di kalangan graduan baru.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Noraini Ahmad]:** Terima kasih di atas soalan daripada Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan unjuran kementerian, seramai 300,000 orang graduan telah dan akan menamatkan pengajian di institusi pendidikan tinggi awam, swasta dan latihan kemahiran awam pada tahun 2020. Bagi menangani isu pengangguran dalam kalangan graduan yang baru menamatkan pengajian, sejumlah 100 juta telah diperuntukkan melalui inisiatif PENJANA kepada KPT untuk melaksanakan program PENJANA KPT-CAP.

Terdapat tiga program utama yang digerakkan oleh kementerian di bawah peruntukan PENJANA iaitu yang pertama Program *job matching* dan *placement*. Kedua, program berterusan keusahawanan dan yang ketiga program yang bercirikan *gig* ekonomi. Program-program yang berbentuk latihan kemahiran jangka pendek dan sederhana ini dijangka dapat memberi manfaat dan nilai tambah kepada sejumlah 20,000 graduan universiti awam, politeknik dan kolej komuniti.

Sebagai langkah tambahan, kementerian turut menjalinkan kerjasama strategik bersama dengan Kementerian Sumber Manusia melalui agensi-agensi di bawahnya untuk melaksanakan beberapa inisiatif. Antara inisiatif-inisiatif berkenaan adalah program *reskilling* dan *upskilling* bersama HRDF. Melalui program ini, graduan akan

ditempatkan di syarikat-syarikat yang telah dikenal pasti oleh HRDF selama satu bulan hingga tiga bulan untuk mereka menjalani latihan pensijilan profesional dan kemahiran dalam bidang yang diperlukan oleh industri. Mereka akan ditawarkan pekerjaan di syarikat-syarikat tersebut sekiranya berjaya menamatkan latihan dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

Selain itu, kementerian turut melaksanakan program padanan pekerjaan dengan graduan dengan kerjasama PERKESO. Graduan-graduan yang berdaftar di portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya dipanggil GREaT yang diselia oleh KPT akan dipadankan dengan kekosongan jawatan di syarikat-syarikat yang berdaftar melalui portal MYFutureJobs di bawah seliaan PERKESO. Sehingga 28 Oktober 2020, sejumlah 12,272 graduan telah mendaftar untuk dipadankan dengan kekosongan perjawatan di dalam portal tersebut dan sejumlah 31,942 graduan telah mendapat penempatan.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan Yang Berhormat?

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam isu ini, ada tiga isu sebenarnya adalah pengangguran (*unemployment*), *underemployment* maksudnya iaitu bahawa siswazah berada dalam kategori guna tenaga tidak penuh dan juga *mismatch* iaitu graduan yang bekerja dalam bidang yang tiada kaitan dalam bidang pengajian. Soalan saya, apakah reformasi dari segi pengajian tinggi untuk kurikulum supaya untuk memenuhi guna tenaga penuh pada masa depan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Kementerian memang memandang serius terhadap isu seperti Yang Berhormat nyatakan tadi. Memang kita maklum mengenai tiga jenis kategori *unemployment* iaitu *underemployment*, *unemployment* dan *mismatch* dan kita memandang serius mengenai isu perkara ini. *Mismatch* ini sebenarnya Yang Berhormat adalah disebabkan kekurangan tawaran pekerjaan yang bersesuaian dengan jurusan graduan.

Kami di pihak kementerian ada membuat libat urus bersama dengan universiti dan industri untuk mendapatkan maklum balas mengenai keperluan guna tenaga dan kemahiran yang berkaitan. Ditambah pula beberapa perkara lain seperti pendekatan yang dilaksanakan oleh kementerian adalah kita ada menujuhkan Majlis Pekerjaan Nasional, memberi peluang dan tumpuan untuk pelaksanaan inisiatif mewujudkan peluang pekerjaan. Kita ada membuat *engagement* bersama dengan kapten industri.

**■1030**

Mereka akan menawarkan gaji dan pekerjaan yang setara dengan kelulusan graduan. Selain itu juga Majlis Penasihat Industri telah ditubuhkan bagi mendapatkan pandangan industri berkaitan perkara-perkara yang Yang Berhormat nyatakan tadi. Terakhirnya, kita juga ada melaksanakan inisiatif *Job Creator Framework* bagi melahirkan lebih ramai usahawan. Ini antara perkara-perkara yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kementerian, untuk makluman Yang Berhormat. Terima kasih.

**5. Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]** minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan cadangan pelan masa panjang terhadap langkah untuk meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

**Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]:**

*Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli sedang dalam proses meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] yang akan dibentangkan di dalam Dewan ini pada akhir sidang ini.

Pindaan yang dilaksanakan ke atas Akta 716 akan merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) menambah peruntukan kawalan terhadap aktiviti perdagangan dan promosi atas talian (*online*) bagi hidupan liar seiring dengan perkembangan teknologi dan isu semasa;
- (ii) memansuhkan peruntukan-peruntukan yang tidak relevan pada masa kini dan menambahkan dengan yang lebih sesuai dengan perkembangan semasa; dan
- (iii) mewujudkan peruntukan khusus bagi aktiviti pengendalian dan perkhidmatan hidupan liar dan meningkatkan penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta 716.

Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan Akta 716 juga melibatkan pengukuhan pelaksanaan *Wild Life Management Plan* di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta 127, pindaan Akta 176. Ini penting dan sangat penting untuk memastikan akta ini responsif kepada keperluan semasa termasuk pengukuhan penguatkuasaan dalam mengendalikan pelbagai perkara seperti perdagangan atas talian dan penyakit zoonotik. Terima kasih.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyokong penuh pelbagai inisiatif kerajaan bagi mengatasi isu pemburuan haram di negara kita ini. Saya mengharapkan agar pindaan ini dapat disegerakan bagi menyelamatkan hidupan liar di negara kita.

Soalan tambahan saya, saya ingin mendapatkan penjelasan pihak kementerian mengenai kecukupan pegawai penguatkuasaan serta aset-aset semasa untuk tujuan yang sama. Ini kerana saya difahamkan di Terengganu, khususnya, turut mengalami masalah kekurangan pegawai serta aset-aset jabatan. Kalau boleh, sila nyatakan kekuatan tenaga dan juga aset mengikut setiap negeri. Terima kasih.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan data-data pegawai mengikut negeri, saya akan berikan secara bertulis kerana tidak ada data pada saya ketika ini.

Saya ingin sebut bahawa, kementerian sangat serius dalam usaha untuk membanteras isu-isu berkaitan dengan hidupan liar. Sebagai mana yang disebutkan dalam pembentangan belanjawan, kerajaan terus *commit* untuk meningkatkan penguatkuasaan. Oleh itu, dalam belanjawan baru-baru ini, telah diluluskan tambahan bajet untuk Program *Biodiversity Protection & Patrolling Programme* (BP3) ini bagi membolehkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan hidupan luar dibuat dengan menambahkan anggota daripada veteran angkatan tentera daripada Orang Asli dan juga yang disebut di dalam belanjawan tempoh hari ialah pesara pencen polis.

Ini menunjukkan bahawa komitmen kita berterusan dan anggota-anggota ini ditempatkan di pelbagai tempat terutama sekali *hotspot area* untuk membolehkan isu-isu pengawalan ini dapat dilakukan secara bersungguh-sungguh. Di samping kita mengukuhkan akta yang ada, kita menambahkan pegawai-pegawai mengikut keupayaan dan kemampuan kementerian ketika ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin. Silakan.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

*Ramai rakyat berasa geram,*

*Bila RM85 juta untuk JASA diberi,*

*Soalan Hang Tuah Jaya nombor enam,*

*Mohon jawapan tuntas Menteri.*

Terima kasih.

**6. Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan inisiatif sedia ada dan akan datang kementerian bagi mengatasi masalah capaian internet dengan lebih luas, laju, murah dan berkesan serta berapa peratuskah tahap capaian internet di kawasan pinggir dan luar bandar susulan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB).

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Timbalan Menteri ada? Yang Berhormat Menteri ada?

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Mana ni?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Timbalan Menteri...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Potong gaji, potong gaji ni. Potong gaji.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberikan tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar.

Melalui projek jalur lebar pinggir bandar (*sub-urban broadband*) dan jalur lebar luar bandar (*rural broadband*) sehingga bulan September 2020 sebanyak 654,812 sambungan telah tersedia di seluruh negara. Kadar langganan jalur lebar talian tetap melalui projek ini didapati telah meningkat sebanyak sembilan peratus iaitu 42 peratus berbanding 36 peratus pada bulan September 2019.

Menerusi Pelan JENDELA yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 Ogos 2020 yang lalu, penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa akan memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar. Penambahbaikan ini selaras dengan perancangan kementerian menjadikan peningkatan jalur lebar sebagai salah satu utiliti awam selepas air dan elektrik.

Sasaran fasa pertama kini telah bermula sehingga tahun 2020 adalah satu penambahbaikan daripada 4.95 juta premis kepada 7.5 juta premis mendapat akses kepada jalur lebar dalam talian tetap berkelajuan gigabyte. Perluasan laluan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8 peratus kepada 96.9 peratus di kawasan yang berpenduduk serta mempertingkatkan kelajuan purata jalur lebar mudah alih daripada 25 megabait kepada 35 megabait.

Dalam memastikan lebih banyak kawasan yang akan mendapat liputan jalur lebar, pihak kerajaan melalui SKMM sedang berusaha membangunkan perkhidmatan dan prasarana telekomunikasi negara dengan menggunakan teknologi 4G yang dilihat

sebagai teknologi yang mampu untuk dibangunkan dengan cepat dan kos yang berpatutan untuk menyediakan kesalinghubungan digital yang lebih berkualiti.

Kerajaan mengakui bahawa penggunaan teknologi satelit melalui *very-small-aperture terminal* (VSAT), dengan izin, telah pun dilaksanakan dalam penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih di kawasan-kawasan terpencil, di pedalaman Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia sebelum ini bukanlah merupakan satu penyelesaian yang terbaik untuk jangka panjang dalam menyediakan perkhidmatan jalur lebar.

Ini kerana perkhidmatan jalur lebar yang disediakan melalui teknologi satelit mempunyai beberapa kelemahan termasuk kemampuan berdasarkan kepada kapasiti yang terhad, kos operasi dan kos penyelenggaraan yang tinggi serta masalah kestabilan perkhidmatan sekiranya terdapat gangguan cuaca dan bekalan kuasa.

Segala inisiatif penggunaan infra digital ini memerlukan kerjasama semua pihak terutamanya di peringkat kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk memudahkan proses dan kelulusan bagi projek-projek yang dirancang dan akan disegerakan. Sehubungan dengan itu, bagi menjayakan inisiatif menerusi Pelan JENDELA ini, KKM berharap agar mendapat sokongan padu, kerjasama kerajaan negeri, kementerian, agensi yang berkaitan agar rakyat mendapat manfaatnya. Terima kasih.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita sedia maklum, PKPB ini Yang Berhormat Menteri, telah memaksa ramai rakyat menggunakan medium internet untuk pelbagai tujuan yang mana ia telah menjadi satu kemestian untuk setiap isi rumah. Pekerja bekerja dari rumah, penuntut universiti, pelajar-pelajar sekolah, guru-guru dan sebagainya. Ramai yang merungut kepada saya, memberitahu bahawa internet satu gig percuma ini setiap hari ibarat, '*melepaskan batuk di tangga*'.

Saya ingin bertanya, dahulu Kerajaan PH telah memperkenalkan *mandatory standard on access pricing* (MSAP) untuk menurunkan harga internet kepada pengguna. Apakah kerajaan hari ini masih berhasrat meneruskan arahan MSAP ini? Sekiranya masih berhasrat, berapa peratusan pematuhan pemain industri kepada perkara ini?

#### ■1040

Bolehkah kerajaan turunkan lagi harga internet memandangkan keperluannya kepada rakyat amat mendesak ketika ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, harga jalur lebar ini dengan telco, untuk pengetahuan

Yang Berhormat, tidak naik. Tetapi ada yang turun tetapi harganya tidak naik. Itu yang penting. Tidak seperti utiliti-utiliti lain.

Akan tetapi, usaha kerajaan sekarang ini adalah untuk memberi liputan ke seluruh negara. Sebabnya, yang pertama sekali, saya faham, rungutan di antaranya ada *blind spot*, kawasan yang tidak dapat liputan, kawasan berbukit bukau dan ini memerlukan peruntukan yang cukup banyak. Termasuk sekarang ini apabila kita minta tingkatkan 3G kepada 4G.

Usaha ini kita buat keputusan— seperti yang saya katakan tadi, kita tengah berusaha supaya di antaranya kita hendak memperkenalkan satelit. Itu satu usaha di mana kita dapat meliputi semua banyak kawasan di antaranya nelayan. Nelayan ini kalau kata kita, kalau tidak ada, kita tidak boleh buat menara telekomunikasi dan sebagainya. Jadi kita kalau satelit, nelayan dapat guna. Di pelantar minyak, mereka yang di laut ada untuk menggunakan internet ini.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam usaha kita untuk mempertingkatkan penggunaan utiliti ini maka kita akan cuba mempertahankan harga ini supaya tidak naik dan juganya yang pentingnya, rakyat mendapat sambungan ataupun mendapat *connectivity* di seluruh negara. Terima kasih.

**7. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memperkenalkan aktiviti berkaitan aplikasi berasaskan sains teknologi seperti pencetakan 3D, robotik, koding dan Minggu Sains Negara ke kawasan luar bandar dan pedalaman seperti di Sarawak.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa menggalakkan dan memperkenalkan aktiviti berkaitan aplikasi berasaskan teknologi. MOSTI melalui agensinya telah membayai pembangunan pelbagai teknologi untuk aplikasi sektor-sektor yang berbeza seperti dron, robotik, mesin, kecerdasan buatan, teknologi rawatan air dan teknologi IOT untuk pertanian. Pembangunan aplikasi dan teknologi ini adalah sebahagian daripada inisiatif *National Technology and Innovation Sandbox* (NTIS) yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19 Ogos 2020 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, MOSTI menganjurkan Minggu Sains Negara pada setiap tahun bermula tahun 2018 dalam usaha memupuk minat masyarakat terhadap ilmu sains. Program ini dijadikan platform untuk menyemarakkan dan membudayakan sains, teknologi dan inovasi di pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat selain memberikan kesedaran kepada rakyat betapa pentingnya STI di dalam menjana pertumbuhan

ekonomi dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju tanpa mengira rentas sempadan bandar dan luar bandar.

Pada tahun 2020, kementerian meneruskan program Minggu Sains Negara pada minggu pertama April 2020 di seluruh negara secara serentak. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia, kebanyakan program dan aktiviti yang dirancang secara fizikal telah diubahsuai pelaksanaannya menurut Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan oleh kerajaan, hampir 95 peratus program dan aktiviti dilaksanakan secara maya atau atas talian.

Jumlah aktiviti dan program ialah sebanyak 115 di mana 104 aktiviti adalah secara *online* dan sebanyak 11 aktiviti secara fizikal. Antara aktiviti yang dilaksanakan sempena sambutan Minggu Sains Negara 2020 melibatkan penglibatan guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah seperti Bengkel Interaktif Inovasi, Sains dan Teknologi, sesi *hands on* percetakan 3D, robotik, *coding*, *augmented reality*, *virtuality*, seminar, forum, *webinar* dan pelbagai lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sibuti, Jabatan Kimia Malaysia Negeri Sarawak yang berlokasi di Kuching, Bintulu dan Sibu sekali lagi menjadi agensi peneraju kepada Minggu Sains Negara peringkat negeri Sarawak bagi tahun 2020. Dengan kerjasama UNIMAS, Chemsain Konsultant Sdn. Bhd. dan beberapa NGO, Jabatan Kimia Sarawak telah melaksanakan pelbagai aktiviti seperti pertandingan *Young Scientist Program*, Pertandingan Reka Cipta Video Pendek MSNLens, Pertandingan Reka Cipta Video Kreatif dan Pertandingan Fotografi Kreatif secara atas talian untuk seluruh negeri Sarawak.

Pertandingan-pertandingan ini dibuka kepada pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah termasuklah dari kawasan Parlimen Sibuti. Secara fizikalnya, seramai 821 orang pelajar bagi kedua-dua kategori telah menyertai pertandingan yang dijalankan.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak, khususnya Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak yang menyokong aktiviti STI dan STEM MOSTI di Sarawak.

Baru-baru ini, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengumumkan akan penubuhan Pusat Sains Negeri Sarawak yang dibiayai oleh kerajaan negeri. Susulan itu, MOSTI akan sentiasa menyokong dan membantu penubuhan Pusat Sains Negeri Sarawak ini untuk merancakkan lagi aktiviti STI dan STEM di seluruh pelosok negeri Sarawak termasuklah di kawasan Parlimen Sibuti. Terima kasih.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Saya berpandangan bahawa

budaya sains, teknologi dan inovasi ini tidaklah tertumpu kepada *urban centric* tetapi perlulah dilebar-luaskan di kawasan luar bandar.

Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut bahawa Pusat Sains Sarawak dibiayai oleh kerajaan negeri. Saya ingin mengetahui apakah langkah ke depan dan juga apakah bentuk pembiayaan yang telah diberikan untuk meningkatkan perkembangan sains, teknologi dan inovasi di Sarawak melalui pusat sains negeri ini?

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim:** Ya, terima kasih. Pusat Sains Sarawak masa ini sedang dalam proses pembinaan. Sebagai kementerian yang bertanggungjawab untuk memartabatkan STI, MOSTI akan sentiasa membantu Pusat Sains Sarawak untuk meningkatkan STI dan STEM dengan menjadikan PSS sebagai *focal point* untuk aktiviti dan program yang dianjurkan oleh MOSTI.

Selama ini pun MOSTI sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak ialah aktiviti pembudayaan STI. Sehubungan itu, jalinan kerjasama ini akan diteruskan oleh MOSTI melalui Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara dengan menjadikan PSS sebagai salah satu Rangkaian Kolaboratif Pusat Sains Malaysia atau *Malaysian Collaborative Network of Science Centre* (MyCNSC) yang mana melalui MyCNSC ini, komunikasi dan kerjasama diselaraskan di antara Pusat Sains, Planetarium dan organisasi yang mempromosikan pembudayaan STI melalui pendekatan interaktif bagi tujuan pembelajaran dan pemahaman masyarakat mengenai STI di Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Madius Tangau, silakan.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini saya ingin tambah jalan yang dalam soalan ini iaitu Jalan Tembelaung, Jalan Taginambur dan Jalan Buakan Baru.

**8. Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran]:** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bilakah kementerian akan menaik taraf (melalui peruntukan JALB) Jalan Sinulihan, Jalan Wasai, Jalan Kitapol, Jalan Giuk, Jalan Gonipis, Jalan Poturidong, Jalan Mongkonihab, Jalan Rungus Nahaba, Jalan Togop dan Jalan Tiong Monggis di kawasan Parlimen Tuaran.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya bagi pembangunan masyarakat luar bandar khususnya di negeri Sabah dengan menyediakan kemudahan infrastruktur yang selamat dan selesa.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Projek Jalan Montob-Gonipis-Tobohon Sabah fasa 2 telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, Rolling Plan Keempat (RMKe-11 RP4) tahun 2020 dengan kos sebanyak RM39 juta dan skop membina jalan sepanjang enam kilometer dengan spesifikasi JKR R1 dan sebuah jambatan. Status terkini adalah di peringkat penentuan skop dan kerja awalan.

Bagi cadangan jalan Tudan-Poring-Tebobon, Tuaran, Sabah, Jalan Tomis Tiong Lokus – Kotunuan Lama – Wasai, Tuaran fasa 2 dan Jalan Bukit Fasal, Tuaran, Sabah, kementerian telah mengangkat permohonan projek tersebut bagi pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Walau bagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE- JPM) dan kedudukan semasa kewangan kerajaan. Sekian, terima kasih.

■1050

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan pertama.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan sebentar tadi. Yang Berhormat sedar dan tahu bahawa di Malaya ini terdapat lebih 32 lebuh raya bertingkat sehingga rakyat tidak tahu apakah singkatan nama-nama lebuh raya tersebut seperti MEX, DUKE, SPRINT, LATAR, PLUS, KESAS, LEKAS dan pelbagai lagi. Akan tetapi di negeri Sabah, rakyat terpaksa berhadapan dengan kemudahan yang begitu teruk. Setiap kali hujan sahaja, ada sahaja tanah runtuh dan kerajaan negeri terpaksa berbelanja untuk membuka tanah runtuh tersebut.

Persoalan saya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apakah sebenarnya langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar khususnya untuk memastikan supaya pihak kerajaan akan dapat memperuntukkan untuk menaik taraf jalan-jalan raya ini daripada jalan merah kepada di-asphalt, naik taraf. Ini kerana ia punya kadar peruntukan hanyalah lebih kurang RM2 juta untuk satu kilometer, bukan pun banyak sangat. Akan tetapi tidak diberi keutamaan. Jalan yang diberi keutamaan adalah lebuh raya bertingkat.

Jadi ini persoalan saya fikir Yang Berhormat juga dari luar bandar, dari Lawas juga tahu dan sedar ini bahawa peruntukan untuk luar bandar tidak diberi keutamaan selama ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Henry Sum Agong:** Ya Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Saya selaku wakil rakyat daripada kawasan luar bandar seperti Yang Berhormat maklumkan tadi tahu sangat tentang keperluan-keperluan di luar bandar yang belum lengkap ini.

Jadi bagi tahun hadapan, kita mempunyai peruntukan di bawah bajet yang agak besar dan saya rasa dan saya bercadang kepada Yang Berhormat mana-mana cadangan jajaran jalan yang belum tersenarai di dalam RMKe-12 khususnya, Yang Berhormat disarankan untuk mengemukakan keperluan tersebut kepada Kerajaan Negeri Sabah sebagai senarai keutamaan dan pihak kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) membuat semakan kos sebelum diangkat kepada pihak UPE, JPM bagi kelulusan pelaksanaan. Sekian, terima kasih.

**9. Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]** minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan apakah usaha yang telah diambil dalam memastikan pelajar yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dapat membuat persediaan yang cukup seperti mana pembelajaran yang formal sebelum negara dilanda pandemik COVID-19.

**Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Machang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan calon peperiksaan awam tahun 2020 dapat meneruskan pembelajaran walaupun sekolah ditutup. Apabila sekolah dibuka semula pada 24 Jun 2020, murid Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 diberi keutamaan untuk memulakan persekolahan. Mereka juga diberikan keutamaan untuk tinggal di asrama sekolah dengan persetujuan ibu bapa.

Setelah sekolah dibuka semula, guru-guru Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 telah melipat gandakan usaha untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara optimum. Semasa sekolah ditutup, inisiatif diteruskan oleh guru melalui pelbagai kaedah. Bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, pengajaran dan pembelajaran (PdP) turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan di Saluran TV OKEY RTM dan Tutor TV Astro.

Di samping itu, terdapat juga guru yang melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid dengan pelbagai kaedah mengikut kesesuaian. Murid-murid juga boleh menggunakan buku teks cetak dan buku aktiviti sebagai bahan rujukan dan melaksanakan aktiviti seperti mencatat nota, membuat rumusan atau melakar sesuatu konsep dengan lebih jelas. Bagi murid yang mengikuti PdP di rumah dan mempunyai peranti serta akses internet pula, KPM menyediakan kemudahan pembelajaran dalam talian melalui platform seperti berikut:

- (i) pelantar pembelajaran digital iaitu *Digital Education Learning Initiative Malaysia (DELIMa)*. Melalui pelantar ini murid dan guru boleh akses kepada aplikasi seperti *Google Classroom*, *Google*

Meet, Microsoft 365, Apple Teacher Learning Center, buku teks digital, video PdP dan kuiz;

- (ii) koleksi video pendidikan melalui pelantar EduwebTV dan cikgoTUBE bagi perkongsian koleksi video daya usaha kreatif guru dan PdP; dan
- (iii) program dan aktiviti seperti kelas digital, e-class untuk murid.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan calon dapat membuat persediaan yang mencukupi bagi menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), KPM telah membuat keputusan untuk meminda tarikh peperiksaan tersebut dengan mengambil kira PdP yang terjejas sejak PKP bermula pada bulan Mac hingga Jun 2020 dan PKPB yang dilaksanakan di beberapa buah negeri selepas daripada itu.

Tarikh peperiksaan SPM yang pada asalnya dijadualkan pada 16 November hingga 17 Disember 2020 telah dijadualkan semula pada Januari hingga 9 Februari 2021 dan terkini telah dipinda sekali lagi ke 22 Februari hingga 25 Mac 2021. Dengan pindaan tarikh peperiksaan SPM, calon akan mempunyai masa yang panjang untuk membuat persediaan rapi bagi menghadapi peperiksaan. Selain itu, ia juga memberi lebih masa kepada mereka untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka apabila sekolah dibuka semula pada 20 Januari 2021.

KPM yakin bahawa usaha-usaha ini akan memastikan calon-calon SPM mempunyai ruang dan peluang untuk membuat persiapan yang rapi sebelum menduduki peperiksaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan pertama.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri menyebut kemungkinan sekolah akan dibuka semula pada Januari 2021, itu andaian kita. Sekiranya pandemik COVID-19 ini masih lagi berada pada tahap yang membimbangkan atau tahap yang bahaya, mungkin tarikh ini juga akan ditunda dan juga Yang Berhormat Menteri menyebut bahawasanya tarikh peperiksaan dan penjadualan semula tarikh peperiksaan ini ialah pada 22 Februari hingga 25 Mac tahun depan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, di dalam tempoh pelajar-pelajar yang terlibat dengan peperiksaan SPM ini akan belajar dari rumah, maka di sini terdapat sedikit kebimbangan bagi pihak kita semua terutamanya golongan M40 dan B40. Dulu M40 ini okeylah berada dalam keadaan dan suasana yang agak selesa dengan pendapatan yang tinggi.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Akan tetapi dalam saat pandemik COVID-19 ini, M40 ini boleh jadi B40 dan sudah pun jadi B40 dan bersedia untuk menjadi B40 pada bila-bila masa. Bukan semua di kalangan mereka ini ada kemudahan capaian internet dan juga bukan semua di kalangan mereka ini ada komputer riba. Bayangkan dalam satu rumah, ada tiga hingga empat orang anak. Semua berebut-rebut komputer riba ini untuk hendak belajar.

Keduanya maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri adalah bahan-bahan cetak yang disediakan. Di sini juga tidak semua di kalangan ibu bapa yang akan pergi ke sekolah untuk mengambil bahan cetak ini dan sejauh manakah pemantauan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan bahwasanya pembelajaran anak-anak terutamanya masyarakat luar bandar ini tidak akan terjejas.

Kita tak nak apabila mereka masuk peperiksaan nanti, akibat daripada mereka tidak dapat menjalani sesi pembelajaran yang sempurna, maka penilaian daripada segi keputusan peperiksaan ini akan rendah dan dengan sendirinya peluang-peluang mereka untuk menjajakkan kaki ke menara gading, melanjutkan pelajaran seterusnya juga akan tercicir. Ini yang membimbangkan kita.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah pihak kementerian membuat pemantauan terhadap perkara ini dan apakah langkah yang lebih baik yang boleh dikaji oleh pihak kementerian dan bagi memastikan mereka ini tidak akan tercicir daripada segi pembelajaran kerana mereka ini adalah permata negara, masa depan negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Panjang jawab soalan.

**Tuan Muslimin bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat Machang. Terima kasih kepada motivasi yang sangat baik dan kita sebenarnya memahami keluh kesah terutamanya di kalangan pentadbir sekolah, di kalangan ibu bapa termasuk pelajar sendiri yang akan mengambil peperiksaan awam. Kita tahu kita di peringkat KPM telah menjajarkan beberapa kali jadual peperiksaan dan kita sedar di peringkat KPM kita sangat risau dengan keciciran mereka— bukan keciciran maksudnya. mereka yang tertinggal dari segi penguasaan silibus untuk mereka menghadapi peperiksaan.

**■1100**

Kita juga sedar, apabila kita menggunakan *home-based learning*, kita tahu bukan satu jumlah yang keseluruhan daripada seluruh daripada pelajar-pelajar yang mengakses kepada internet. Daripada kita punya kajian, sebanyak 36 peratus Yang Berhormat Machang, pelajar-pelajar kita tidak mempunyai peranti. Di situ kita ada

kerisauan dan kita ada kebimbangan bahawa pelajar-pelajar kita memang tidak dapat menguasai untuk mereka menghadapi peperiksaan SPM.

Akan tetapi di peringkat sekolah, kita sangat berterima kasih dan kita sangat yakin dengan kreativiti cikgu-cikgu sekolah yang bukan sekadar memberi tugas secara *online* ataupun mencetak dan ibu bapa mengambil di sekolah. Mereka juga mengambil inisiatif menghantar sendiri ke rumah bagi pelajar-pelajar yang berada di zon yang jauh daripada akses internet dan pemilikan peranti.

Kita yakin walaupun mungkin ada sedikit keresahan dan kekurangan untuk pelajar-pelajar kita menghadapi peperiksaan SPM tetapi kita di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, daripada peringkat KPM sampai ke peringkat sekolah, sampai kepada guru-guru dan sampai ke peringkat bawahan, kita yakin kita mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa PdP dapat dilaksanakan juga walaupun dengan apa cara sekalipun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum kita akhiri sesi soal jawab lisan harian ini, saya mempunyai sedikit pemakluman mengenai ujian COVID-19.

Ahli-ahli Yang Berhormat semua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pemasuhan telah pun dibuat di Dewan ini pada 4 November 2020 bahawa semua Yang Berhormat dan para petugas perlu menjalani ujian COVID-19 menggunakan kaedah *reverse transcription polymerase chain reaction* (RT-PCR) setiap dua minggu semasa Persidangan Mesyuarat Ketiga ini.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memilih untuk membuat ujian di Parlimen Malaysia, pihak pengurusan Parlimen akan menyediakan kemudahan ujian tersebut seperti berikut: Tarikhnya ialah 12 November 2020, hari Khamis ini. Masanya ialah pada pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang dan tempatnya di Dewan Serbaguna, Parlimen Malaysia.

Perlu saya ingatkan bahawa ujian di Parlimen hanyalah disediakan untuk Yang Berhormat Ahli Parlimen sahaja. Sementara bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang memilih untuk membuat ujian di mana-mana hospital ataupun pusat perubatan swasta, keputusan ujian tersebut hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Dewan Rakyat sebelum Yang Berhormat menghadiri sidang Dewan Rakyat pada Isnin, 16 November 2020.

Dalam pada itu, pegawai yang mengiringi Ahli Yang Berhormat semua juga perlu menjalani ujian COVID-19 dan pegawai tersebut perlulah berhubung terus dengan hospital dan klinik yang berkaitan dan bukan di Parlimen. Pihak Pentadbiran Parlimen Malaysia akan mengeluarkan notis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perincian ujian-ujian tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat semua,...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan bagi Jawab Lisan pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat, Ya?

***[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pengumuman tersebut, bolehkah saya mohon kelonggaran? Oleh kerana hari Sabtu ini ada yang akan meraikan atau menyambut Deepavali dan ada yang akan balik ke kampung halaman masing-masing pada hari Rabu dan mungkin hari Khamis tidak akan hadir.

So, bolehkah saya memohon kalau Tuan Yang di-Pertua boleh mengatur supaya Ahli-ahli Parlimen yang akan balik menyambut Deepavali pada hari Rabu ini dan mungkin tidak sempat hadir pada hari Khamis, boleh menjalankan proses pemeriksaan itu di Parlimen esok bersama-sama dengan pegawai dan mungkin bayaran-bayaran boleh dikenakan untuk pegawai-pegawai.

Ini kerana pegawai-pegawai yang mengiringi kami juga akan balik ke kampung halaman dan mungkin tidak sempat menjalani pemeriksaan di hospital-hospital di Pulau Pinang atau di mana-mana. Jadi, bolehkah saya mohon kelonggaran dibuat ataupun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cubalah, saya cuba.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya, esok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi saya tidak berani berjanji. Saya cuba. Kalau boleh ada senarai itu pun bagus juga. Saya cuba. Terima kasih.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2021 ini

dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[9 November 2020]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kita akan menyambung perbahasan rang undang-undang ‘*supply*’ ini. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Pekan sebagai pembahas utama pihak di sini. Saya memberikan masa sebanyak 90 minit kepada Yang Berhormat Pekan. Dipersilakan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**11.05 pg.**

**Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu, atas isu peraturan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya ingin bertanya, kenapakah Yang Berhormat Pekan diberikan selama 60 minit, walhal Ahli Parlimen Bagan hanya diberikan masa selama 15 minit? Adakah Dewan yang mulia ini ingin mendengar syarahan daripada Yang Berhormat Pekan yang telah pun disabitkan dengan kesalahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** So, saya hendak tanya, apakah dan bagaimanakah kita mengatur masa, Tuan Yang di-Pertua?

**Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sudahlah Yang Berhormat Jelutong. Konflik politik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Saya terangkan, saya terangkan. Yang Berhormat Ketua Pembangkang diberikan masa selama 90 minit. Maka, pembahas utama di sebelah sini pun saya berikan masa selama 90 minit, malah saya menerima permintaan daripada Yang Berhormat Langkawi sebagai bekas Perdana Menteri untuk masa

selama 30 minit, saya setujui juga. Jadi, kita adil dan saksama untuk tidak membuang masa, saya menjemput Yang Berhormat Pekan. Dipersilakan.

#### 11.06 pg.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kerajaan Perikatan Nasional atas pembentangan Bajet 2021 yang telah dibentangkan pada minggu lepas. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan, hadir pada masa ini. Bajet yang dilihat sebagai bajet yang terbesar di dalam sejarah Malaysia.

Saya berterima kasih kepada rakan-rakan daripada Barisan Nasional dan Dewan yang mulia ini yang memberikan peluang kepada saya untuk menyuarakan suara rakyat, mewakili pendapat, pandangan dan mengemukakan cadangan-cadangan khusus Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional berhubung Bajet 2021.

Sepertimana yang telah saya bahaskan semasa perbahasan Menjunjung Kasih Titah Diraja pada Julai lepas, negara menghadapi cabaran paling besar sejak 100 tahun yang lalu. Pada pandangan saya, ketika itu bahawa keadaan akan menjadi lebih berat dan lebih serius sebelum dapat dipulihkan. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the situation will get worse before it gets better and we're not out of the woods yet.*

Tuan Yang di-Pertua, bayangkan jumlah kes baharu COVID-19 seluruh dunia semasa PKP mula dilaksanakan di negara kita pada bulan Mac lalu, hanya sekitar sebanyak 20,000 kes sehari. Pada masa saya membahaskan Titah Diraja pada bulan Julai lalu, kes baharu di seluruh dunia telah meningkat kepada sebanyak 200,000 kes sehari, yakni dalam tempoh empat bulan sahaja.

Hari ini, lebih kurang empat bulan kemudian, pada bulan November ini, jumlah kes sudah melonjak dan melebihi sebanyak 600,000 kes baharu setiap hari. Kita masih belum memasuki musim sejuk Hemisfera Utara, di mana COVID-19 akan lebih mudah menular. Sudah tentu kes-kes dijangka meningkat lebih tinggi lagi setiap hari. Ini akan memberikan tekanan yang paling hebat kepada sistem kesihatan negara-negara ekonomi besar dunia sehingga mereka terpaksa melaksanakan perintah berkurung.

Ini sekali gus akan menjelaskan eksport negara dan menyebabkan harga minyak dunia merudum. Tidak mustahil harga minyak dunia akan terus menjunam ke angka negatif sekali lagi. Siapa pernah terfikir bahawa harga minyak sampai menjadi negatif seperti mana yang telah berlaku pada bulan Mac yang lalu. Semasa itu, takungan minyak telah menjadi penuh sehingga pengeluar minyak terpaksa membayar kepada pembeli untuk menjual minyak tersebut.

**■1110**

Senario yang telah saya paparkan ini, menunjukkan bahawa kita sedang berada dalam zaman yang sangat luar biasa. Dengan cabaran yang amat luar biasa dan ini memerlukan bajet yang luar biasa, malah bukan setakat bajet tetapi dasar ekonomi negara yang luar biasa dan pendekatan yang juga luar biasa. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *extraordinary times required extraordinary measures.*

Pada saya Bajet 2021, merupakan— boleh diibaratkan sebagai sebuah *wartime budget*. Negara kita sebenarnya sedang berperang, berperang dengan musuh yang tidak kita nampak. Kelangsungan hidup dan nyawa rakyat yang terancam dan dalam bahaya. Kita juga jangan lupa kelangsungan syarikat-syarikat kecil dan sederhana atau *small and medium micro enterprises* yang betul-betul terkesan. Saya ada terbaca berita semalam sebanyak 32,000 buah syarikat SME telah ‘*gulung tikar*’ atau terlungkup sejak krisis COVID-19 bermula.

Kerajaan perlu memahami apa yang sedang dialami oleh rakyat serta ketakutan dan kerisauan yang sentiasa berlegar dalam fikiran rakyat kini. Apatah lagi sentimen rakyat yang berpandangan, pengorbanan dan usaha mereka semasa tempoh PKP yang lepas telah menjadi sia-sia.

Rakyat mengharapkan agar kerajaan sentiasa memastikan mereka berasa terbela dan kerajaan dapat menunjukkan jalan keluar bagi mereka dan negara daripada situasi yang amat menggerunkan ketika ini. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, bajet kali ini bukan sahaja memerlukan pendekatan yang luar biasa tetapi juga mestilah berani ataupun *bold*, kreatif dan memberi inspirasi dan pengharapan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bajet negara perlu dilihat sebagai inklusif kepada semua kaum supaya mereka berasa terbela. Pastikan tidak ada mana-mana kaum ataupun golongan yang tercicir. Misalnya, jika ada peruntukan khusus untuk kaum Cina atau India, sila nyatakan dengan jelas, jika tiada, sila tambah. Umpamanya keperluan untuk menyambung pelaksanaan *Malaysian Indian Blueprint* yang telah dibatalkan oleh Kerajaan PH, perkara ini sangat dituntut oleh masyarakat kaum India. [Tepuk]

Sehubungan dengan itu, saya gembira apabila terbaca berita bahawa seorang Timbalan Ketua Menteri Sabah memberitahu Petronas telah berjanji untuk membayar cukai jualan petroleum sebanyak RM1.23 bilion kepada Sabah pada tahun hadapan. Akan tetapi tidak termasuk dalam Bajet 2021. Jika benar, saya harap kita boleh pertimbangkan bayaran segera tambahan sebanyak RM1,000 untuk setiap penerima BPN khusus untuk rakyat Sabah. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sabah perlukan bantuan sekarang, bukan tahun hadapan. Oleh sebab negeri Sabah telah dilaksanakan PKPB paling lama tempohnya dan merupakan negeri paling terjejas dalam gelombang ketiga COVID-19 ini.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Mohon laluan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Sabah adalah...

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Yang Berhormat Pekan, Kimanis sedikit boleh?

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Mana?

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Kimanis, belakang.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Oh! Kimanis, yes! Yes! Baik.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Terima kasih Yang Berhormat Pekan, saya cukup tertarik dengan hujah Yang Berhormat Pekan yang menyatakan bahawa geran khas harus diberikan. Saya minta sama ada Yang Berhormat Pekan setuju atau tidak kita segerakan secepat mungkin.

Ini kerana di Sabah ini yang terjejas ramai antaranya penjaja, peniaga kecil, dalam sektor pelancongan seumpamanya, *the most effected* sektor ialah pelancongan dan mereka banyak terlibat dalam sektor ini. Saya minta sama ada Yang Berhormat Pekan setuju atau tidak kita segerakan serta-merta dana khas ini sebanyak RM1,000. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sambungan Yang Berhormat Pekan, berkaitan, Pontian ini. Bukan hanya Sabah yang dapat cukai jualan daripada Petronas sebanyak RM1 bilion tetapi juga Sarawak diberikan juga cukai jualan sebanyak RM1 bilion lebih. Selain daripada itu wang Petronas juga disalurkan di Kelantan dan Terengganu. Jadi, untuk negeri-negeri yang dapat manfaat ini, saya sokong sangat apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Pekan. Ada tambahan dari negeri-negeri yang berkaitan untuk geran kepada pihak yang berkaitan dan yang terjejas, terima kasih.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Terima kasih, saya terima dengan baik pandangan Yang Berhormat Kimanis dan Yang Berhormat Pontian. Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sabah perlukan bantuan bukan tahun hadapan sebab negeri Sabah telah dilaksanakan PKPB paling lama tempohnya dan merupakan negeri paling terjejas dalam gelombang ketiga COVID-19 ini. Sabah adalah antara negeri yang paling tinggi kadar kemiskinannya dan bertambah teruk semasa zaman 'gagalkrasi' PH. Di mana kadar pertumbuhan Sabah turun dari 8.2 peratus pada tahun 2017...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** ...Semasa BN, paling tinggi di antara semua negeri dalam Malaysia.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya menggunakan peraturan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Menjunam.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Peraturan Mesyuarat 36(6). Saya minta Yang Berhormat Pekan supaya menarik balik pernyataan ‘gagalkrasi’. Ini kerana tidak ada mana-mana Ahli Parlimen atau Menteri-menteri di sebelah Pakatan Harapan yang songlap RM42 juta duit rakyat, yang tidak bayar RM1.6 bilion. *[Sistem pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk. Peraturan Mesyuarat 36(6)...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Pekan tarik balik kenyataan ‘gagalkrasi’.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk!

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tidak ada Menteri-menteri Pakatan Harapan yang songlap duit rakyat. *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sedang buat *ruling* ini, tolong! Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 36(6), tolong, tolong. Kita tidak ada masa ini.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Bagan curi duit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di bawah Peraturan Mesyuarat 36(6), “*Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain*”.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak mendengar apa-apa sangkaan jahat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, siapa yang tidak bayar RM1.69 bilion kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri?

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bayangkan duit yang kita boleh guna untuk bantu rakyat... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pekan.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Ini gangguan namanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak mengapa. Yang Berhormat, saya sedang buat *ruling*. Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat juga ikut peraturan mesyuarat ya. Yang Berhormat Pekan tidak merujuk kepada sesiapa Ahli, jadi 36(6) tidak *apply*. Saya persilakan Yang Berhormat Pekan untuk teruskan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Jelutong ini selalu mengacau sahaja.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bukan mengacau Yang Berhormat, tanya bagi pihak rakyat. Menuntut bagi pihak rakyat. *[Sistem pembesar suara dimatiikan] [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat! Amaran! Amaran saya yang pertama. *[Mengetuk tukul]* Silakan Yang Berhormat Pekan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertumbuhan Sabah turun dari 8.2 peratus tahun 2017, paling tinggi antara semua negeri dalam Malaysia. *[Tepuk]* Menjunam ke paling rendah untuk dua tahun berturut-turut dengan kadar pertumbuhan cuma 1.5 peratus pada tahun 2018 dan 0.5 peratus pada tahun 2019.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Kita jangan biarkan jurang pembangunan antara Sabah dengan Semenanjung...

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** ...Bertambah besar. Bantulah Sabah sekarang.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Mohon mencelah Yang Berhormat Pekan?

## ■1120

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Pekan tidak memberi laluan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Saya teruskan sekarang.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Pendek sahaja, Yang Berhormat Pekan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Kena teruskan.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Boleh? Ini fasal Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Pekan tidak beri laluan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Tidak perlu. Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Pendek sahaja, Yang Berhormat Pekan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Kerajaan PN telah melakukan... *[Disampuk]*

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Itu satu pandangan tadi tentang...

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Sudah lah Yang Berhormat Tuaran. Sudahlah Yang Berhormat Tuaran. Duduklah.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuaran. Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Pekan tidak beri laluan.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan PN telah melakukan yang terbaik semasa PKP yang pertama pada bulan Mac. *[Tepuk]* Akan tetapi perlu diingatkan bahawa bulan Mac telah pun berlalu lapan bulan yang sudah dan hampir semua bantuan yang disalurkan telah habis digunakan. Walaupun kita katakan bajet ini merupakan bajet yang terbesar dalam sejarah, jumlah saiz Bajet 2021 sebanyak RM322.4 bilion sebenarnya hanya RM8 bilion atau 2.5 peratus lebih besar dengan jumlah perbelanjaan tahun 2019 sebanyak RM316.5 bilion semasa Kerajaan PH.

Namun, defisit bajet tahun 2021 adalah lebih besar berbanding tahun 2019 kerana Kerajaan PH telah menjarah RM54 bilion daripada Petronas— *[Tepuk]* untuk meningkatkan hasil kerajaan tahun 2019 supaya defisit negara tidak begitu ketara. Hasil cukai petroleum pada tahun 2019 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2021, di mana harga minyak dunia dijangka lebih rendah.

Walaupun ada yang mempercayai propaganda PH bahawa Kerajaan PH terpaksa menjarah dividen Petronas pada tahun 2019, sebab kononnya membayar balik tunggakan *refund* GST RM18.2 bilion yang dikatakan dirompak BN. Akan tetapi Laporan PAC untuk GST telah membuktikan bahawa *refund* itu tidak dirompak, masih ada dalam akaun kerajaan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Boleh minta laluan sedikit, Yang Berhormat Pekan?

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Sebenarnya... *[Disampuk]*

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kangar.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Saya hendak teruskan. Teruskan. Nanti dahulu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Pekan, kalau dahulu BN bayar GST itu...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kangar. Yang Berhormat Pekan tidak beri laluan. Maaf. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Sebenarnya, dividen Petronas yang dijarah tahun 2018 dan 2019 sebab Kerajaan PH perlu tanggung kekurangan hasil kerajaan akibat mengganti GST dengan SST dan juga menanggung hasil yang hilang akibat *tax holiday*...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya gunakan peraturan sekali lagi.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Tidak, tidak. Saya tidak izinkan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Isu peraturan, Tuan Yang di-Pertua. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]*

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Saya tidak...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** 36...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Tidak payah layanlah Yang Berhormat Jelutong. Tidak payah layan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Merapu sahaja Yang Berhormat Jelutong ini, Tuan Yang di-Pertua. Dia hendak ganggu sahaja.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mengganggu Yang Berhormat Pekan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Kita dengar.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dengar, dengar bantahan saya...

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita dengar. *Last.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Semalam Ketua Pembangkang cakap, kita tidak ganggu.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Last.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua—dengarlah. Kami bukan pak turut macam *you orang*. Peraturan Mesyuarat 36(12).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, minta tolong jangan layan. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kenapa Yang Berhormat Baling itu teriak-teriak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Mana-mana Ahli...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baling, tolong. Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah di... *[Disampuk]*

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Apa yang kelirunya, Yang Berhormat Jelutong? Apa yang kelirunya? Merapu ini. Buang masa sahaja. Dengarlah. Rakyat dekat luar hendak dengar cadangan daripada Yang Berhormat Pekan untuk kebaikan kerajaan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dengarlah!. Dengarlah!.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey. Yang Berhormat.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat semua, kita dengar Yang Berhormat Jelutong, sekejap sahaja. Sekejap. Satu minit Yang Berhormat Jelutong. Tolong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Eloklah, rakyat dekat luar dengar. Eloklah. Rakyat dah menyampah...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Machang. Yang Berhormat Jelutong, satu minit.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pekan telah menyatakan bahawa Pakatan Harapan telah menggunakan semua pendapatan daripada Petronas. Ini kerana kita tidak dapat pendapatan daripada apa-apa sumber. Now, itu adalah perkara yang tidak betul. Kita bandingkan perkara itu kepada perkara-perkara seperti 1MDB yang langsung tidak didedahkan kepada orang ramai...

*[Dewan riuh]*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Duduk, duduk. Duduk semua. *[Mengetuk tukul]* Tolong duduk semua. Duduk, duduk. Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Machang.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *What kind of behavior is this, Tuan Yang di-Pertua? What kind of behavior?*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak buat *ruling* ini. Saya hendak buat *ruling*. Yang Berhormat Pekan tidak kata pun menggunakan wang Petronas kerana pendapatan lain tidak ada. Yang Berhormat Pekan tidak ada kata begitu.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita buat perbandingan...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sebenarnya hendak mengganggu perjalanan prosiding. Kita hendak beri kepada Yang Berhormat Pekan sebagai pembahasan utama sejam setengah. Jangan kita buang masa. Semalam Yang Berhormat Ketua Pembangkang dapat sejam setengah. Kita beri peluang kepada Yang Berhormat Pekan untuk berucap bagi pihak *Backbenchers*. Silakan Yang Berhormat. *[Tepuk]* Tolong.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kami tidak ganggu Ketua Pembangkang langsung semalam. Kami beri peluang *floor* kepada Yang Berhormat Port Dickson.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baling, tidak apa. Yang Berhormat Baling sabar. Sabar. Yang Berhormat Baling duduk. Kita jangan buang masa. Kita bagi Yang Berhormat Pekan untuk menghabiskan ucapan beliau. Kita kena saksamalah. Saksama. Sebelah sini kita dengar. Sebelah sini pun kita kena dengar.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Cameron Highlands. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Cameron Highlands.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Saya ingin mencadangkan, masa yang telah diambil mengganggu Yang Berhormat Pekan, diganti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya. Tidak apa. *We play by ear.* Silakan Yang Berhormat Pekan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan PH dahulu tidak buat langkah populis pada tahun 2018, jumlah perbelanjaan untuk tahun 2021 mampu bertambah sehingga RM56 bilion lagi iaitu

RM20 bilion daripada perbezaan antara GST dengan SST dengan perbezaan dividen Petronas tahun 2019 dan 2021.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Boleh minta sedikit, Yang Berhormat Pekan?

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Selain itu, ruang untuk perbelanjaan tambahan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kangar, duduk.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Saya hendak teruskan. Banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Pekan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Masa terhad. Selain itu, ruang untuk perbelanjaan tambahan telah dinafikan oleh Kerajaan PH kerana mereka telah menaikkan nisbah hutang kerajaan, KDNK dari 48.7 peratus kepada 54.4 peratus setelah PH meningkatkan hutang langsung negara sekitar RM140 bilion. Bayangkan apa yang kerajaan boleh buat dengan bajet akan datang dengan tambahan sebanyak RM56 bilion yang telah saya sebut tadi dan RM140 bilion ini.

Jelas, tindakan populis PH tahun 2018 sudah memakan diri dan mendatangkan mudarat kepada negara pada saat yang kita paling memerlukannya. *[Tepuk]* Oleh sebab Bajet 2021 hanya RM8 bilion lebih tinggi berbanding perbelanjaan kerajaan tahun 2019, maka timbulnya persoalan keberkesanan Bajet 2021 untuk menyelamatkan negara dan rakyat. Ini disebabkan perbelanjaan pada tahun 2019 hampir menyamai Bajet 2021.

## ■1130

Namun, ekonomi kita tetap terjejas pada tahun itu walaupun tiada krisis COVID-19. Kadar pertumbuhan negara mencatatkan kadar paling rendah sejak sepuluh tahun lalu dengan dividen-dividen tabung amanah juga paling rendah.

Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan ini adalah antara salah satu faktor yang mendorong saya membuat saranan untuk melanjutkan moratorium pinjaman secara pukal *[tepu]* dan membenarkan pengeluaran *one-off* sehingga RM10,000 daripada Akaun 1 KWSP *[Tepuk]*. Ini disebabkan dana ini tidak termasuk dalam perbelanjaan kerajaan atau pengiraan defisit negara. Inilah yang saya maksudkan sebagai langkah yang berani dan luar biasa, yakni *bold and unconventional method* dalam keadaan yang luar biasa.

Pada pendapat saya, dana ini amat diperlukan untuk menambah kitaran wang dalam ekonomi pada masa perbelanjaan kerajaan adalah terhad serta membantu rakyat yang amat terdesak dan terkesan pada masa ini. Wang yang dikeluarkan daripada akaun pencarum pada masa ini mampu dipulihkan dengan sokongan kerajaan dalam

masa setahun atau dua tahun lagi pada masa hadapan selepas krisis COVID-19 berlalu. Tiada seorang pun yang berkata bahawa wang yang dikeluarkan sekarang tidak boleh dipulihkan pada masa akan datang. Tanggungjawab kerajaan bukan untuk menafikan pencarum daripada mengakses wang milik mereka sendiri pada masa mereka paling terdesak.

Fokus kerajaan pula ialah mencari jalan untuk memulihkan dan memastikan pencarum dengan baki simpanan yang rendah dapat menambah simpanan mereka dengan kadar paling cepat supaya sewaktu mereka bersara nanti, simpanan di dalam Akaun 1 akan mencukupi. Perkara ini boleh dilakukan dengan tiga cara Tuan Yang di-Pertua iaitu:

- (i) selepas COVID-19, kerajaan boleh membantu KWSP meraih pendapatan yang lebih dengan memberi projek-projek yang lebih lumayan kepada KWSP. Contohnya sebelum ini projek Kwasa Land atas tanah Lembaga Getah Malaysia, projek Battersea di United Kingdom serta pemilikan 46 peratus di dalam syarikat PLUS;
- (ii) menaikkan semula kadar caruman bulanan majikan dan pencarum selepas krisis COVID-19 tamat; dan
- (iii) mengubah struktur pembayaran dividen kepada struktur berperingkat atau dengan izin, *multi-tier dividend structure* di mana baki simpanan yang lebih rendah, akan terima dividen yang lebih tinggi supaya pembahagian keuntungan KWSP akan lebih memihak kepada pencarum yang mempunyai baki simpanan rendah. Dengan ini, simpanan masa tua pencarum yang terpaksa mengeluarkan wang secara *one-off* daripada Akaun 1 dapat dipulihkan dalam masa terdekat.

Perlu saya tegaskan bahawa jumlah aset terkumpul KWSP bernilai RM940 bilion pada masa ini. Seandainya 4 juta pencarum mengeluarkan maksimum yang dibenarkan sebanyak RM10,000, ini akan mengakibatkan keperluan dicairkan wang tunai sebanyak RM40 bilion. Saya percaya tidak semua pencarum akan mengeluarkan jumlah maksimum. Kemungkinan jumlah yang diperlukan katalah RM20 bilion ataupun RM30 bilion. Saya percaya jumlah ini mampu disediakan oleh KWSP.

Tambahan lagi Bank Negara boleh membeli bon-bon kerajaan yang dimiliki oleh KWSP. Perlu sedari bahawa 49 peratus aset KWSP adalah dalam bentuk bon kerajaan dan Bank Negara boleh membantu dengan pelupusan bon ini tanpa memberi impak besar kepada pasaran bon tempatan. Kita bukan mahu memaksa KWSP untuk mencairkan aset ekuiti pada masa nilai aset rendah, secara tidak langsung menambah

wang dalam kitaran atau *money circulation* dalam ekonomi agar pekerjaan dapat diselamatkan, ekonomi dapat dirancakkan dengan penambahan permintaan ini merupakan langkah yang amat tepat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin perjelaskan mengapa pembayaran *one-off* ini amat diperlukan oleh pencarum dan tidak menerima cadangan dalam bajet untuk membayar RM500 sebulan untuk tempoh 12 bulan. Antara sebabnya, pembayaran *one-off* ini sebanyak RM10,000 boleh digunakan sebagai penyelesaian hutang tunggakan mereka seperti bil utiliti, bayaran sewa, pinjaman rumah, keperluan untuk anak-anak, caruman insurans, tunggakan dan lain-lain lagi.

Selain daripada itu, wang tersebut boleh digunakan sebagai modal asas untuk memulakan perniagaan kecil terutama sekali bagi mereka yang kehilangan pekerjaan. Sebagai contoh, wang ini juga boleh digunakan untuk membeli peralatan seperti motosikal, bagi menjadi pemandu penghantar makanan atau barang. Rakyat juga boleh menjadikan wang tersebut sebagai modal permulaan memulakan perniagaan secara dalam talian atau *online business* yang kini semakin pesat mengembang. Keperluan ini tidak dapat dipenuhi sekiranya dibayar cuma RM500 setiap bulan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan satu *posting* yang tular di media sosial di mana seorang juruterbang, seorang *pilot* bernama Kapten Azrin yang turut sama terkesan dengan pandemik ini, kini sedang menjalankan perniagaan Warung Kapten Corner dengan menjual makanan seperti mi kari dan mihun sup dengan memakai uniform juruterbang yang lengkap.

Cuba bayangkan, dengan uniform seorang *pilot* kerana hari ini dia tidak ada pekerjaan lagi, maka sudah tentu pengeluaran *one-off* RM10,000 ini dapat membantu Kapten Azrin mengembangkan perniagaan warung ini. Secara tidak langsung juga, Mak Cik Kiah juga dapat mengembangkan lagi perniagaan pisang goreng beliau kepada perniagaan air tebu dan sebagainya. Justeru Tuan Yang di-Pertua, janganlah sampai rakyat berkata, yang diminta KWSP tetapi yang didapati adalah PKPB. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan supaya *loan moratorium* dipanjangkan secara pukal sehingga enam bulan perlu dipertimbangkan sehabis baik oleh kerajaan. Kalauolah PKPB boleh dilanjutkan berkali-kali dan ini akan menjelaskan pendapatan rakyat, kenapa pula moratorium tidak boleh dilanjutkan secara automatik dan pukal sekali lagi. [Tepuk] Sedangkan bank-bank masih meraih keuntungan yang besar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Port Dickson semalam.

Dalam pada itu, kebiasaan bank-bank memerlukan peminjam membayar balik hanya jika mereka memerlukan dana untuk membuat pinjaman baharu. Pada ketika ini permintaan untuk pinjaman baharu adalah lemah dan tiada keperluan untuk bank memaksa peminjam sedia ada untuk membayar ansuran. Jika ada permintaan untuk

pinjaman baharu meningkat pula, Bank Negara boleh melonggarkan nisbah keperluan reserve berkanun atau *statutory reserve ratio* bank agar dana bank boleh menampung keperluan pinjaman baharu.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, saban hari saya menerima banyak aduan serta keluhan daripada rakyat yang terkesan daripada pandemik COVID-19. Jika kita lihat melalui platform sosial media seperti *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya, rata-rata bukan sahaja daripada golongan B40, malah daripada M40 turut menerima impak yang sangat dahsyat daripada situasi ini.

Pada bajet kali ini, kerajaan hanya memanjangkan moratorium pada golongan B40, itu pun tidak kepada semua. Ini secara tidak langsung seakan-akan melupakan M40 yang juga menerima kesan yang besar daripada situasi yang kita hadapi. Malah rata-rata golongan M40 menyuarakan ketidakpuasan mereka bahawa bajet ini tidak memberi banyak manfaat kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, takkanlah kerajaan hendak tunggu M40 berubah B40 baru mereka diberi moratorium. Saya dengan ini mencadangkan agar inisiatif moratorium pukal perlu dipanjangkan kepada semua peminjam termasuk moratorium untuk peminjam-peminjam daripada Amanah Ikhtiar Malaysia dan TEKUN untuk tempoh enam bulan yang akan datang sehingga 30 Jun 2021.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi peluang Yang Berhormat Pekan minum. Akan tetapi saya ingin bertanya kerana moratorium yang diberikan oleh Menteri Kewangan melibatkan institusi kewangan, bank dan *finance companies*. Bagaimana dengan pinjaman daripada syarikat-syarikat kredit yang tidak tertakluk kepada arahan moratorium itu?

Hari ini dalam media menyebutkan syarikat-syarikat pelancongan bas yang mengambil pinjaman daripada *credit companies* ini. Saya fikir kalau dapat Yang Berhormat Pekan memasukkan apa yang saya cadangkan ini agar mereka yang meminjam daripada *non-financial institution – credit companies* ini dapat diambil kira.  
[Tepuk]

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Datuk, masukkan cadangan dalam ucapan saya ini. Untuk golongan penjawat awam Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bayaran balik di bawah pinjaman Lembaga Pembangunan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) diberi moratorium hingga 30 Jun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah yang induk yang perlu dilakukan oleh kerajaan bagi menghadapi ancaman serampang dua mata ini, yakni COVID dan tekanan ekonomi, saya berpendapat empat langkah utama perlu dilakukan.

Langkah pertama, kita perlu menyuntik lebih banyak dana terus ke tangan rakyat. Inilah *cash is king* yang dimaksudkan, disebutkan oleh Yang Berhormat Langkawi berkali-kali. Kedua-dua langkah ini yakni pengeluaran pukal KWSP dan lanjutan secara automatik moratorium pinjaman adalah selaras dengan pendekatan ini. Lagi pun kedua-dua langkah ini tidak melibatkan penambahan defisit kerajaan ataupun hutang negara.

Budget yang dibentangkan ini ada mengandungi cadangan-cadangan untuk memindah kewangan kepada tangan rakyat seperti bantuan BPN, bantuan nelayan – terima kasih Menteri Kewangan yang dipulihkan seperti zaman Barisan Nasional, bantuan kebijakan yang dinaikkan dan lain-lain lagi.

Namun golongan pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta tidak disenaraikan dan mereka juga terkesan apabila lebih-lebih lagi mereka diminta semula pulang ke rumah setelah tiba di kampus masing-masing. Antara yang patut dipertimbangkan termasuk pengurangan yuran pengajian kerana kos operasi di kampus sudah berkurangan dalam masa PKP ini memandangkan pembelajaran banyak beralih secara dalam talian. Kos pelan data internet seharusnya diberikan dengan percuma atau kadar minimum.

Sehubungan itu, jika kerajaan memberikan RM180 kepada golongan B40 seperti telah diumumkan dalam Budget 2021, saya mohon dipertimbangkan untuk memberi sekurang-kurangnya RM100 kepada golongan M40 jika jumlah yang sama tidak diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada kerajaan atas pengumuman Bantuan Prihatin Nasional. Ini membuktikan pendekatan kerajaan terdahulu dengan memperkenalkan BR1M terbukti sangat membantu rakyat terutama golongan B40. Rata-rata penerima BR1M marah kepada Kerajaan PH apabila menghentikan seketika bantuan tersebut sebelum meneruskan dengan kadar yang lebih rendah di bawah BSH.

Saya berpendapat jumlah BPN yang diumumkan dalam bajet ini perlu ditambah baik sehingga mencecah RM2,000. Golongan bujang contohnya, saya mencadangkan agar mereka menerima RM600 dan bukannya RM350, sedangkan ini adalah jumlah yang dicadangkan oleh BN untuk tahun 2018 tanpa COVID.

Tuan Yang di-Pertua, bagi golongan peneroka FELDA yang sentiasa dekat di hati saya, dicadangkan kerajaan melihat semula keputusan yang telah dibuat dalam tahun 1990 di mana sumbangan Kerajaan Pusat pada FELDA telah dihentikan. Para peneroka FELDA generasi kedua dan ketiga FELDA satu golongan yang perlu mendapat perhatian yang berat. Saya berharap semua program yang boleh membantu golongan peneroka FELDA generasi kedua seperti projek perumahan generasi kedua dan skim latihan hendaklah diperkasakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya penumpuan bajet tidak boleh terbatas kepada soal kebajikan rakyat sahaja tanpa memastikan pemulihan ekonomi secara mapan. Justeru, langkah kedua ialah kita memerlukan sebuah pelan pemulihan strategik yang menggambarkan hala tuju yang jelas, bidang-bidang yang akan diberikan keutamaan dan jentera pelaksana yang mampu memastikan pelan ini dilaksanakan mengikut jadualnya.

Saya amat menghargai usaha kerajaan untuk meneruskan projek-projek *connectivity* seperti infra rakyat yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, *high speed rail*, MRT, Gemas Double-tracking, Central Spine Road, Pan Borneo Highway, RTS dan LRT3.

Projek-projek ini mestilah disegerakan pelaksanaannya kerana ia akan memberikan ribuan pekerjaan dan kesan berganda kepada ekonomi di samping menambah daya saing negara jangka panjang atau *long term competitiveness*. Kerajaan perlu memberi perhatian kepada jentera pelaksanaan projek-projek tersebut seperti keputusan oleh Kerajaan PH memansuhkan *project delivery partner* yang mengendali projek Lebuh Raya Pan Borneo hendaklah dihidupkan semula. Di samping itu, projek *East Coast Rail Link* (ECRL) hendaklah disambung semula mengikut jajaran asal.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu memastikan sebanyak mana kerja-kerja boleh diagihkan pada kontraktor-kontraktor kecil terutama sekali di dalam kategori kontraktor kelas 'F' secara telus. Mereka berada dalam keadaan tertekan kerana sudah ketiadaan kerja selama dua tahun semenjak PH memerintah.

Seperkara lagi yang boleh mencetuskan pertumbuhan ekonomi ialah projek *Digital Free Trade Zone* yang telah dirancang bersama dengan syarikat tersohor Ali Baba dari China. Projek ini membolehkan SME mengeksport barang mereka ke pasaran China secara dalam talian atau *online*. Mohon diteruskan semula.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita perlukan hala tuju yang jelas dan pelan strategik yang memberi inspirasi kepada rakyat seperti Wawasan 2020 dan Pelan Transformasi Negara termasuk NTP, ETP yang menjadi panduan untuk pembangunan negara, pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat kita untuk jangka panjang.

## ■1150

Pada tinjauan saya, rancangan visi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, *Shared Prosperity Vision 2030* yang diwarisi daripada Kerajaan PH kurang mendapat perhatian rakyat. Sehingga kini, saya tidak pernah mendengar ungkapan "Salam SPV 2030" dari sesiapa seperti "Salam 1Malaysia". Saya harap kerajaan dapat menggubal satu visi yang boleh memberi inspirasi kepada rakyat untuk menghadapi cabaran ini dan mencorakkan masa hadapan negara bersama. Visi baharu ini mestilah disusuli dengan

pelan strategik termasuk pelan pelaksanaan yang boleh meyakinkan semua pihak atas kebarangkalian besar visi ini dipenuhi.

Saya juga cadangkan apa jua visi atau pelan yang dicorakkan perlu mengambil pendekatan pandang ke Timur tetapi bukanlah sejauh ke negara Jepun. Cukuplah sehingga pandang ke Borneo iaitu Sabah, Sarawak dan juga Kalimantan. [Tepuk] Sabah dan Sarawak mempunyai sumber kekayaan semula jadi yang amat besar dan lokasi yang strategik lebih dekat dengan negara-negara yang pesat membangun di Asia Timur berbanding dengan Semenanjung.

Melihat kepada keadaan ini, negara Indonesia telah mula memindahkan pusat pentadbirannya ke Kalimantan. Secara asasnya, negeri yang kurang membangun akan mengalami pertumbuhan dengan lebih pesat jika diberi perhatian dan pelaburan yang sewajarnya.

Adalah tidak masuk akal jika kita menggalakkan syarikat-syarikat daripada Malaysia untuk melabur ke luar negara tanpa memberi peluang mereka melabur di Sabah dan Sarawak yang penuh dengan potensi. [Tepuk] Rancangan pandang ke Borneo ini jika dirancang dengan betul mempunyai potensi untuk menjadikan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi seluruh negara bagi jangka masa sederhana dan panjang. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, *unity* yang sebenar ialah Sabah dan Sarawak bersama dengan Malaysia dan Malaysia bersama Sabah dengan Sarawak. Bukan sekadar Sabah untuk *Sabahan* atau Sarawak untuk *Sarawakian* sahaja. Saya harap kawan-kawan kita di Sabah dan Sarawak serta pelabur di Semenanjung Malaysia akan terbuka hati untuk melabur dan memajukan visi pandang ke Borneo ini secara bersama. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa maju dan mundurnya sesebuah negara turut bergantung kepada kemasukan pelabur asing. Saya mencadangkan satu konsep *green lane* digunakan oleh pelabur asing untuk memudahkan pelabur asing yang sudah ditapis oleh MITI dan untuk melawat ke Malaysia tanpa syarat-syarat SOP yang terlalu ketat. Jika mereka benar-benar layak dan mempunyai niat untuk melabur dan membuka *business* baharu bagi menjana pekerjaan tempatan kita, perlulah dipermudahkan. KKM bersama MKN perlu mencari jalan melaksanakan konsep *green lane* ini.

Di samping itu, saya juga pernah mencadangkan pada perbahasan bulan Julai lalu bahawa inilah masanya kerajaan untuk memudahkan, mempercepatkan lagi proses kelulusan dan sebarang pelaburan atau perniagaan baharu bagi pelabur-pelabur yang masih yakin. Jika dulu kita perlu 10 syarat dipenuhi untuk sebuah pelaburan baharu untuk dibenarkan bermula operasi, kita luluskan sahaja lima ataupun enam daripada syarat yang diperlukan. Selepas itu, bagi tempoh dia untuk memenuhi syarat-syarat

yang lain. Dengan pendekatan yang lebih fleksibel ini, saya percaya kita boleh menarik lebih banyak pelaburan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, umum mengetahui bahawa sektor pelancongan dan penerbangan merupakan sektor yang paling terkesan kerana pandemik COVID-19 dan dijangka menjadi sektor yang paling lambat dan mengambil masa yang panjang untuk dipulihkan. Sektor ini amat penting kerana dianggarkan tiga juta rakyat Malaysia yang terlibat secara langsung atau tidak langsung menerima kesan dalam sektor pelancongan.

Kebimbangan saya ialah bantuan-bantuan sedia ada seperti *soft loan* dan subsidi gaji pekerja bagi sektor ini hanya merupakan bantuan kepada *supply side* untuk menampung sebahagian kos operasi pemain-pemain industri. Ini merupakan satu risiko kepada pemain industri yang terjejas kerana pertambahan hutang dan perlu menanggung gaji pekerja pada ketika permintaan dan pendapatan mereka terjejas secara berterusan.

Ini seperti yang pernah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Pagoh bahawa industri ini memerlukan sehingga empat tahun untuk kembali pulih. Berapa lama pemain industri mampu bertahan jika mereka terus meminjam dan terus membayar sebahagian besar gaji untuk pekerja pada tempoh empat tahun yang akan datang?

Apa yang diperlukan ialah bantuan untuk meningkatkan permintaan dalam sektor ini seperti memberi baucar pelancongan kepada rakyat dengan menggalakkan mereka melancong secara domestik. Baucar ini boleh digunakan sebagai wang di mana tempat pelancongan seperti hotel dengan kadar nisbah satu kepada dua di mana kerajaan akan memberi subsidi RM1 untuk setiap RM3 yang dibelanjakan oleh pelancong tempatan.

Selain daripada itu, kerajaan perlu memberi pilihan kepada pekerja industri untuk menjalani *upskill* atau *reskill* dengan skim pinjaman ala PTPTN. Bank dengan sokongan kerajaan boleh menyokong usaha ini yang turut akan menampung kos sara hidup pekerja sepanjang mereka menjalani kursus sementara menunggu industri pelancongan kembali pulih.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik penubuhan Majlis Pekerjaan Negara seperti yang telah diumumkan dan yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertujuan mewujudkan hampir 500,000 peluang pekerjaan baharu selain menangani isu pengangguran di kalangan rakyat. Akan tetapi, soal di mana dan sektor apa pekerjaan-pekerjaan diwujudkan adalah sama penting dengan bagaimana untuk mewujudkan pekerjaan.

Dalam hal ini, satu sektor yang perlu dilihat semula dan dirangsangkan semula adalah sektor pertanian di mana ianya ada kaitan dengan *food security* dan

kebimbangan bahawa rantaian makanan seluruh dunia mungkin terancam atau terganggu dalam masa COVID-19 ini. Bidang-bidang baharu yang berpotensi perlulah dikenal pasti dan diberi keutamaan untuk dimajukan.

Sebagai contoh, pengeluaran susu segar oleh Syarikat Holstein dengan jenama Farm Fresh yang telah berjaya menguasai 30 peratus daripada pasaran susu segar. Produknya mendapat sambutan yang hangat sehingga permintaan melebihi bekalan. Pengeluaran susu segar ini merupakan projek yang boleh disifatkan sebagai *import substitution* yakni mengganti barang makanan yang diimport dan berpotensi untuk menjana keuntungan. Projek ini juga membuktikan bahawa Malaysia mampu mencapai *self-sufficiency* dalam industri yang berkenaan.

Kerajaan juga perlu mengubah persepsi bahawa sektor pertanian tidak setanding dengan sektor-sektor lain seperti pekerjaan dalam bandar. Hakikatnya, sektor pertanian merupakan industri yang disanjung tinggi serta memberi pulangan yang lumayan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu generasi rakyat telah dinafikan ruang untuk menjadi peneroka FELDA...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Pekan, Pontian.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Oh! Yang Berhormat Pontian, okey.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sementara boleh minum dan menarik nafas, saya tertarik pada apa yang disebut tentang 500,000 peluang pekerjaan baharu bagi tahun hadapan. Ketika Yang Berhormat Pekan menjadi Perdana Menteri, kita pernah menjanjikan dalam masa lima tahun kita bercadang untuk mewujudkan 3 juta pekerjaan baru. Bererti lebih daripada 500,000 purata dalam masa setahun. Walaupun demikian, usaha itu mungkin dihalang dengan kemasukan pekerja asing.

Apa pandangan Yang Berhormat Pekan supaya pekerja asing ini kita kawal betul-betul dan segala akibat daripada COVID-19 ini, segala kerja yang dilaksanakan oleh pekerja asing terutama di kilang-kilang, kita naikkan gaji minimum, jika boleh, supaya ia menjadi juga punca pendapatan kepada anak-anak tempatan? Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Pontian. Harap kerajaan ambil kira pandangan tersebut.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, satu generasi rakyat Malaysia telah dinafikan peluang untuk menjadi peneroka FELDA dengan menghentikan pengambilan peneroka baharu

setelah kerajaan membuat keputusan pada tahun 1990. Mungkin inilah masa yang sesuai untuk kerajaan menimbang semula dan merancang dengan kerajaan negeri untuk mendapatkan tanah bagi mewujudkan satu generasi baharu peneroka untuk bidang-bidang makanan dan ternakan baharu seperti yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah menerima rayuan daripada ahli-ahli koperasi yang berjumlah 6 juta supaya koperasi diberi perhatian lebih berat oleh kerajaan. Ini kerana dalam bajet ini, jumlah yang disediakan untuk pembangunan hanyalah RM6.3 juta, walhal dalam negara kita terdapat 14,626 buah koperasi dan 6.1 juta orang ahli.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting untuk usaha pemulihan ekonomi ini, soalan kemampuan, kemapanan kewangan kerajaan atau *fiscal sustainability* diberi perhatian yang berat. Inilah langkah ketiga. Tindakan populis Kerajaan PH memansuhkan GST dan meningkatkan semula kebergantungan kepada hasil minyak yang telah dapat dikurangkan dengan begitu berkesan oleh Kerajaan BN.

Peruntukan untuk COVID-19 telah diasingkan daripada perbelanjaan pengurusan sebanyak RM17 bilion bagi tahun 2021 dan RM38 bilion bagi tahun 2020. Sepatutnya peruntukan ini dimasukkan dalam peruntukan perbelanjaan yang akan menunjukkan defisit belanja perbelanjaan mengurus. Ini bermakna kerajaan meminjam untuk menampung perbelanjaan mengurus iaitu termasuk pembayaran gaji dan perbekalan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Mesyuarat]*

Di samping itu, hutang negara telah meningkat daripada RM686 bilion pada zaman BN kepada RM874 bilion pada akhir tahun ini dan dijangka meningkat kepada RM959 bilion pada tahun 2021. Defisit fiskal telah meningkat kepada enam peratus pada tahun 2020 dan 5.4 peratus pada tahun 2021. Ini menunjukkan negara sedang mengalami *twin deficits* iaitu defisit berkembar, defisit perbelanjaan mengurus dan defisit fiskal.

Sehubungan dengan itu, saya bimbang *revenue projection* untuk tahun 2021 mungkin tersasar atau tidak mencapai tahap yang diandaikan memandangkan keadaan ekonomi yang begitu lemah menyebabkan pendapatan syarikat dan individu akan merosot secara mendadak. Kerajaan juga disarankan tidak terlalu bergantung kepada ramalan agensi-agensi luar seperti ramalan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang dirujuk oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Ini adalah kerana pada hakikatnya, IMF tidak ada pengalaman untuk membuat ramalan dalam keadaan pandemik global yang sangat tidak menentu. Sebagai contoh, untuk tahun 2020 ini sahaja, IMF telah mengkaji semula yakni membuat *downward revision* untuk Malaysia sebanyak tiga kali iaitu pada Januari 2020, IMF meramalkan ekonomi negara berkembang tiga peratus, untuk bulan April telah dikurangkan kepada -1.7 peratus, bulan Jun -3.8 peratus dan Oktober ini -6 peratus.

Sebaliknya, Yang Berhormat Menteri Kewangan meramalkan ekonomi kita menyusut sebanyak 4.5 peratus untuk tahun 2020 dan pertumbuhan 6.6 peratusan hingga 7.5 peratus untuk tahun hadapan. Soalnya, adakah kerajaan sudah bersedia jika ramalan KDNK tahun ini dan tahun hadapan tersasar jauh daripada ramalan awal? Ini kerana ia mempunyai impak kepada defisit fiskal dan nisbah hutang negara. Pendek kata, kerajaan tidak boleh bergantung kepada ramalan perkembangan KDNK berdasarkan daripada *best-case scenario*. Kita juga mesti bersedia untuk menghadapi keadaan *worst-case scenario*.

Sebagai perancangan masa hadapan, adalah penting untuk kerajaan mencari jalan meningkatkan hasil negara dan memperluaskan sumber hasil negara setelah COVID-19 berakhir.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa senang dan ekonomi sedang berkembang ada perlunya kerajaan mempunyai unit komunikasi untuk menerangkan dan mempertahankan dasar-dasar kerajaan agar ia tidak disalah faham atau pun diputar belit oleh pihak-pihak tertentu. Akan tetapi pada zaman krisis di mana peruntukan lebih diperlukan untuk selamatkan rakyat, kenaikan peruntukan empat kali ganda bagi agensi JASA berbanding zaman BN adalah sukar diterima oleh ramai dan mengundang kemarahan rakyat. [Tepuk]

Saya boleh terima jika peruntukan tersebut dibelanjakan untuk pembelian pelitup muka atau *sanitizer* kepada rakyat, diberi kepada ibu bapa untuk menggantikan bekalan Rancangan Makanan Tambahan bagi murid-murid yang dinafikan sarapan pagi kerana sekolah-sekolah telah ditutup sehingga awal tahun hadapan. Akan tetapi, saya tidak dapat terima cadangan jumlah RM81 juta untuk JASA. [Tepuk] Tuan Yang di-Pertua, suara rakyat suara keramat. Perkara yang tidak disenangi rakyat jangan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah keempat adalah pengawalan COVID-19. Walaupun dikawal baik pada peringkat awal, tidak dinafikan bahawa gelombang ketiga COVID-19 masa ini menakutkan dan mengecewakan rakyat. Meskipun kedai-kedai dan restoran dibuka, tetapi bilangan pelanggan amat kecil. Kerajaan perlu mengakui ada kelemahan dan ada kesilapan dalam perang memerangi wabak ini.

Misalnya, apabila kita membenarkan pelawat luar negara kuarantin di rumah dan tidak ada keperluan kuarantin bagi mereka yang pulang dari Sabah sebelum 27 September 2020 dan hanya memulakan kuarantin tiga hari selepas tarikh tersebut, penularan COVID-19 hampir semua pusat tahanan dan penjara seluruh negara juga amat mengecewakan, sedangkan SOP patut diperketat dan dipatuhi.

Pihak sebelah sana jangan senyum terlalu lebar kerana juga masih lagi ingat Yang Berhormat Semporna yang pernah menyebut bahawa beliau sanggup mati dengan mengadakan pilihan raya pada masa COVID-19, berbanding menyerah kembali kuasa. Juga Yang Berhormat Lahad Datu yang begitu yakin beritahu pengundi supaya jangan takut kepada COVID-19 kerana kononnya hanyalah wayang daripada Kerajaan Pusat dan kes COVID-19 di Sabah menjadi kosong sebaik sahaja tamat pilihan raya negeri. *[Ketawa]*

Kita juga tidak lupa bahawa pihak-pihak lain sebulat suara menyokong DUN Sabah dibubarkan dan PRN Sabah diadakan. Sebaliknya, Barisan Nasional yang membantah DUN Sabah dibubarkan dan akibatnya, PRN diadakan sehingga kita memohon tiga kali di mahkamah untuk menghentikan PRN. Oleh sebab itu, kita hendaklah berhenti polemik salah menyalahi untuk gelombang ketiga ini. Masing-masing mempunyai salah dan kita perlu menjawab kepada rakyat dengan bersama-sama berganding bahu memastikan gelombang ketiga ini dapat dihapuskan.

Pada pendapat saya, antara ancaman terbesar negara pada ketika ini adalah pencerobohan sempadan negara oleh PATI dari negara-negara jiran yang terus mencatat kes COVID-19 terbaru yang amat tinggi. Saya mencadangkan agar warganegara Malaysia yang ditangkap atau terlibat dalam penyeludupan PATI dikenakan tindakan di bawah akta SOSMA memandangkan ini merupakan zaman perang dan tindakan ini mengancam keselamatan seluruh negara. Tanpa pertolongan daripada pihak dalam, adalah lebih sukar bagi PATI untuk diseludup masuk.

Amaran yang tegas juga perlu dibuat dan disampaikan kepada negara jiran. Kepada mereka yang didapati bersalah membawa masuk PATI, akan dikenakan hukuman berat iaitu penjara mandatori. Mungkin kerajaan boleh mempertimbangkan untuk memberi ganjaran kepada sesiapa yang ada maklumat tentang penyeludupan PATI. Tiada gunanya untuk seluruh negara menjalani PKPB, PKPD maupun PKPP atau PKP, apa-apa selama berbulan sehingga COVID-19 memulih dan kerajaan terpaksa memperuntukkan bantuan berbilion-bilion tetapi disia-siakan oleh penceroboh sempadan yang berjaya menyeludup ke dalam negara.

## ■1210

Rakyat sudah fobia dengan tiga huruf PKP atau MCO ini. Setiap kali rakyat melihat perkataan ini membawa maksud pendapatan akan terjejas dan kebebasan

mereka tersekat dan bagi memastikan sokongan rakyat tetap terhadap kerajaan ini. COVID-19 mesti dikawal baik. Harap kesilapan-kesilapan seperti tidak diulangi dan segala kelemahan diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam Dewan ini adalah wakil rakyat dan adalah bertanggungjawab untuk menyuarakan yang terbaik kepada rakyat. Kita bukannya wakil atau jurucakap bajet. Apa yang baik kita puji, yang tidak elok kita perbaiki, yang langsung tidak boleh terima kita harap dapat dipinda atau dimansuhkan. Harap kerajaan terbuka hati untuk mengambil kira pandangan dan cadangan kita.

Bajet 2021 telah dapat menyediakan keperluan-keperluan rakyat seperti yang telah saya terangkan tadi. Namun, berdasarkan kepada *expectation* atau pengharapan rakyat, ia patut ditokok tambah dan dibuat penambahbaikan supaya penerimaan rakyat kepada bajet ini akan menjadi lebih mantap dan menyeluruh. Saya yakin dan percaya keputusan untuk menerima cadangan utama yakni moratorium dilanjutkan hingga 30 Jun 2021 dan kelulusan untuk pengeluaran KWSP berjumlah RM10,000 secara *one-off* serta lain-lain perkara yang telah saya mencadangkan akan membawa kepada kepuasan rakyat yang lebih tinggi kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Pekan. Yang Berhormat Pekan, sebelum Yang Berhormat Pekan duduk dan menghabiskan. Jika saya boleh memahami apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pekan pada para yang terakhir itu bahawa kita ingin melakukan sesuatu yang luar biasa dalam bajet ini. Sepanjang pengalaman saya secara peribadi di sini sudah 10 tahun, kita tidak pernah meminda bajet yang ingin diluluskan walaupun satu noktah daripada bajet itu. Walaupun satu baris daripada bajet itu.

Apa kata kalau pada kali ini, kita membuat sesuatu yang luar biasa. Kita bersetuju untuk meluluskan Bajet 2021 dengan pindaan-pindaan yang tertentu sebagaimana contoh yang disebut oleh Yang Berhormat Pekan tadi iaitu moratorium secara automatik dan juga pengeluaran Akaun 1 KWSP.

Apabila kita meluluskan bajet, Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh menyatakan dalam ucapan penggulungannya bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan bersetuju bajet ini dibentangkan di Dewan ini dengan pindaan-pindaan. Katalah sebanyak 10 perkara. Kalau tidak Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap di dalam Dewan Rakyat ini berbuih mulut bercakap. Berjam-jam, berpuluhan-puluhan minit, diganggu dan macam-macam tetapi tidak ada satu pun, tidak ada sepatah pun daripada bajet itu ditukar dan dipinda.

Jadi, apa kata kalau pada tahun ini untuk kali pertama, alang-alang Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memanggil kami ahli-ahli parti politik mewakili dan

berdialog, apa salahnya kalau pada kali ini kita melakukan sesuatu yang luar biasa dalam sejarah. Bajet diluluskan dengan sejumlah 10 pindaan misalnya ataupun sejumlah 20 pindaan. Yang mana yang baik cadangan daripada dua-dua belah pihak diterima oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan barulah kita bersetuju bajet ini diluluskan. Apakah pandangan Yang Berhormat Pekan?

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Pekan, boleh sedikit? Hang Tuah Jaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Hang Tuah Jaya.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pekan, memandangkan Yang Berhormat Pontian telah memberikan kita soalan bocor tadi dan Yang Berhormat Pekan hendak *landing* sudah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pekan. Di awal ucapan Yang Berhormat tadi menyatakan soal perlu kepada satu bajet atau belanjawan yang inklusif dan juga dalam masa yang sama tadi disebut juga soal pemerkasaan rakyat tanpa mengira kaum.

Terdapat keimbangan peruntukan ataupun bajet pada kali ini berdasarkan perkauman. Misalnya, diperuntukkan sebanyak RM11.1 bilion untuk pembangunan bumiputera. Bagi masyarakat Cina hanya sejumlah RM177 juta, bagi masyarakat India sejumlah RM100 juta. Jadi di sana terdapat satu keimbangan bahawa dalam keadaan kita bergulat dengan krisis ini, perlunya kepada kesatuan yang mantap dan ia tidak boleh tercerna dalam apa jua tindakan daripada pihak kerajaan.

Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pendekatan belanjawan yang dilihat berdasarkan perkauman ini mestilah sudah ke belakang? Perlu ada satu tindakan lebih baik kerana Yang Berhormat pun sedia maklum ketika dalam kerajaan dahulu, yang miskin tetap miskin, tidak kira kaum dan bangsa. Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Pekan, sekejap. Sedikit, Bayan Baru. Saya hendak tanya sedikit pandangan daripada Yang Berhormat Pekan sebab Yang Berhormat Pekan pada permulaan itu hujahkan tentang keyakinan pelaburan dan penarikan pelabur asing-asing. Itu adalah yang sangat penting untuk menjana ekonomi dan pekerjaan untuk rakyat. Akan tetapi kita nampak bahawa daripada pihak kerajaan, ada setengah-setengah yang ingin mengumumkan darurat dan difahamkan bahawa kerja-kerja untuk mengumumkan darurat masih berjalan.

Itu kita tahu bahawa kalau darurat, kita punya keyakinan pelabur asing daripada *stock market* akan *collapse* dan sebagainya. Itu akan menyebabkan rakyat lebih

sengsara. Jadi hendak mohon pandangan daripada Yang Berhormat Pekan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Sila Yang Berhormat Pekan.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Gopeng, Gopeng.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada lagi? Sila Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Pekan. Memang saya tertarik dengan cadangan berkenaan dengan kawalan. Saya juga tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Pekan khususnya dalam media sosial tentang beberapa cadangan seperti yang mana restoran kendalikan *business* di kawasan terbuka. Satu cadangan yang bernes yang saya setuju 100 peratus yang saya pasti adalah antara usaha yang boleh membantu untuk kawalan COVID-19 ini.

Cuma Yang Berhormat Pekan juga bangkitkan soal PKP ataupun MCO. Apabila kerajaan tetapkan MCO ataupun SOP untuk MCO, sepatutnya SOP itu mesti kekal untuk sekurang-kurang seminggu atau dua minggu. Terpulang kepada kedudukan jangkitan tersebut. Akan tetapi sekarang apabila MCO itu diumumkan, PKPB kah atau PKPD tu diumumkan, keliru rakyat semua. Bukan setakat rakyat keliru, saya pasti Yang Berhormat Menteri sendiri pun keliru berkenaan dengan SOP-SOP PKPD atau PKPP berkenaan.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Pekan berkenaan apakah perkara-perkara yang harus ditambah baik daripada segi SOP-SOP MCO tersebut? Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Pekan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Pertamanya Yang Berhormat Gopeng telah menyokong cadangan supaya kita membolehkan perniagaan dibuat secara terbuka, dalam *open space*. Ini memang satu cadangan yang saya telah muatkan dalam *Facebook* saya dan harap kerajaan dapat mempertimbangkan cara seperti ini. Ini kerana kalau kita buat, kita benarkan perniagaan dalam secara tertutup, perniagaan boleh buka tetapi tidak ada pelanggan. Jadi hari-hari *dok lap meja* sahaja. Jadi, dalam keadaan macam itu, tidak ada gunanya. Jadi, kalau kita kena cari jalan yang kreatif supaya bila dia berniaga, dia sedikit sebanyak boleh dapat keuntungan.

Soal komunikasi SOP tentang mana yang boleh, mana tak boleh, PKP dan sebagainya, barangkali perlu lebih jelas lagi supaya tidak ada kekeliruan di kalangan rakyat. Ada sedikit *ambiguity* atau kekeliruan bila sesuatu pengumuman dibuat. Akan tetapi ini tidak boleh dimainkan oleh JASA ya. Ini dibuat secara— yalah, pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Bayan Baru, soal darurat ini sudah diputuskan oleh Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja. Kita anggap perkara ini sudah tutup dan selesai. Kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong itu kita terima sebagai satu keputusan yang tepat.

■1220

Ketiga, fasal Yang Berhormat Hang Tuah Jaya sebut tentang peruntukan dalam bajet ini dan pada prinsipnya saya sebut tadi, saya setuju supaya bajet ini mestilah inklusif ya, inklusif dan adil. Salah satu daripada perkara yang menjadi masalah bila saya meneliti bajet ini Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Port Dickson pun sebut peruntukan itu ditempatkan di merata tempat, jadi kita hendak cari susah. Saya pun sebagai bekas Menteri Kewangan pun terkeliru hendak cari banyak mana untuk sesuatu program itu. Jadi, harap format ini yang digunakan akan datang ini, format itu lebih jelas supaya *the layman* boleh faham dengan mudah.

Kita tidak hendaklah kata peruntukan dikurangkan tetapi selepas itu Yang Berhormat kata, “*Oh! Ada di tempat lain...*” Akan tetapi kita hendak cari tempat lain kita tidak tahu di mana. Inilah yang jadi satu mungkin, satu pandangan sayalah daripada segi format bajet ini, mungkin hendak lebih teratur, lebih sistematik supaya mudah difahami.

Akhir sekali Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Pontian ini dia sudah baca apa yang saya hendak buat. Orang putih kata *he has read my mind*. Sebenarnya saya hendak katakan bahawa bajet ini dibuat dalam masa yang luar biasa dan kalau kita hendak pinda pun bajet ini ia wajar dilakukan sebab inilah keadaan yang luar biasa.

Tambah lagi dalam hal ini pendirian Barisan Nasional seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Bagan Datuk bahawa kita hendak supaya pengeluaran KWSP sebanyak RM10,000 secara *one-off* ini dan moratorium dilanjutkan pada 30 Jun 2021 ini diluluskan oleh kerajaan. Sokongan saya dan rakan-rakan pada bajet ini tertakluk kepada kelulusan kedua-dua perkara ini. Tertakluk kepada kedua-dua. [Tepuk] Jadi sokongan kita pada bajet ini Tuan Yang di-Pertua sokongan bersyarat.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Pekan, boleh?

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Itulah kerajaan...

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Boleh Yang Berhormat Pekan sikit?

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** ...Itulah kita ya. Oh! Hendak mencelah ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Tanjung Karang.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okey. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Pekan dan beberapa cadangan. Tadi disebut contoh Makcik Kiah dulu jual goreng pisang, sekarang dia boleh jual air tebu bila dapat KWSP yang lebih. Persoalan yang saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kerajaan-kerajaan negeri mesti memainkan peranan. Sebagai contoh PBT. Mungkin sudah sampai masanya PBT-PBT ini janganlah *strict* sangat. Biarlah Makcik Kiah hendak bermiaga depan rumah, tepi jalan, asalkan peraturan itu ada. Janganlah bila dijual di tepi jalan, oh! Ini tidak ada lesen kebenaran dan sebagainya diruntuhkan.

Jadi adakah Kerajaan *Federal* mesti juga berbincang dan mengarahkan supaya peluang-peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil hendaklah diberikan peluang dan juga kalau boleh waktu COVID ini janganlah bagi *warning* hendak runtuh rumahlah. Ini tengah COVID macam negeri Selangor, Yang Berhormat Pekan. Ini ada bagi amaran hendak runtuhkan rumah. Jadi, ini dasar Kerajaan PH kah, Yang Berhormat?

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** Mohon celah Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada celahan lagi dari Yang Berhormat Sandakan. Sila.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** Ya, Sandakan. Ya, terima kasih Yang Berhormat Pekan. Saya juga sangat tertarik dengan beberapa perenggan potensi mengenai Sabah yang dikongsi oleh Yang Berhormat Pekan tadi. Jadi saya ingin tanya sama ada Yang Berhormat Pekan bersetuju bahawa Sabah adalah sangat berpotensi dengan sumber asli tetapi pada zaman BN yang memerintah Sabah pada 30 tahun lalu kenapa Sabah akan dijadikan negeri miskin? Sama ada Yang Berhormat Pekan bersetuju bahawa pada masa itu sumber asli... *[Disampuk]*

Oh! Ya saya belum lahir lagi, saya masih muda, saya tahu tetapi saya juga baca sangat banyak *history* lah. Jadi saya mahu tanya sama ada Yang Berhormat Pekan bersetuju bahawa kemiskinan Sabah dijadikan banyak tahun banyak era yang lalu, 20 atau 30 tahun yang lalu dan sekarang Sabah masih sangat miskin dan dilanda lagi dengan pandemik COVID ini yang sangat serius. Boleh saya mendapat pendapat Yang Berhormat Pekan bagaimana kami boleh mengatasi masalah ini? Adakah Kerajaan BN merupakan *reason* Sabah begitu miskin pada masa sekarang? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Sila Yang Berhormat Pekan. *[Dewan riuh]*

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai minta laluan. Padang Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Pekan. Ada satu lagi hendak mohon celahan.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Pertamanya, saya hendak...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Sikit sahaja, sikit sahaja Padang Serai.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Saya hendak jawab...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai, sikit sahaja, tentera. Tentang tentera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pekan hendak bagi laluan ataupun tidak?

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Tanya tentang tentera.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Sikit sahaja, okey.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pekan. Saya rasa amat berterima kasih pada Yang Berhormat Pekan. Dua perkara saya ingin tanya. Satu, semasa Yang Berhormat Pekan memerintah negara ini membantu golongan kaum India, terima kasih. Akan tetapi kali ini saya lihat BN lupakan kaum India. Seterusnya, berkenaan dengan veteran tentera. Apa yang diberikan oleh bajet ini tidak memadai, apakah pendapat Yang Berhormat Pekan? Pernah jadi Menteri Pertahanan, saya pun pernah berkhidmat dengan Yang Berhormat semasa itu. Sila bagi penerangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Pekan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Pertamanya Yang Berhormat Padang Serai sebut tentang masyarakat kaum India, saya dah sebut dalam awal ucapan saya tadi bahawa masyarakat kaum India berkehendakkan sangat supaya *Malaysian Indian Blueprint* itu disambung dan dilaksanakan semula. Jadi ini harap dapat perhatian daripada pihak kerajaan dan tentang veteran dan sebagainya, saya sokonglah ditambah apa-apa yang patut untuk menolong golongan veteran.

Yang Berhormat Sandakan, saya hendak beritahu bahawa kejayaan kita membangunkan Sabah waktu BN tidak dapat dinafikan. Saya tidak kata bahawa tidak ada kelemahan tetapi kalau kita bandingkan dua tahun PH dan apa yang dilakukan oleh BN jauh bezanya. *[Tepuk]* Jadi ini saya sebut daripada segi dia punya angka, 8.2 peratus zaman BN selepas itu merudum-merudum sampai 0.5 peratus zaman PH. Jadi kalau PH terus memerintah di Sabah lagi parah Sabah ini.

Yang Berhormat Tanjong Karang ya, saya sokong sangat syor Yang Berhormat Tanjong Karang sebab dalam masa sekarang ini kita hendak memperluaskan peluang perniagaan.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat Pekan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Kita tidak bolehlah terlalu ketat... *[Disampuk]* dan kita tidak bolehlah terlalu menekan kepada orang yang hendak berniaga. Yang Berhormat...

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat Pekan, boleh jelaskan sikit...

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Yang Berhormat hendak lompat lagi Yang Berhormat? *[Ketawa] [Dewan riuh]*

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Yang Berhormat Pekan, Jerai, Jerai.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Kalau Yang Berhormat tidak hendak lompat, saya bagi peluang. *[Dewan riuh]*

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Yang Berhormat Pekan, Jerai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila. Yang Berhormat Tuaran dapat laluan, sila. *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Okey, Yang Berhormat...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]:** Bagi kataklah.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat Pekan menyatakan tentang pertumbuhan ekonomi yang merudum bagi tahun 2018, 2019 bagi Sabah. Adakah Yang Berhormat telah melihat perangkaan-perangkaan dalam struktur ekonomi Sabah? Pertumbuhan ekonomi Sabah pada tahun 2018 dan 2019 adalah terlalu bergantung kepada harga komoditi khususnya kelapa sawit. Sebagai contoh harga kelapa sawit telah merudum sebanyak 17 peratus dalam tempoh tersebut. Harga kelapa sawit ini *is beyond the control of the government*.

Ini bukan sesuatu yang kita boleh kontrol, ini adalah tertakluk kepada harga pasaran dunia. Yang Berhormat Pekan juga tahu bahawa ini bukan *performance* yang dibuat oleh kerajaan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini katak puru ini.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Ini tertakluk kepada harga komoditi yang ditentukan oleh pasaran ekonomi dunia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Sila.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Cameron Highlands.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *[Perkataan kurang jelas]* ...Pun dah kalah dah.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Jerai, Jerai sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada satu lagi Yang Berhormat Jerai.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Cameron Highlands. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Terima kasih. Jerai ya.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Boleh, Yang Berhormat Jerai lepas tu Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya bagi Yang Berhormat Jerai dulu, Yang Berhormat Jerai. Yang Berhormat Cameron Highlands minta duduk dulu. Sila Yang Berhormat Jerai.

■1230

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setujukah Yang Berhormat Pekan terhadap nasib pemandu teksi yang sekarang ini mendapat *one-off* sebanyak RM600? Dalam pertemuan saya di peringkat Parlimen dengan pemandu teksi, mereka mohonlah supaya sejumlah RM600 ini diteruskan sehingga berakhirnya tahun 2020. Apakah pandangan Yang Berhormat Pekan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Cameron Highlands.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Satu lagi, sila Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Pekan, kalau kita lihat dalam peruntukan bajet yang dinyatakan, sejumlah RM158 juta telah ditetapkan bagi pembangunan masyarakat Orang Asli. Selain daripada itu sejumlah RM5 juta telah diperuntukkan untuk perbelanjaan penanda sempadan bagi perkampungan-perkampungan Orang Asli. Setuju atau tidak Yang Berhormat Pekan, sejumlah RM158 ribu tu amat kurang lagi. Sekurang-kurangnya ditambah ke sebanyak RM200 juta ke RM300 juta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands. Sila Yang Berhormat Pekan. Hanya ada selama empat minit 53 saat sahaja lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat. Ini apa ini, puak-puak Perikatan Nasional sudah tentu akan bersama dengan kerajaan. Pertama Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut tadi fasal peneroka FELDA tadi, saya sokong. Akan tetapi, saya cakap Yang Berhormat Pekan sentuh tentang pesawah tadi sekejap sahaja.

Apakah Yang Berhormat pernah bagi semasa jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu pernah bagi sebanyak RM200 sebulan selama tiga bulan semasa musim tengkujuh? Apakah ini akan jadi cadangan Yang Berhormat yang agak luar biasa? Ini untuk membolehkan supaya bantuan kepada pesawah pada musim tengkujuh...

**Seorang ahli:** Bukan tengkujuh, sebelum padi masak.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebelum padi masak. Tak apa. Ini bahasa Yang Berhormat Tanjung Karang, bahasa Perlis agak berbeza.

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Matlamatnya sama, supaya kita teruskan. Yang Berhormat Menteri Kewangan nampaknya mungkin bajet ini tidak dapat dipinda, akan tetapi ucapannya itu boleh dimasukkan sebagai ucapan bahawa bantuan kepada pesawah ini akan diteruskan.

Keduanya Yang Berhormat, fasal kes Sabah. Semasa dahulu Sabah adalah negeri yang termaju di Malaysia, Selangor nombor dua. Termaju di Malaysia. Malah, yang paling rendah ialah Sarawak dengan Perlis. Akan tetapi, bila PH memerintah, Sabah jadi negeri yang paling rendah di Malaysia. Jadi itulah perbezaannya...

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Arau lupa makan ubat ini. Negeri Sabah termaju pula. Lupa makan ubatlah ini.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** *[Tidak jelas]* Kan..

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Arau terus makan ubatlah, merepeklah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi, apakah Yang Berhormat setuju bahawa kerajaan PH bersama gagal untuk mentadbir negeri Sabah? Akhir sekali, kelas 'F' Yang Berhormat. Kelas 'F' dahulu, baru-baru ini, dia bagi...

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Bagi Kalabakan sikit.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Semasa Yang Berhormat Arau jadi Yang Berhormat Menteri dulu pun sudah jadi tepi sikitlah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...tetapi dengan cara dia bagi terus tanpa berlaku heboh-heboh. Apakah pendekatan *pre-emptive* yang dibuat dahulu supaya kelas 'F' ini dibagi dengan cara terbuka terutamanya melalui Wakil-wakil Rakyat Perikatan Nasional yang lebih telus dan juga ikhlas pada rakyat itu, mengendalikannya.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Ucapan Yang Berhormat Pekan okey dah, masuk Yang Berhormat Arau rosak.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Ini bagi saya tak boleh guna punya orang.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Bagi Kalabakan sikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Kalau puak-puak sana, semasa PN memerintah, ‘gagalkras’ menjadi slogan hidup orang-orang PH. *Bye-bye.*

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Lawak betullah.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Yang Berhormat Pekan, minta Yang Berhormat Kalabakan sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, sekarang ini Yang Berhormat Pekan tinggal selama dua minit 28 saat. Saya minta Yang Berhormat Pekan untuk membuat rumusan, sila Yang Berhormat Pekan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Yang Berhormat Pekan sikit ya. Terima kasih Yang Berhormat Arau, dia dah banyak jawab bagi pihak saya. Akan tetapi, fasal penanam padi antara musim ini memang satu yang amat perlu kita teruskan. *[Tepuk]*

Jadi, kalau dapat dipertimbangkan oleh kerajaan, inilah amat baik sekali. Begitu jugalah kalau golongan teksi sekarang ini yang memang menghadapi tekanan yang amat dahsyat.

Yang Berhormat Tuaran ini tidak payah saya jawab, sebab dulu dia cakap lain sekarang dia cakap lain. *[Tepuk]*

Jadi, orang yang dolak-dalih macam ini tidak boleh pakai. Yang Berhormat Cameron Highland, ini memang amat baik sekali, saya amat setuju. Golongan Orang Asli ini sejumlah RM158 juta memang tidak cukup. Memang patut ditambah lagi sampailah kepada RM300 juta. Saya harap dapat dipertimbangkan oleh kerajaan. Jadi...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Pekan, *last* sahaja Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Baling, sikit sahaja.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Akhir kata...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sikit sahaja Yang Berhormat Baling.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Baling tak dapat.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Sikit-sikit sahaja ya. Yang Berhormat Baling, tidak apa.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bagi Yang Berhormat Pekan bagi. Timbalan Yang di-Pertua boleh ya? Yang Berhormat Pekan boleh ya?

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Ya boleh, cepat sikit.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya cuma hendak tanya berkaitan dengan moratorium tadi, Yang Berhormat Pekan sebut tadi *loud and clear*, cuma saya izinkan saya beritahu berkaitan dengan TEKUN dan Amanah Ikhtiar tu mesti dimasukkan sekali dalam moratorium. Saya dengar tadi, tetapi saya *just* hendak mengingatkan itu lebih penting sebab kawasan luar bandar tu begitu tertekan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling, sila Yang Berhormat Pekan.

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** Yang Berhormat saya ada sebut dalam ucapan saya...

**Beberapa ahli:** *Mic, mic.*

**Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak [Pekan]:** ...Amanah Ikhtiar dan juga TEKUN. Saya ucap terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ulang sekali lagi, kesimpulan ucapan saya di pihak Barisan Nasional, kami sokong tetapi sokongan bersyarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pekan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bagan, selama 15 minit.

### 12.36 tgh.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan 2021. Tentu semua pun masa agak kesuntukan dalam iklim COVID-19 di Parlimen. Saya cuba rungkaikan dan juga rumuskan beberapa hujah utama.

Malaysia kini menghadapi krisis, krisis dalam negara akibat daripada COVID-19. Ini memang diakui dan sebelum ini saya pernah huraikan tiga krisis utama. Satu ialah krisis kesihatan, kedua ialah krisis ekonomi dan ketiga ialah krisis politik. Akan tetapi, selepas belanjawan dibentangkan dan dengan pelaksanaan PKP secara bersyarat, timbul lagi dua krisis iaitu krisis pendidikan dan krisis keyakinan.

Masalahnya ialah Belanjawan 2021 tidak mengatasi ataupun menghadapi dan menangani lima krisis ini, iaitu krisis kesihatan, ekonomi, politik, pendidikan dan juga keyakinan. Saya ingin huraikan perkara ini berdasarkan lima krisis yang harus ditangani dengan serius oleh Belanjawan 2021.

Satu ialah krisis kesihatan. Di sini tentulah dinyatakan bahawa pihak kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM38 bilion sebagai satu dana untuk tahun ini. Akan tetapi, ia telah pun dikurangkan kepada sejumlah RM17 bilion. Kami tidak melihat mengapa ia harus dikurangkan kerana sememangnya perlu ada satu dana yang cukup besar untuk menghadapi masalah akibat daripada COVID-19.

Sebaliknya kita lihat bahawa sungguhpun dinyatakan bahawa peruntukan untuk kesihatan telah pun dinaikkan sebanyak 4.3 peratus tetapi ia jauh daripada kenaikan di bawah Belanjawan 2020 oleh Pakatan Harapan yang mana peratusan kenaikan adalah sebanyak 6.6 peratus daripada sejumlah RM3.6 bilion. Sebelum ini tahun 2019 adalah sebanyak RM28.7 bilion. So, jelas sekali kalau kita lihat, kenaikan untuk kesihatan di bawah PH dalam keadaan tanpa COVID-19 adalah kenaikan sebanyak 6.6 peratus.

Akan tetapi, dalam keadaan COVID-19 sekarang hanya dinaikkan sebanyak 4.3 peratus. Ia jauh tidak mencukupi Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana, sungguhpun ia tidak ada kaitan mungkin dengan COVID-19, kerana COVID-19 telah pun ada peruntukan khas atau khusus sebanyak RM38 bilion, tetapi tidak boleh dinafikan oleh sebab dengan COVID-19 kita lihat bahawa beban untuk kesihatan naik. Semua berkurung dalam rumah. Semua tidak boleh bersenam. Tentu daripada aspek kesihatan ada impak dan juga kesan buruknya.

Dengan kesan ekonomi, kita lihat penurunan untuk peruntukan seperti, dengan izin maksud Farmasi dan Bekalan yang daripada Belanjawan 2020 sebanyak RM1.94 bilion dikurangkan sebanyak 74 peratus kepada RM513 juta sahaja.

#### ■1240

Itu sesuatu yang saya rasa zalim kerana dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ia harus kalau tidak dinaikkan sekurang-kurangnya dinaikkan. Kita lihat belanjawan secara keseluruhannya telah dinaikkan sebanyak 8.6 peratus. Mengapakah bila belanjawan dinaikkan sebanyak 8.6 peratus? Untuk sektor kesihatan hanya sebanyak 4.3 peratus sedangkan dalam Belanjawan 2020 dinaikkan sebanyak 6.6 peratus.

So, di sini kita boleh lihat banyak itu sektor-sektor dalam aspek kesihatan pun telah dikurangkan kerana sungguhpun kononnya naik sebanyak 4.3 peratus jangan lupa itu juga merangkumi kenaikan gaji. So, dari aspek sebenar iaitu kenaikan sebenar saya rasa ia indah khabar dari rupa. Ia jauh daripada sasaran untuk memberikan tambahan dari segi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat jelata.

So, itulah sebabnya kita lihat krisis kesihatan tidak ditangani dan dengan pengurangan Tabung COVID-19 daripada RM38 bilion kepada RM17 bilion ia adalah sesuatu yang silap. Kita harap bolehlah ditambah balik seperti mana juga dicadangkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang Yang Berhormat Port Dickson.

Kedua ialah berkaitan dengan krisis ekonomi. Kita lihat bahawa banyak cadangan telah dibuat. Saya hendak tanya tadi kita lihat apabila Yang Berhormat Pekan berucap. Saya hendak tahu sama ada belanjawan ini diluluskan oleh Kabinet? Adakah

belanjawan ini diluluskan oleh Kabinet? Tidak ada satu Yang Berhormat Menteri pun ada di sini sekarang, tidak ada. Adakah belanjawan ini diluluskan oleh Kabinet?

Oleh sebab sekiranya diluluskan oleh Kabinet, mengapakah Menteri-menteri Kabinet daripada UMNO tidak menimbulkan ataupun mengutarakan dua-dua syor yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pekan tadi? Adakah belanjawan ini tidak diluluskan oleh Kabinet? Ini saya harap dapat jawapan, satu jawapan yang jelas dan enam cadangan yang telah pun diutarakan oleh pihak Pakatan Harapan:

- (i) tentukan kenaikan sumber untuk Kementerian Kesihatan tidak diberikan khususnya untuk Sabah yang menghadapi krisis COVID-19 yang terbesar di Malaysia. Mengapa tidak ada satu bantuan secara— kalau bukan secara menyeluruh atau *blanket* sekurang-kurannya bersasar. Nampaknya sekarang bukan bersasar, tersasar. Hanya untuk RM1,000 kepada sebanyak 20,000 pemandu taxi dan juga peniaga-peniaga kecil tetapi untuk seluruh rakyat Sabah tidak ada langsung. Saya rasa itu ada sesuatu yang tidak boleh diterima dan mengapakah peruntukan untuk Sabah dikurangkan di bawah Belanjawan 2020? Kita naikkan kepada sebanyak RM5.2 bilion tetapi kali ini 2021 diturunkan kepada sebanyak RM5.1 bilion. Belanjawan naik sebanyak 8.6 peratus tetapi untuk Sabah turun sebanyak RM100 juta. So, itu sesuatu yang menunjukkan bahawa Sabah masih tidak diberikan keutamaan dan penekanan yang sewajarnya;
- (ii) syor-syor ialah untuk kita harap oleh daripada PH kenaikan bantuan kebajikan secara bulanan daripada sebanyak RM200-RM300 kepada sebanyak RM1,000. Ini pun tidak dilaksanakan. Sungguhpun dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tetapi janji ini tidak ditepati;
- (iii) lanjutan moratorium dan cadangan ini saya harap sekurang-kurangnya kepada akhir bulan Mac tetapi ini tidak diluluskan;
- (iv) subsidi gaji untuk mewujudkan sebanyak 600,000 pekerjaan. Ada usaha untuk mewujudkan sebanyak 500,000 pekerjaan tetapi kami harap bahawa ia boleh disegerakan dengan memberikan subsidi secara langsung. Bukan sahaja kepada pekerja tetapi juga kepada majikan;
- (v) menambah peruntukan untuk pendidikan; dan

- (v) peruntukan untuk *National Fiberization and Connectivity Plan* (NFCP) dan juga menaik taraf infrastruktur air untuk Selangor, Kelantan dan Pahang.

Di sini kita tidak lihat keenam-enam syor ini diberikan perhatian yang sewajarnya dan kita harap boleh ditimbang semula supaya krisis ekonomi dapat diatasi dengan tambahan daripada bantuan-bantuan yang diperlukan kepada sektor yang perlukannya khususnya SME dan juga pekerja-pekerja.

Kita lihat bahawa jumlah pekerjaan yang kehilangan dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia telah mencecah sebanyak satu juta orang. Bantuan segera harus diberikan khususnya kepada SME dan salah satu cadangan ialah lanjutan moratorium di mana sebanyak 8 juta rakyat Malaysia dan syarikat boleh dibantu bukan seperti sekarang. Moratorium secara bersasar hanya bantu sebanyak 645,000 individu bandingkan dengan sebanyak 8 juta sebelum ini. Tidak sampai sebanyak 10 peratus pun saya rasa itulah sesuatu yang tidak boleh diterima.

Ketiga ialah krisis politik. Memang diakui umum bahawa kerajaan Perikatan Nasional telah kehilangan majoriti di Parlimen dan itulah sebabnya ini harus diberikan pertimbangan. Dengan keengganan untuk membahaskan ataupun diusulkan satu usul undi tidak percaya, itu menunjukkan bahawa Perikatan Nasional kehilangan majoriti.

Sungguhpun begitu, kami di sini mahu kita bersatu padu supaya menangani krisis COVID-19. Ini harus didahulukan dan daripada Pakatan Harapan dan pembangkang menentang sekeras-kerasnya usaha untuk melaksanakan MAGERAN ataupun *emergency* untuk menyelesaikan masalah politik ini. Ini sesuatu yang tidak boleh diluluskan dan kami menjunjung Titah Yang di-Pertuan Agong menolak permintaan *emergency* ini kerana ia tidak mementingkan negara.

Di samping itu, tidak harus juga diadakan pembubaran Parlimen untuk adakan pilihan raya umum dan saya ingin menyatakan pendirian parti saya dan saya percaya pun Pakatan Harapan sekiranya pihak kerajaan benar-benar ikhlas dan jujur untuk mengadakan perundingan tentang kepentingan negara termasuk hala tuju negara. Jemputan untuk menjadi Ahli Majlis Tindakan Ekonomi Negara. Ini boleh dipertimbangkan dan diterima.

Kami rela berikan sumbangan untuk memberikan idea-idea berasas demi kepentingan rakyat supaya kita dapat bersatu padu menghadapi krisis ekonomi, politik dan juga kesihatan yang saya sebut tadi. Akan tetapi tentulah kita harap janganlah main politik dengan menubuhkan JASA dengan peruntukan sebanyak RM85.5 juta. Ini harus ditolak sama sekali. Kami bersedia untuk bersama dengan semua Ahli Parlimen yang menentang peruntukan JASA, menolaknya supaya ia tidak boleh diluluskan. [Tepuk]

Saya pun terkejut bahawa Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia, nampaknya tidak tahu bahawa ada peruntukan sebeginit besar. Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih tahu. So, kalau Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tak senada, kita tak tahu—nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih berkuasa daripada Yang Berhormat Menteri, mungkin kedua-dua mereka kena tukar jawatan.

Krisis pendidikan, itu sesuatu yang tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Untuk tahun ini kerana COVID-19, selama empat bulan sahaja pelajar hanya pergi ke sekolah untuk empat bulan dalam tahun ini Tuan Yang di-Pertua. Itu adalah satu kehilangan pendidikan, peluang pendidikan dan juga latihan sumber manusia dan mengapa pihak kerajaan tidak berikan perhatian yang sewajarnya?

Tengok di bawah itu Belanjawan 2020, peruntukan untuk pendidikan dinaikkan daripada RM60.2 bilion kepada sebanyak RM64.1 bilion. Kenaikan sebanyak 6.5 peratus tetapi di bawah Perikatan Nasional ia hanya dinaikkan sebanyak satu peratus sahaja sebanyak RM64.1 bilion kepada sebanyak RM64.8 bilion. Hanya sebanyak satu peratus sahaja. Bajet dinaikkan sebanyak 8.6 peratus, pendidikan hanya dapat kenaikan sebanyak satu peratus.

## ■1250

Ini saya rasa bukanlah sesuatu yang menunjukkan keutamaan dan juga penekanan kepada sektor pendidikan dan di sinilah peluang untuk kerajaan untuk secara berani *digitalization*, mendigitalasikan sektor pendidikan. Sama ada kita memastikan *broadband connectivity* yang lebih baik, lebih pantas ataupun memastikan ada komputer riba dan komputer untuk kanak-kanak di sekolah.

Ini termasuk di peringkat universiti. Ini kerana dalam tahun ini hanya empat bulan masa pembelajaran. Itu satu kehilangan yang saya rasa kalau kita buat satu anggaran adalah berpuluhan-puluhan bilion ringgit dari segi kehilangannya. Saya harap bahawa perkara ini harus diberikan penekanan supaya kita masuk era baharu dalam aspek pendidikan. *Digitalize education* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Terakhir ialah krisis keyakinan. Krisis keyakinan adalah sesuatu yang harus diberikan perhatian. Saya telah sebut bahawa kalau kita lihat belanjawan, kenaikan 80.6 peratus tetapi tidak ada semua sektor yang mendapat layanan yang sama rata. Ada perasaan tidak puas hati di kalangan Sabah seperti yang saya sebut tadi, juga di kalangan masyarakat bukan Melayu. Ada masyarakat India tidak puas hati, masyarakat Cina pun tidak puas hati yang mana untuk masyarakat Cina contohnya telah kurang sebanyak 77 peratus, sungguh pun bajet naik 80.6 peratus.

Kita harap layanan yang sama rata boleh diberikan. Saya hendak tanya di sini, adakah sekolah-sekolah yang telah diberikan perhatian oleh Belanjawan 2021, selain

daripada sekolah vernakular dan sekolah kebangsaan seperti sekolah agama, tahfiz, pondok, sekolah agama rakyat, sekolah asrama swasta, adakah juga diberikan peruntukan kerana tidak sebut langsung dalam Belanjawan 2021.

Ini adalah penting supaya dalam keadaan COVID-19 sekarang, marilah kita pastikan kenaikan belanjawan peruntukan sebanyak 80.6 peratus boleh dinikmati oleh semua rakyat. Marilah kita pastikan Belanjawan 2021 adalah belanjawan perpaduan yang dapat menyatupadukan rakyat. Bukanlah satu belanjawan politik atau belanjawan pelali. Saya sebut belanjawan pelali kerana dalam keadaan yang sungguh mencabar, tidak ada usaha untuk menangani lima krisis yang saya sebut.

Janganlah belanjawan ini dianggap sebagai satu *miss of opportunity*. Sesat di hujung jalan, harus balik ke pangkal jalan. *[Tepuk] Let this be an extraordinary budget in extraordinary times Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Jangan benarkan ia menjadi satu *ordinary budget in extraordinary times. We need an extraordinary Minister and also government to deal with this crisis*. Jangan kita ada satu belanjawan pelali, seakan-akan kita hanya sambil lewa sahaja. Kita perlu ada satu belanjawan perpaduan dan pinda, tolak apa yang tidak betul, khususnya peruntukan JASA yang ditolak oleh semua rakyat Malaysia.

Marilah kita pastikan belanjawan perpaduan, kerja akan memberikan manfaat untuk semua rakyat Malaysia demi rakyat, bagi rakyat, untuk rakyat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beaufort ,15 minit.

**12.54 tgh.**

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan atas pembentangan bajet yang terbesar dalam sejarah negara yang telah mengambil kira keperluan semua golongan dalam negara.

Saya meminjam kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *no one is left behind*. Ibu tunggal, kanak-kanak, keluarga miskin, warga emas, OKU, orang bujang, pekerja, majikan semua dibela. *Alhamdulillah*. Bajet yang besar RM322.5 bilion. Ada yang mungkin bertanya di manakah kerajaan akan dapat kewangan yang besar ini. Namun saya percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan nanti akan dapat menjawabnya dengan jelas kerana ini adalah keperluan rakyat.

Berlatar belakangkan serangan pandemik COVID-19 yang bermula awal 2020, saya percaya bajet untuk tahun 2021 adalah *unprecedented* dan telah jelas terbukti yang terbesar dalam sejarah Malaysia. Kesejahteraan, kebajikan rakyat dalam situasi ekonomi negara tentunya diberikan keutamaan dan akan memerlukan perbelanjaan yang besar dan luar biasa. Negeri-negeri yang terkesan dengan teruk oleh pandemik ini seperti Sabah amat memerlukan peruntukan yang besar untuk memulihkan kehidupan rakyat dan ekonomi negeri.

Justeru, tidak keterlaluan bagi saya untuk meminta agar peruntukan bagi Sabah pada tahun 2021 hendaklah *beyond* apa yang diperuntukkan pada tahun 2020. Dalam masa yang sama, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang menurunkan peruntukan yang agak besar kepada negeri Sabah semasa pandemik ini dalam pakej PRIHATIN dan juga PENJANA.

Sehubungan itu, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada kerajaan kerana dalam Bajet 2021 ini terdapat RM50.1 bilion peruntukan kepada negeri Sabah dan juga RM3.8 bilion lagi untuk Pan Borneo dan pakej-pakej yang lain. Satu peruntukan yang besar dan saya yakin akan dapat memberikan manfaat yang besar kepada negeri Sabah. Saya juga yakin bahawa jumlah peruntukan yang besar untuk luar bandar akan dapat membantu keperluan pembangunan infrastruktur kawasan luar bandar di negeri Sabah seperti menaik taraf jalan luar bandar, bekalan air, jalan akses ke kampung-kampung, perumahan untuk rakyat termiskin dan infrastruktur dan kemudahan perniagaan di luar bandar. Ini termasuk juga untuk kawasan Beaufort yang melibatkan Daerah Beaufort dan Daerah Kuala Penyu.

Sesungguhnya walaupun dalam keadaan COVID-19 ini kita berperang dengan satu pandemik, namun keperluan rakyat, perumahan, pembaikan rumah dan sebagainya mesti sangat-sangat diperlukan oleh rakyat. Peruntukan sebanyak RM2.7 bilion disalurkan bagi melaksanakan pelbagai program dan projek penambahbaikan infrastruktur luar bandar amat dialu-alukan dan diharap dapat merapatkan lagi jurang di antara bandar dan luar bandar *insya-Allah*. Terima kasih saya ucapkan.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 telah menunjukkan kepada kita bahawa keperluan fasiliti kesihatan yang lengkap adalah amat penting. Pengajaran ini bukan untuk kita di Malaysia sahaja tetapi untuk seluruh dunia. Ini termasuklah di negara maju. Hospital bukannya satu *luxury* lagi dengan izin tetapi suatu keperluan yang mesti disediakan kepada rakyat dengan kelengkapan yang mencukupi.

Saya bersyukur di kawasan saya terdapat dua buah hospital. Pun begitu, dalam masa pandemik yang *unprecedented* ini, fasiliti alternatif terpaksa juga diwujudkan untuk menampung keperluan yang luar biasa. Justeru, sekarang kerajaan yang prihatin ini mestilah melihat dengan mata dan hati yang terbuka kawasan-kawasan yang tiada atau kurang fasiliti kesihatan, khususnya di Sabah dan Sarawak dan bantu untuk mewujudkan fasiliti tersebut dalam kadar yang segera.

Peralatan yang mencukupi dan terkini hendaklah disediakan bagi membolehkan hospital-hospital memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat di bandar dan juga di luar bandar. Harapan saya, perkara ini akan diberikan perhatian yang serius oleh kerajaan. Sehubungan itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua petugas kesihatan di kawasan saya, di seluruh Sabah dan juga seluruh negara yang begitu komited melaksanakan tugas mereka, walaupun di mana mereka dihantar terutama sekali semasa pandemik ini. *Salute to all of you.* Kami sayang kepada kamu.

*Alhamdulillah* dalam Belanjawan 2021 ini yang baru diumumkan, sebanyak RM500 elaun secara *one-off* diberikan kepada petugas-petugas kesihatan kita bagi menghargai jasa anggota barisan hadapan KKM yang dijangka memberikan manfaat kepada 100,000 orang petugas kesihatan. Terima kasih saya ucapkan kepada kerajaan. Terima kasih juga kepada peruntukan RM1 bilion yang bertujuan untuk membantu di masa COVID-19 ini, menyediakan PPE dan lain-lain lagi keperluan untuk para petugas kita di hospital dan di luar sana.

Sebelum tahun 2020 Tuan Yang di-Pertua, ancaman keselamatan dari luar datang dengan senjata api. Akan tetapi kini ancaman datang dengan virus yang tidak kelihatan dan kesannya amat membahayakan rakyat negara ini. Sempadan yang panjang kerap kali dibolosi dan kini sudah terlalu ramai pendatang tanpa izin berada di negara kita terutama sekali di negeri Sabah. Berlakunya *third wave* COVID-19 di Sabah bukti jelas bahaya yang dibawa oleh pendatang tanpa izin.

Kerajaan mesti mencari jalan dan usaha yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah ini walaupun terpaksa berbelanja besar. Keselamatan negara dan rakyat mestilah diutamakan. Kebimbangan ini bukan sandiwara, ia bukan lawak jenaka dan bukan bermotifkan politik. Syabas saya ucapkan kepada kerajaan atas usaha yang sedang dilaksanakan melalui Ops Benteng yang melibatkan ATM, PDRM dan semua agensi penguatkuasaan, imigresen dan lain-lain dan pertahanan negara. Lebih banyak Ops yang serupa perlu dilaksanakan di lokasi yang lain bagi memastikan usaha untuk membanteras PTI lebih berjaya.

**■1300**

Penghargaan dan terima kasih kepada semua anggota pertahanan dan penguat kuasa yang menjaga sempadan negara dan keselamatan rakyat Malaysia khususnya di negeri kami Sabah.

Bagi PATI yang sekarang berada dalam Malaysia khususnya di Sabah, suatu tindakan holistik perlu diambil untuk menanganinya dengan secepat mungkin. Keberadaan mereka di negara ini merupakan ancaman sosial kepada kita. Saya mengalu-alukan peruntukan yang besar yang diberikan kepada KDN berjumlah RM17 bilion dan Kementerian Pertahanan berjumlah RM16 bilion demi mempertahankan negara. Saya berharap dengan usaha ini, tindakan membanteras PATI akan lebih berkesan dan berjaya. Sesungguhnya kami di Sabah amat-amat memerlukan tindakan yang amat-amat holistik daripada kerajaan.

Ingin juga saya sarankan di sini bahawa kerjasama dua hala dengan negara-negara jiran yang berkenaan dari mana datangnya PATI ini adalah amat perlu untuk mencapai penyelesaian yang terbaik dalam isu yang masih lagi berpanjangan daripada dahulu sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kedaulatan negara adalah amat penting kepada kita semua. Malaysia adalah sebuah negara yang berdaulat yang tertubuh sejak tahun 1963 dan Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia. Kami orang-orang Sabah adalah rakyat Malaysia.

Justeru, tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah tidak berasas dan perkara ini mestи diselesaikan *once and for all*. Kementerian Luar hendaklah mengambil langkah definitif *to put this matter to rest*, dengan izin. Adalah amat tidak adil sekiranya anak cucu kami terpaksa dibebankan dengan isu ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Korona Virus telah merosakkan kehidupan ekonomi begitu ramai rakyat. Kedua-dua belah pihak pekerja dan majikan sama-sama terkesan teruk. Peniaga kecil dan sederhana yang berhempas pulas menjalankan perniagaan mereka menjadi mangsa kepada musuh yang tidak kelihatan ini. Walaupun pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan melalui bantuan PRIHATIN, PENJANA dan KITA PRIHATIN, namun masih ramai menghadap kepayahan untuk bangkit semula. Gelombang ketiga yang melanda Sabah dengan begitu teruk pasti menambah lagi kepayahan rakyat marhaen dan peniaga-peniaga kecil yang dalam proses untuk bangkit semula.

Mereka yang terlibat dalam sektor pelancongan secara langsung atau tidak langsung sudah pasti amat terkesan. Tentu sekali mereka inilah yang ramai dan amat memerlukan keprihatinan kerajaan dan semua pihak yang mampu dan sedia membantu.

Selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama, maka adalah sesuai bagi kerajaan memberikan peruntukan yang besar kepada Sabah untuk memulihkan ekonomi negeri dan rakyat di negeri Sabah. Namun begitu, keperitan yang dirasai oleh rakyat di negeri-negeri lain juga mestilah dipeduli dan keperluan mereka dibantu sewajarnya.

Saya mengalu-alukan peruntukan RM4.6 bilion untuk pemerkasaan bumiputera yang melibatkan pembiayaan program peningkatan keupayaan, peningkatan kapasiti dan lain-lain program untuk bumiputera.

Sebagai seorang wanita, saya berterima kasih kepada kerajaan di atas peruntukan khas sebanyak RM95 juta untuk usahawan wanita di negara ini. Tidak dapat kita nafikan bahawa peminjam wanita adalah pembayar yang terbaik. Justeru, saya cadangkan supaya peruntukan yang lebih besar disediakan untuk usahawan wanita.

Suka juga saya mencadangkan agar mekanisme penyampaian semua bantuan ini nanti diper mudahkan. Dalam erti kata lain, dikurangkan birokrasi sesuai dengan situasi semasa yang *unprecedented*.

Bercakap tentang ekonomi rakyat, saya ingin mencadangkan supaya sektor pertanian dan perikanan diberikan penekanan yang lebih serius dan rakyat yang terlibat dalam sektor ini diperkasakan. Tidak cukup dengan bercucuk tanam, menternak, menangkap ikan dan hasil laut sahaja, yang perlu diberikan perhatian ialah industri hiliran yang menyediakan makanan dan pekerjaan pendapatan kepada rakyat di luar bandar. Sudah tiba masanya kerajaan melihat pendekatan dan strategi baru bagi melonjakkan ekonomi penduduk luar bandar termasuk para petani, peladang, penternak dan nelayan secara holistik.

Saya percaya pasaran produk halal terbuka luas di seluruh dunia. Bukan sahaja kepada hampir dua bilion orang Islam malah boleh memenuhi keperluan *non Muslim*. Yang penting, produk kita mestilah berkualiti, sedap dan sesuai dengan keperluan pengguna masa kini.

Selama ini banyak sudah yang diperkatakan tentang produk halal dan pertanian adalah perniagaan. Maka sekarang negara kita perlu merealisasikannya. RM1 bilion yang tersedia di bawah PENJANA mestilah menampakkan hasil yang melonjakkan ekonomi pemain sektor ini. Bukan sahaja sektor ini boleh memenuhi keperluan domestik, malah juga mampu memenuhi keperluan global. Sekali gus menjadikan pemain sektor ini pemain global. Sekali gus menjadikan usahawan-usahawan Malaysia pemain global yang terkenal. Dengan peruntukan berjumlah RM4.7 bilion kepada Kementerian Pertanian dan Industri Pemakanan, ia boleh memungkinkan transformasi yang hebat dan bermanfaat dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menutup, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas peruntukan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan juga peruntukan melalui SKMM berjumlah RM7.4 bilion untuk memperluaskan lagi perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara. Harapan saya dengan ini, insiden Veveonah dan lain-lain lagi di kawasan luar bandar Sabah dan lain negeri akan tinggal sejarah sahaja, *insya-Allah*.

Internet pada masa ini adalah keperluan yang penting untuk semua orang termasuk kita yang menjadi wakil rakyat, Ahli Parlimen di sini. Bagi kami khususnya datang dari Sabah yang tidak boleh balik ke kawasan kami, maka perhubungan inilah yang amat penting pada kami dapat menghubungi rakyat dan rakyat dapat menghubungi kami.

Sebentar tadi pun saya menerima permintaan daripada rakyat di negeri Sabah dari kawasan saya supaya dipertimbangkan dalam bajet ini peruntukan ataupun kenaikan elaun bagi peserta PPMS. Mereka ini bertugas di Gemas. Di kawasan saya sahaja terdapat 41 orang. Di seluruh Sabah seramai 408 orang. Mengikut maklumat tahun 2011, di seluruh negara ada 6,530 orang.

Mereka menghantar WhatsApp kepada saya meminta supaya dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini tambahan elaun kepada mereka. Elaun yang mereka terima pada hari ini bukan sahaja setiap minggu selama lima hari dalam seminggu membantu anak-anak kita di luar bandar hanyalah RM500 sahaja sejak tahun 2017. Maka tiba masa, kata mereka, mereka memohon supaya dapat ditambah. Yang lain mendapat penambahan tetapi mereka juga memerlukan penambahan.

Oleh sebab itulah bagi pihak mereka di seluruh negara, bukan sahaja di kawasan saya di negeri Sabah tetapi di seluruh negara, saya mohon supaya permintaan mereka ini yang dihantar kepada saya melalui WhatsApp dapat diberikan pertimbangan oleh kerajaan dalam bajet ini.

Begitu juga ada permintaan daripada pekerja-pekerja, pegawai-pegawai dari negeri Sabah yang bertugas di Semenanjung Malaysia. Mereka memohon kalau boleh Elaun Perumahan Wilayah mereka dinaikkan sama dengan para pegawai dari Semenanjung yang bertugas di Sabah supaya mereka dapat hidup dengan lebih selesa semasa mereka bertugas di Semenanjung Malaysia.

Ini semua dihantar melalui WhatsApp kepada saya sebagai wakil rakyat. Maka begitu, pentingnya talian ini. Apa yang dilaksanakan tentang *internat* ini yang diberikan oleh kerajaan ini amat penting dan saya berharap di sini supaya pembangunan *internat* ini, jalur lebar ini dapat dilaksanakan dengan segera, tidak ditangguhkan lagi, kerana ini adalah keperluan untuk semua termasuk para peniaga kita yang mahu bangkit semula untuk menjual barang mereka, produk mereka secara *online*.

Untuk itu, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong bajet ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Kota Raja.

### 1.08 tgh.

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang dikemukakan pada tahun ini luar biasa. Dipuji dan dikritik oleh pihak kerajaan dan juga pihak pembangkang. Dan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengambil perhatian khas terhadap bajet pada tahun ini.

Kita Malaysia menjalankan pemerintahan raja berperlembagaan yang telah dipersetujui bersama dalam rundingan untuk mencapai kemerdekaan. Ia dipakai sehingga sekarang ini dan membuktikan bahawa konsep demokrasi raja berperlembagaan membawa keamanan, keharmonian antara masyarakat dalam negara ini.

### ■1310

Tidak kiralah mereka apa parti sekalipun, pandangan ideologi sekalipun, bila disebut Raja Berperlembagaan mereka akan hormati, sama ada mereka itu suku kaum daripada Sabah dan Sarawak atau di Semenanjung, kaum-kaum utama, Melayu, Cina dan India menerima konsep Raja Berperlembagaan.

Di antara parti-parti politik, mereka bertelingkah, tetapi bila datang kepada Payung Negara, Raja-raja Melayu khasnya, ia menjadi penyelesaian yang baik. Pernah satu ketika dahulu, nama Islam hendak dibuang daripada parti politik dan badan-badan NGO. Berlaku perdebatan hebat di antara parti-parti politik dan NGO, pandangan kerajaan didengar, Raja-raja Melayu pun sudi menerima menghadap, wakil-wakil daripada parti pembangkang, maka akhirnya keharmonian dapat dicapai. Penghormatan itu sehinggalah perbelanjaan istana dan sebagainya kita letak dalam (T) Tanggungan, tidak boleh dibahas, tanda penghormatan kepada Payung Negara.

Sebarang pertelingkahan Ahli-ahli politik jangan mengheret institusi Raja-raja kerana ia merbahaya kepada generasi pada masa yang akan datang. Kita melihat Thailand misalnya, Raja itu ialah seperti wakil dewa dijelmakan di muka bumi. Cara mereka menghadap, begitu tertib dan begitu merendah diri tetapi akhirnya berlaku di sana kumpulan rakyat baju merah dan baju kuning.

Dikatakan, yang ini pro kepada Perdana Menteri yang ini pula pro kepada Istana. Akhirnya sekarang, baju merah dan baju kuning pun sudah tidak muncul, muncul yang tidak pakai baju apa-apa. Bukan berbogel maksudnya, para pelajar turun ke jalan raya mengangkat tiga jari iaitu mereka menuntut Perdana Menteri sekarang berhenti, mereka menuntut pilihan raya semula, mereka menuntut kuasa Raja dikurangkan.

Ini, para pelajar yang turun sekarang di Bangkok dan di bandar-bandar besar yang lain. Pihak kerajaan mengenakan perintah berkurung, mereka tidak peduli itu semua. Mereka langgar perintah berkurung, puluhan ribu orang dan tidak tahu apa kesudahan lagi berlaku di Thailand. Kita tidak mahu Malaysia negara yang tercinta ini mengikut jejak langkah itu. Kita menghormati kedudukan Raja-raja Melayu, Raja Berperlembagaan, Payung Negara.

Oleh itu, jangan siapa mengheret institusi yang mulia ini ke kancah politik. Kaum dan bangsa yang paling setia dengan ketua ialah kaum Gurkha di Nepal. Akan tetapi, mereka akhirnya bangun menolak institusi raja di negara mereka dan kita tidak akan menjadi begitu. Oleh itu, siapa sahaja pembangkang atau kerajaan, NGO atau siapa sahaja hendaklah kita bersikap betul-betul biar kita yang bermasalah tetapi jangan mengajak institusi yang lain bersama dalam hal konflik antara eksekutif, antara pemerintah dan pembangkang.

Saya juga ingin menyentuh soal bila dihidupkan semula JASA. Sudah tentulah isu perkauman akan dimainkan. Ya, gerakan Sheraton bermula di antaranya bisikan kepada kita iaitu kita perlu mewujudkan Kerajaan Melayu Islam tanpa DAP. Ini dimainkan isu-isu perkauman yang begitu dahsyat menjelang Sheraton. Sekarang, dengan adanya peruntukan sebanyak RM80 juta, saya yakin kerja-kerja membina semangat perkauman ini akan di perhebatkan dan kita yang cuba mewujudkan keharmonian, akan terperangkap kalau tersalah urus.

Kita lihat, apa yang berlaku di Amerika Syarikat janganlah ia dibawa ke sini. Isu perkauman sehingga orang *Black* meletakkan ‘we can’t breath’ mereka menjadi hampir huru-hara di seluruh bandar besar, berlaku ketegangan kaum di negara mereka yang mereka menjadi *champion* kepada *human right* tetapi tidaklah *champion* dalam negara mereka sendiri. Oleh itu, peruntukan kepada JASA yang saya yakin ia akan dibawa kepada mempertahankan pemerintah yang ada melalui isu perkauman, mestilah dinyahkan belanjawan ini.

Kita tumpukan kepada peruntukan-peruntukan untuk membela rakyat yang lain. Sekarang, kita akui bahawa dalam pergolakan di dunia ini– Saya hadir dalam satu persidangan di Munich tugas saya yang terakhir sebagai Menteri Pertahanan sebelum saya ke Hanoi. Di antaranya, dibincangkan soal Barat kehilangan– sedang menurun kuasa mereka ‘westlessness’ iaitu pembangunan dunia sekarang ini beralih ke Timur, khasnya beralih ke Cina, Jepun, Korea dan di sebelah kita di sini.

Oleh itu, Malaysia khasnya, Kementerian Pertahanan, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Dalam Negeri, hendaklah bersedia untuk menerima perubahan baharu ini dan merangka masa depan terutama dari sudut keamanan supaya rantau, khasnya Laut Cina Selatan tidak menjadi pertarungan persenjataan. Ini amat penting

kerana kawasan ini sekarang menjadi kawasan yang paling utama. Pelabuhan Klang akan menjadi pelabuhan yang utama dan walaupun tidak sampai ke tahap Singapura, ia akan menjadi satu laluan yang cukup penting dan persinggahan yang cukup penting.

Oleh itu, usaha-usaha dalam diplomatik, *defend diplomacy* mesti dipertingkatkan FPDA, perlu dibincangkan kedudukan dan peranan mereka. Peranan *indoor pacific* yang diterajui oleh Amerika mesti kita lihat. Apakah ia boleh membawa keamanan dan kekacauan di rantau ini? Kehadiran kapal-kapal besar Amerika Syarikat di Laut Cina Selatan semuanya itu perlu diambil perhatian sebab Sabah dan Sarawak betul-betul dia ada bermula permukaan Laut Cina Selatan, ia akan menjadi kawasan pertarungan yang agak hebat pada masa yang akan datang.

Pertahanan Malaysia, supaya kita memberikan peruntukan yang banyak pada masa akan datang terutama kepada STRIDE iaitu mereka yang membuat kajian teknologi secara mendalam untuk membuat segala bentuk peralatan yang boleh dibuat di Malaysia. Sekarang, kita agak ketinggalan sedangkan Malaysia yang memulakan Industri pertahanan di rantau ASEAN ini, tetapi sekarang kita mula ketinggalan dengan Vietnam dan juga Indonesia. Saya tidak nampak peruntukan yang besar kepada STRIDE diberikan oleh kerajaan pada tahun ini sedangkan ia amat penting untuk Kementerian Pertahanan merancang pertahanan dan juga alat-alat pertahanan pada masa yang akan datang.

Tentang hal ekonomi memang kita menghadapi masa yang cukup parah. Saya dua hari yang lalu berada di Temerloh, saya singgah makan di restoran yang menjual ikan patin. Mereka merungut, mereka kata sekarang jualan kami amat merosot. Saya tanya kenapa? Orang-orang Kuala Lumpur tidak datang lagi makan di sini kerana soal *lock down* dan perintah sekatan. Pendapatan mereka jauh merudum.

Seorang sahabat kita di Kota Raja, kehilangan pekerjaan. Kemudian, dengan wang yang sedikit dia memulakan perniagaan menjual makanan. *Alhamdulillah*, pendapatannya sehari iaitu dengan jualan bukan keuntungan sebanyak RM1,500. Apabila berlaku perintah sekatan sekarang ini tinggal sebanyak RM300 sehari.

## ■1320

Adakah mereka ini masuk dalam perangkaan kerajaan? Adakah mereka ini berdaftar atau tidak dengan kerajaan? Oleh itu, kerja mesti dipertingkatkan untuk mengetahui keadaan mereka ini yang hilang pekerjaan dan juga membuka perniagaan dengan *lockdown* ini, adakah ia sesuai? Seperti di Kedah kalau ada kes, lima kes, kenapa *lockdown* kan satu Kedah? Begitu juga kita tahu Lembah Klang ini. Di Lembah Klang mewakili lebih 40 peratus pendapatan negara.

Kalau berlanjutan sekatan di sini, maka ekonomi negara pada orang yang melihat bukan secara statistik memang akan melihat gejala-gejala buruk yang berlaku.

Oleh sebab itu, peruntukan kepada penyakit mental ini ditambah kerana kita tahu akan banyak orang gila selepas ini. Ada yang gila hendak kekalkan Perdana Menteri, ada yang gila kekal hendak jadi Timbalan Perdana Menteri dan macam-macam lagi. Mereka ini eloklah dihantar ke hospital mental pada masa yang akan datang.

Jadi, kita lihat keadaan ini, memang soal kemiskinan rakyat sekarang ini begitu nyata sekali. Oleh sebab itu, peruntukan-peruntukan kepada rakyat amat perlu dan moratorium kita setuju. Moratorium ini disetujui supaya ia dilanjutkan sampai ke bulan Jun yang akan datang kerana mereka memang menghadapi masalah yang besar. Begitulah juga syarikat-syarikat SME, di mana mereka tidak mampu membayar gaji para pekerja. Kerajaan hendaklah terus memberi bantuan kepada pekerja itu sekurang-kurang RM1,200 sebulan untuk mereka terus hidup sehingga selesa masalah pandemik ini.

Kita mengalu-alukan perkhabaran dalam berita misalnya, vaksin telah mula ditemui. Sebanyak 90 peratus dikatakan efektif yang ditemui oleh saintis-saintis dari Jerman dengan gabungan daripada Amerika Syarikat dan juga adanya vaksin yang katanya telah teredar di negara China sekarang ini. Dengan itu, kita harap Kerajaan Malaysia cepat berkongsi maklumat supaya vaksin itu dapat datang ke Malaysia dengan segera dan rakyat *confident* untuk hadapi masa depan dengan COVID-19 yang begitu melanda negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat Pelabuhan Klang akan menjadi satu pelabuhan utama pada masa yang akan datang dan lori-lori kontena begitu banyak masuk ke Pelabuhan Klang. Oleh itu, saya mengharapkan pihak Kementerian Kerja Raya akan membuat kajian menyeluruh soal jenis jalan yang menuju ke Pelabuhan Klang, khasnya di Parlimen Kota Raja, Kuala Langat, Klang dan Shah Alam. Hal ini sebab jalan-jalan yang dibina di situ barangkali tidak sesuai dengan muatan lori-lori ataupun trak yang begitu besar menyebabkan ia cepat hancur dengan tanah yang mendap dan sebagainya.

Kajian menyeluruh perlu dibuat di kawasan itu supaya sistem jalan ke Pelabuhan Klang itu dapat diperbaiki. Kita tidak mahu sentiasa ada aduan di peringkat negeri dan di Parlimen ini soal kedudukan jalan raya di situ kerana pembinaannya barangkali tidak mengikut *specs* yang sesuai dengan muatan-muatan lori dan kontena yang begitu banyak di kawasan itu.

Oleh itu, saya mengharapkan bahawa biarlah yang menentukan hendak lulus atau tidak lulus belanjawan ini, Ahli-ahli Parlimen yang ada di sini sama ada pihak kerajaan atau pihak pembangkang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Berucap bukan dari teks, terus secara *impromptu* begitu sahaja, tahniah. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Pontian.

### 1.24 tgh.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, rakyat T20, M40 dan B40. B40 ini diberi tekan sudah menjadi B50, yang M40 sudah menjadi M30 kerana kemiskinan yang berlaku akibat daripada COVID-19. Mereka inginkan moratorium secara automatik. Boleh kita panggil sebagai moratorium automatik 2.0 selama enam bulan lagi.

Saya sokong penuh hasrat mereka itu sebagai mana yang disebut oleh Yang Berhormat Pekan. Akan tetapi selepas enam bulan itu, saya ingin mencadangkan agar pinjaman RM500,000 dan ke bawah diberi penangguhan automatik untuk tiga hingga enam bulan jika COVID-19 belum pulih. Dengan lain perkataan, moratorium automatik 2.0 enam bulan, selepas itu pinjaman RM500,000 dan ke bawah dibenarkan untuk menikmati moratorium.

Dengan itu, pinjaman berjumlah yang besar dan banyak oleh T20 dan syarikat besar dengan sendiri terkecuali kerana keupayaan mereka dan pada masa yang sama, kita boleh terus membantu rakyat yang memerlukan. Angka RM500,000 itu boleh diubah mengikut yang lebih sesuai berdasarkan jumlah paling ramai rakyat yang boleh dibantu.

Seterusnya, inisiatif KWSP Akaun 2 yang sedang dilaksanakan sekarang. Saya ingin mencadangkan agar dipendekkan tempohnya daripada 12 bulan iaitu RM500 sebulan kepada RM1,500 sebulan selama empat bulan, menjadikan jumlahnya juga RM6,000. Sementara Akaun 1 pula dibenarkan keluar sekali gus sebanyak RM10,000 jika simpanan melebihi RM10,000.

Untuk simpanan yang kurang RM10,000, dicadangkan boleh dikeluarkan dengan peratusan yang tertentu. Misalnya, 50 peratus dan dengan itu mereka yang memiliki RM10,000 dan ke bawah boleh keluar 50 peratus, ada lagi baki 50 peratus. Walaupun demikian, saya ingin mencadangkan pengeluaran Akaun 1 ini hendaklah atas keputusan individu rakyat dan dipulangkan kepada hasrat rakyat, kepada yang hendak mestilah dibolehkan dan kepada yang tidak mahu, terpulang kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2021 dengan data utama RM322.5 bilion, perbelanjaan terbesar dalam sejarah. Namun, berlaku 5.4 peratus sehingga 6 peratus defisit fiskal dan RM85 bilion hutang kerajaan meningkat. Hasil yang kerajaan peroleh

ialah RM236.9 bilion tetapi perlukan RM236.5 bilion belanja mengurus dan RM69 bilion belanja pembangunan.

Jadi, bagaimanakah kerajaan melalui Kementerian Kewangan boleh membayar RM85 bilion hutang itu? Antara kaedahnya adalah melalui pengurangan ketirisan cukai. Ada yang cadangkan pertama, agar kilang-kilang tidak dibenarkan menjual produk mereka kepada syarikat pemasaran yang juga milik mereka sendiri. Akibatnya, kutipan SST berkurangan dengan banyak, ini dipanggil sebagai *transfer pricing*. *Transfer pricing* ini mestilah dihentikan.

Kedua, adalah dicadangkan agar Kastam diberikan peralatan yang moden untuk mengelakkan penipuan deklarasi cukai melibatkan kontena. Mungkin puluhan ribu kontena setiap hari di pelabuhan-pelabuhan negara ini. Ketiga, adalah dicadangkan agar SPRM menumpukan penangkapan pesalah yang melibatkan ekonomi seperti ketirisan perolehan dan hentikan pendakwaan berunsur politik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan GST, sistem cukai kepenggunaan yang dilaksanakan 170 buah negara mungkin dengan kadar empat hingga lima peratus mungkin kurang sesuai ketika ini. Namun, GST pasti boleh meningkatkan hasil dan mengawal ketirisan cukai bagi manfaat rakyat. Untuk tahun 2020 ini hasil kerajaan berkurang sebanyak 18 peratus iaitu sebanyak RM42 bilion. Namun, jika ada GST dengan kutipan sekitar RM44 bilion, tentulah kekurangan hasil RM42 bilion itu dapat ditampung. Ketika negara diserang COVID-19 dan pendapatan merosot, saya berpendapat alangkah baiknya jika GST masih ada.

Hikayat lama menceritakan ketika Hang Jebat mengamuk, maka Raja bertitah kepada Bendahara, ‘alangkah baiknya jika Hang Tuah masih hidup’. Mungkin satu masa yang entah bila, GST enam peratus atau apa-apa kadar yang lebih rendah daripada SST 10 peratus itu, akan dikembalikan bagi manfaat rakyat.

### ■1330

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri peruntuk RM11.7 bilion tahun depan. Apa perkembangan Dasar Perpaduan Negara yang sedang dirangka? Bagaimana situasi perpaduan ketika COVID-19 ini? Bagaimanakah FELDA boleh memperbaiki kedudukan kewangannya? Mohon penjelasan berhubung kelulusan SUKUK RM9.9 bilion? Juga mohon penjelasan apakah prospek masa depan FGV jika pajakan tanah ladang dan kilang dikembalikan kepada FELDA?

Dicadang Seranta FELDA dan Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri yang dimansuh dapat dikembalikan semula bagi menyemai semangat patriotisme di kalangan rakyat. Wisma Putra diperuntukkan RM777 juta, dicadangkan agar pihak kedutaan kita lebih agresif menjual pelbagai produk *made in Malaysia* ke pasaran di mana misi

Malaysia berada. Mohon penjelasan contoh-contoh di mana pasaran seperti getah, sawit, produk eksport kita berjaya menembusi negara-negara baru.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi berjaya melonjakkan harga sawit. Terima kasih banyak bagi pihak 600 ribu pekebun kecil. Bagaimana dengan harga getah, koko, kenaf, kayu dan lada hitam? Dicadangkan agar geran tanam semula sawit dan getah dikembalikan dan bukan dalam bentuk pinjaman.

KPLB dengan peruntukan RM10 bilion dicadang membina pusat e-dagang desa di kampung-kampung terpilih di semua daerah bagi mengumpulkan dan memasarkan secara *online* produk IKS orang kampung. Graduan anak tempatan di kampung berkaitan boleh bekerja untuk menjenama, membungkus dan memasar secara atas talian hingga ke persada negara dan antarabangsa.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri wajar berbincang semula mengenai TPPA dengan izin *Trans-Pacific Partnership Agreement* kerana Joe Biden, Presiden baru Amerika Syarikat daripada Parti Demokrat mungkin boleh meneruskan usaha Barack Obama yang terhenti ketika pemerintahan Donald Trump. *Cost-benefit analysis* yang telah dibuat merumuskan bahawa TPPA akan banyak menguntungkan Malaysia.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dicadang bersegera menggali khazanah bumi negara ini yang bernilai trilion ringgit. Majlis Mineral Negara wajar diaktifkan. Nadir bumi tanpa radioaktif contohnya mesti dicari bagi menambah hasil negara. Hasil hutan wajar dibahagikan dengan baik agar kerajaan dapat hasil yang maksimum.

Saya kesal Kementerian Pembangunan Usahawan diperuntukkan cuma RM548 juta, setengah bilion sahaja. Usaha membina bangsa usahawan dilihat seperti tidak penting. Apakah kaedah kreatif MEDAC bagi menyelaras peruntukan unit dan bahagian pembangunan usahawan di semua kementerian boleh dibuat agar bilangan usahawan belia, wanita dan graduan boleh ditingkatkan.

Pertanyaan pada MOSTI pula, setakat mana usaha mendapatkan vaksin COVID-19 dengan pihak antarabangsa dilakukan seperti dengan Pfizer dan BioNTech yang menyatakan bahawa vaksin syarikat mereka sudah 90 peratus berkesan. Apa persiapan MOSTI bagi memastikan RM3 bilion peruntukan vaksin itu akan ada dan vaksin percuma kepada rakyat boleh diberikan.

Kepada Kementerian Wilayah Persekutuan saya ingin bertanya tentang lesen penjaja dan peniaga kecil yang wajar dipermudahkan prosesnya sementara penambahan premis di lokasi yang strategik wajar dibanyakkan. Kampung Baru mungkin elok dijadikan pusat peniaga kecil yang termoden di negara ini dan boleh menjadi tumpuan pelancong antarabangsa satu ketika nanti. Putrajaya pula boleh menjadi pusat antarabangsa Al-Quran dengan terbinanya *Quran Village* di Presint 14.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan dengan peruntukan RM31.9 bilion sedang memerangi covid dengan gigih. Kita wajar ucapkan tahniah dan terima kasih pada semua penjawat awam Kementerian Kesihatan. Saya ingin bertanya berapa ramai *frontliners* yang dijangkiti COVID-19 dan setakat mana kesiapsiagaan kelengkapan perubatan jika ada lagi gelombang baru?

CUEPACS baru-baru ini mencadangkan agar bantuan tunai diberi sebanyak RM300 kepada barisan hadapan selain Kementerian Kesihatan yang diumum diberi RM500. Ianya wajar diberi pada polis, tentera, bomba, RELA, APM, Imigresen, PBT dan lain-lain yang sesuai. Ini syor yang baik daripada CUEPACS, mewakili penjawat awam dan wajar diluluskan. Usaha menjana 500 ribu pekerjaan baru tahun depan tidak wajar hanya menjadi tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia. Ianya mesti merentasi semua kementerian. Saya ingin penjelasan pecahan industri, perniagaan, swasta dan awam di mana 500 ribu pekerjaan itu boleh dijana.

Pantun Tuan Yang di-Pertua saya tujukan pada SKMM.

*Nasi ditanak bawa berkelah,  
Penuh bonet naik kereta,  
Anak-anak tidak sekolah,  
Capaian Internet tidak sekata.*

*Sifat sabar jadi perisai,  
Tidak sompong elakkan dosa,  
Jalur lebar bila hendak selesai,  
Tolong sambung sampai ke desa.*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat khasnya JKM mesti bersegera lengkapkan data berhubung kenaikan bantuan kepada yang miskin, terlantar OKU. Kurangkan birokrasi kepada mereka ini dengan pegawai datang berjumpa mereka sendiri. Dipohon juga agar JKM ada peruntukan khas pada rumah yang rosak, musnah akibat terbakar ataupun bencana alam dengan bantuan membina semula. Bagi Kementerian Pertahanan adalah dicadangkan agar Program Jiwa Murni ATM dihebatkan untuk membina semula rumah terbakar. Bina atau baiki rumah rakyat termiskin, baiki rumah panjang dan seumpamanya.

Ketika yang sama, saya ingin bertanya tentang pertahanan ESSCOM di Sabah kerana kebocoran sempadan adalah antara punca merebaknya COVID-19. Selain itu, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan wajar mengkaji membina

bandar sempadan di Sabah dan Sarawak bagi mengambil kesempatan terhadap keputusan Kerajaan Indonesia yang akan memindahkan ibu negara mereka ke kawasan Kalimantan Timur.

Kepada Kementerian Belia dan Sukan yang ingin dicadang agar pengangguran yang tinggi di kalangan orang muda diatasi segera melalui mewujudkan semula tabung usahawan belia TUBE yang pernah ada satu ketika dulu. Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) ini oleh kementerian lain oleh SME Corp. adalah contoh yang KBS boleh perkembangkan.

Bakal usahawan diberi kursus dua minggu, seminggu ilmu niaga dan seminggu lagi latihan sikap secara positif ala tentera seperti latihan khidmat negara. Berhubung dengan PLKN ini saya juga ingin bertanya mengapa PLKN dihentikan? Ia adalah program yang amat baik untuk mewujudkan generasi muda yang patriotik dan cintakan negara. Saya ingin mencadangkan agar ianya diteruskan.

Kepada Kementerian Pendidikan dan Pengajian Tinggi yang dapat RM50.3 bilion, tertinggi daripada semua kementerian. Pengajian Tinggi RM14.4 bilion juga antara yang terbanyak dibanding kementerian-kementerian yang lain.

Saya ingin bertanya berhubung tentang falsafah pendidikan. Falsafah pendidikan pertama untuk prasekolah. Kedua, falsafah pendidikan untuk yang bahagian rendah. Ketiga menengah dan keempat falsafah pendidikan tinggi. Adakah wujud empat falsafah ini? Saya tahu ada Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang ditukar kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Akan tetapi yang kurang jelas ialah falsafah kepada pendidikan prasekolah, falsafah pada pendidikan rendah, falsafah pada pendidikan menengah dan juga tinggi. Harap masukkan dalam falsafah menengah dan tinggi itu bagaimana kita hendak mewujudkan generasi yang berteraskan keusahawanan agar mereka tidak mengejar hanya makan gaji. Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Pontian sikit boleh. Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pantun akhir...

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Hang Tuah Jaya, boleh?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tinggal seminit, bolehlah.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Okey. Yang Berhormat Pontian, yang dibangkitkan tadi tentang bajet yang besar dari Kementerian Pendidikan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Pontian yang segera sekarang ini ialah anak-anak kita sekarang berhadapan dengan cuti sekolah yang

panjang. Apakah perlu ada tindakan yang segera oleh Kementerian Pendidikan untuk membantu dari segi aspek pendidikan ini?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, mereka mencadangkan agar diberikan *laptop* ataupun komputer. Ada dalam bajet sebanyak RM150 juta kepada 500 buah sekolah. Saya ingin menyatakan bahawa sekolah di Malaysia ini ada 10,000 buah, mana cukup. Saya ingin mengesyorkan agar penggunaan komputer yang ada akses internet itu diberikan segera kepada anak-anak kita terutama pada tahun yang ada peperiksaan seperti UPSR, seperti PT3 dan juga SPM dan STPM supaya mereka boleh mengakses kelas secara *online*.

Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat Hang Tuah Jaya itu. Pantun akhir saya juga pantun yang original tentang COVID.

*Kenapa gelak kena cubit,  
Sedih berlalu lupakan duka,  
Untuk elak kena COVID,  
Pakai selalu pelitup muka.*

*Sedih berlalu lupakan duka,  
Kejar impian setiap hari,  
Pakai selalu pelitup muka,  
Bersih tangan, jarakkan diri.*

Saya menyokong bajet ini bersyarat iaitu dengan pindaan sebagaimana yang saya sebut ketika perbahasan Yang Berhormat Pekan tadi, Kementerian Kewangan hendaklah meminda 10 pindaan, 20 pindaan, barulah kita akan sokong untuk diluluskan. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Seterusnya, saya ingin persilakan Yang Berhormat Ipoh Barat. Silakan.

■1340

#### 1.40 tgh.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mulakan bercakap mengenai *front liners* yang mana satu *off-payment* akan dibuat iaitu sebanyak RM500 kepada kakitangan kesihatan. Akan tetapi, saya rasa mengehadkan kepada kakitangan kesihatan tidak boleh membawa kebaikan kepada ramai antara yang terlibat dalam *front liners*.

Ini kerana, ada juga pegawai-pegawai polis daripada PDRM. Baru-baru ini seramai 10,000 orang telah dikuarantin. Kenapakah mereka yang terlibat dengan

COVID-19 yang mereka juga adalah *front liners* yang mana antaranya seramai 200 orang dikatakan ada COVID-19. Maka, satu pembayaran *one-off* ini patut tidak dihadkan kepada hanya kakitangan kesihatan tetapi juga kepada lain-lain atau semua *front liners* di negara ini.

Kedua adalah mengenai inisiatif perlanjutan sistem insurans pekerjaan kerajaan. Kerajaan bercadang untuk memperuntukkan sebanyak RM150 juta kepada seramai 130,000 orang pencari kerja. Akan tetapi, adakah ini berpatutan? Saya rasa bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri berkata, ada lebih kurang seramai 800,000 orang yang telah hilang pekerjaan setakat akhir Oktober. Akan tetapi, dengan sistem yang mana hanya sebanyak RM150 juta dibayar kepada pelanjutan sistem insurans pekerjaan.

Ini akan mengehadkan kepada seramai 130,000 orang iaitu sebanyak 16 peratus sahaja daripada seramai 800,000 orang yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kata menganggur pada masa sekarang. Yang lebih bersistematik adalah *Malaysia@Work* yang telah dilancarkan pada tahun dahulu. Saya mohon agar ia dikaji balik supaya ia dapat dilancarkan termasuk dengan *Graduates@Work*, *Apprentices@Work*, *Women@Work* dan sebagainya. Ini adalah satu yang sedalam-dalamnya akan membawa lebih perhatian dan lebih menyenangkan kepada pihak-pihak yang hilang kerja atau *to sustain them at the place of work*.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai cadangan kerajaan untuk memulakan MySTeP. Ini adalah pada pandangan saya satu *short-term employment programme* dan ini dikhaskan kepada seramai 50,000 orang sahaja. Walhal kita akan mencapai seramai 1,000,000 orang pengangguran di negara ini. Seramai 50,000 orang ini saya mengatakan ini bukan ‘MySTeP’ ini adalah ‘misstep’. Seramai 50,000 orang ini adalah yang akan diambil kerja sebagai kakitangan kerajaan dan juga syarikat GLC. Hal ini perlu mendapat satu *mindset* yang baharu kerana kita perlu fokus kepada pengangguran kepada keseluruhannya *in the big picture*.

Dengan kita hadkan seramai 50,000 *special case*, siap *special incentive* sahaja, tetapi kepada semua orang yang menjadi penganggur di negara ini supaya mereka dapat suntikan-suntikan kewangan dan sebagainya untuk menolong mereka mengatasi masalah yang mereka hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, ramai antara pekerja-pekerja yang hilang pekerjaan adalah daripada sektor *tourism* dan juga hotel-hotel. Baru-baru ini apabila saya mengadakan sesi dialog dengan pekerja-pekerja hotel, mereka menghadapi masalah pemotongan gaji antara sejumlah 25 peratus dan ke atas. Ini menyusahkan mereka. Ini, apakah yang kita buat sekarang adalah untuk mencari jalan untuk mereka mendapat kerja yang lain?

Mana ada kerja yang lain. Selain hendak kalau hendak kerja dengan kerajaan dan swasta tidak ada tempat atau untuk *expand business* mereka. Ini memerlukan perhatian kerajaan kerana ramai yang antara yang berkeluarga dan anak-anak susah. Jadi, ramai antaranya mendapati *to see food on the table* menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjalankan di *service centre* saya pada setiap hari Jumaat dan Sabtu, *soup kitchen*. Ramai antara orang yang saya tidak boleh fikir bahawa keadaan mereka apabila mereka menjadi penganggur. Mereka datang dengan keluarga mereka, Tuan Yang di-Pertua, setiap hari Jumaat dan setiap hari Sabtu, itu permulaan. Kita telah berfungsi lebih kurang selama dua bulan.

Saya berpendapat orang-orang macam ini perlu mendapat pertolongan yang luar biasa. Kerajaan perlu mengagihkan melalui NGO-NGO terlibat dengan kita supaya ramai antara mereka yang menghadapi masalah sedemikian tidak terlepas atau *didn't get the necessary benefits*. Sekurang-kurangnya *to see food on the table*. Itu yang saya rasa yang mustahak. Kalau *soup kitchen* ini saya rasa apabila saya memulakan di *service centre* saya, saya tidak sangka langsung ini akan menjadi satu yang hangat.

Akan tetapi, oleh sebab CMCO di Perak, mungkin kita perlu berhentikan perkara tersebut. Akan tetapi, macam mana mereka akan menghadapi kelaparan mereka? Macam mana anak-anak mereka? Macam mana keluarga mereka? Apakah kerajaan akan memberi suntikan kewangan kepada pihak-pihak berkenaan dan kepada NGO-NGO untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2012 dan tahun 2013, kerajaan telah melancarkan projek-projek pembangunan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Saya difahamkan ada banyak antara projek-projek masih berjalan. Bagi Kementerian Pendidikan Malaysia, saya hendak tahu, apakah dan berapakah *target* ia dan berapa banyak lagi anggaran wang yang belum digunakan?

Saya juga hendak tahu Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini, semasa projek ini dilancarkan, difahamkan bahawa kontraktor-kontraktor India akan diberi keutamaan untuk menjalankan kontrak-kontrak sedemikian tetapi sekarang mereka menghadapi masalah kerana kerajaan tidak memilih mereka dan tidak memberikan keutamaan kepada mereka walaupun ini adalah perjanjian pada tahun 2012 dan tahun 2013.

Juga, pada Bajet 2020, sebanyak RM50 juta telah diagihkan kepada sekolah jenis kebangsaan Tamil dan berapakah setakat ini yang telah dibelanjakan? Berapakah sekolah baharu yang akan dibina dalam hal ini? Mengikut...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat, ada soalan. Sebagai seorang bekas Menteri, kalau sesuatu pembentangan bajet tidak menyatakan dengan jelas jumlah yang akan diagihkan kepada sekolah-sekolah Tamil,

tetapi selepas isu ini menjadi kontroversi dan persoalan-persoalan dibangkitkan tiba-tiba kita lihat Yang Berhormat Tapah telah membuat satu kenyataan kelmarin.

Bolehkah Yang Berhormat jelaskan adakah benar perkara ini tidak dibincangkan di Kabinet dan bajet dibentangkan? Apakah penjelasan dan pandangan Yang Berhormat tentang perkara itu?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya hairan kerana setiap kementerian semasa saya menjadi Menteri selama dua tahun, setiap kementerian akan mendapat officers daripada Kementerian Kewangan, satu setengah bulan sebelum bajet disiapkan untuk mendapat pandangan dan semua, bukan hanya – macam saya di Kementerian Sumber Manusia bukan hadkan kepada itu. Kepada sekolah-sekolah Tamil, sekolah-sekolah Cina, sekolah kebangsaan dan sebagainya.

Selepas itu, dibawa ke Kabinet. Dua ke tiga minggu sebelum itu diberi kepada *Cabinet Paper*, kita menghalusi semua dan kita membuat perbincangan. Selepas itu, satu ke dua minggu sebelum itu, semua kakitangan kerajaan daripada Kementerian Kewangan akan datang dan beri serta senaraikan, dengan menghalusi satu demi satu serta soalan-soalan terperinci akan ditanya pada masa itu. Jadi, *that is approved at that stage*. Baru dibentangkan sebagai bajet.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Jadi, maksudnya penjelasan. Terima kasih di atas penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat sebagai bekas Menteri. So, maksudnya dalam pembentangan bajet kali ini, memang kerajaan sekarang tidak merancang untuk memberikan apa-apa peruntukan untuk sekolah-sekolah Tamil, tetapi tiba-tiba bila ia menjadi kontroversi, barulah Ahli-ahli Yang Berhormat Menteri terutamanya Yang Berhormat Tapah membuat kenyataan-kenyataan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Jelutong. Saya rasa ini adalah sedikit luar biasa kerana semestinya semua Yang Berhormat Menteri tahu kerana *there is a Cabinet Paper* yang dihantar kepada kita. Kita baca seminggu atau dua minggu untuk menghalusi semua itu dan kita dapat tahu. Maka, kalau dia atau lain-lain Yang Berhormat menafikan, itu satu yang saya hairan atau saya fikir mungkin Ahli Yang Berhormat Menteri itu tidak sedar atau tidur pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Barat...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...Ingin cadangkan memandangkan B40 di negara ini adalah satu golongan yang sangat mustahak.

**■1350**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, minta laluan boleh? Batu Gajah. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Berbalik kepada isu berkaitan peruntukan untuk SJK(T) dan SJK(C). Saya perhatikan setiap tahun apabila belanjawan dibentangkan, kita dapat lihat dengan jelas bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mengumumkan bahawa sebanyak RM50 juta akan diberikan kepada SJK(T) dan SJK(C). Akan tetapi pada tahun ini ia diumumkan secara keseluruhan iaitu sebanyak RM800 juta untuk bantuan penyelenggaraan sekolah-sekolah.

Jadi, saya rasa amat peliklah, kenapa sebanyak RM50 juta yang diumumkan setiap tahun itu tidak diumumkan untuk tahun ini. Saya rasa mungkin ada *udang di sebalik batu* di mana peruntukan itu dikurangkan untuk SJK(T) dan SJK(C). Apa pandangan Yang Berhormat, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam Dewan rakyat memberi satu penjelasan tentang perkara ini dan beritahu kepada Dewan Rakyat bahawa tahun ini juga sebanyak RM50 juta akan diberikan kepada SJK(T) dan SJK(C). Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sekurang-kurangnya sebanyak RM50 juta, saya ingat boleh lebih daripada itu. Akan tetapi saya hairan kenapa terperincinya baru kita dapat tahu mengenai – mungkin ini dicadangkan semasa dalam Kabinet. Akan tetapi, ini semua mesti diketahui umum oleh semua Ahli Kabinet. Untuk tidak menyenaraikan sedemikian, saya rasa mengapa ia perlu disembunyikan dan kenapa ia tidak diberitahu adalah satu perkara yang sangat aneh. Saya harap *as much as clear* boleh diberitahu mengenai perkara tersebut.

Mengenai B40 yang saya katakan sebelum ini. Tuan Yang di-Pertua kita ada seramai 2,780 ribu orang yang dalam golongan B40 di Malaysia. Saya rasa kerajaan patut mengagihkan sekurang-kurangnya untuk setiap keluarga ini *internet service* dan bayaran setiap bulan. Sekurang-kurangnya sekarang WiFi yang diberi oleh *private sector* adalah yang kurang sekali adalah sebanyak RM89 dan untuk 2,780 ribu orang adalah sebanyak RM216 juta setahun.

Saya rasa ini mustahak, pertama adalah kerana B40 perlu pertolongan yang sedemikian. Kedua, anak-anak yang duduk di rumah perlukan *online* dan sebagainya. Jangan kita tidak mempedulikan mereka. Apabila *they are B40, they are target group, they need help and* ini adalah– kita mesti memberi pertolongan sebagai satu diskaun atau satu yang luar biasa untuk menolong B40 di negara ini, saya harap perhatian diberi oleh kerajaan.

Selain daripada itu adalah mengenai latihan kemahiran. Tuan Yang di-Pertua, sekarang di negara ini kita hanya ada lebih kurang sebanyak 27 peratus sahaja yang

ada mendapat kemahiran-kemahiran tertentu. Walhal, di negara-negara maju adalah di lingkungan sebanyak 50 persen ke atas. Apabila 50 persen ke atas, bermakna gaji yang lumayan boleh didapati, mereka boleh pergi mana-mana tempat untuk mendapat pekerjaan dan sebagainya.

Akan tetapi di Malaysia, kita sangat kurang untuk memberi perhatian kepada kemahiran. Saya harap, *skilling, upskilling, reskilling and cross-skilling* diberi perhatian dan lebih banyak wang diagihkan untuk *training* dan sebagainya. Jangan kita ikut yang sedia ada di mana, *train and place* kita mahu *place and train* dan berapakah yang telah diagihkan? Saya rasa ini perlu diberi perhatian yang serius dalam hal ini.

Saya juga khuatir Tuan Yang di-Pertua, bahawa ramai di antaranya *place and train* dan sebagainya yang telah mendapat *training* tetapi tidak ada kerja. Jadi, macam mana kita boleh mengetahui dan mengesahkan sedemikian. Kita ada satu sistem *as tracer*. Dahulu *in equity we learn tracing, human resources they got tracer* supaya kita dapat tahu bilamana kita membelanjakan wang kepada kemahiran pekerja-pekerja kita dapat tahu ataupun penganggur kita dapat tahu.

Adakah pekerja-pekerja telah mendapat kerja. Bukan setakat *on the paper* sahaja bahawa dia ada kerja dan sebagainya. Ini perlu diberi perhatian yang serius Tuan Yang di-Pertua supaya golongan yang sedemikian dapat mengatasi perkara ini.

Akhir sekali mengenai TVET. Saya berharap kerajaan dapat memperuntukkan sebanyak RM300 kepada PTPK. Sebenarnya tidak cukup, saya harap tindakan diambil untuk memperhalus perkara ini dan memberi lebih penekanan supaya lebih anak-anak kita dan pekerja-pekerja di negara ini dapat *training* yang penuh. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Hulu Rajang. Saya akan memanjangkan persidangan sehingga tamatnya ucapan Yang Berhormat Hulu Rajang. Silakan.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Sampai habis kah Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

### 1.55 ptg.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Sampai habis, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Melati kuntum tumbuh melata,  
Sayang merbah si pohon menara,  
Salam sejahtera mulanya kata,  
Hulu Rajang bahas pembuka bicara.*

Saya melihat belanjawan merupakan satu bajet perpaduan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan minggu lalu. Walaupun beliau bukan dari kalangan ahli politik, namun kebijaksanaan beliau terserlah dengan memberikan satu bajet yang dapat memuaskan hati semua pihak, jika dibandingkan Bajet 2020.

Unjuran pertambahan sebanyak RM25.25 bilion juga merupakan formula baharu yang dirangka bagi merencanakan semula ekonomi negara yang dilihat merudum tatkala pandemik COVID-19 dan kegawatan ekonomi global yang tidak menentu Tuan Yang di-Pertua.

Saya di kesempatan ini, ingin juga merakamkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada semua barisan *frontliners* kita yang bertungkus-lumus dalam memerangi penularan wabak COVID-19. Kita semua tahu negara kini di ancaman penularan wabak yang mencatatkan bilangan kes mendadak setiap hari Tuan Yang di-Pertua.

Penularan wabak di fasa kedua ini, hanya dapat dibendung sekiranya semua pihak memainkan peranan bersama dalam memutuskan rantaian penyakit ini. Saya berharap agar setiap bantuan yang telah diumumkan melalui bajet ini dapat disalurkan segera Tuan Yang di-Pertua kepada semua rakyat tanpa sebarang kelewatan. Ini kerana jutaan rakyat terjejas teruk akibat pandemik ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar kerana kegagalan pemerintah dahulu dalam memimpin negara menjurus kepada pembentukan kerajaan perikatan baharu di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin.

Tidak siapa pun jangka perkara ini akan berlaku, namun ia dibiarkan berterusan rakyat pasti akan merana tatkala ketamakan kuasa dari sesetengah parti dan individual. Keikhlasan dan keterbukaan pemimpin Perikatan Nasional telah berjaya kemudikan kerajaan sehingga hari ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar bantuan sebanyak RM318 juta untuk pembelian peralatan PPE dan *hand sanitizer* ini tidak hanya dihadkan kepada barisan *frontliners* terdiri kakitangan KKM sahaja. Ia juga harus meliputi semua agensi seperti ATM, PDRM, RELA dan lain-lain lagi Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana mereka juga merupakan sebahagian daripada kumpulan *front liners* kita.

Pemberian sagu hati *one-off* sebanyak RM500 merupakan satu sumbangan besar bagi menghargai jasa semua *front liners* yang bertungkus-lumus dalam memerangi wabak ini. Saya berharap agar ia juga dapat diperluaskan kepada semua *frontliners* daripada agensi-agensi yang lain Tuan Yang di-Pertua.

Bagi pelaksanaan program imunisasi *Pneumococcal* untuk anak-anak. Saya sangat mengambil berat akan isu kesihatan awam ini. Di kawasan Parliment Hulu Rajang...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat berkenaan dengan bantuan kepada agensi-agensi, saya mohon juga diberi perhatian penjara. Ini kerana mereka yang paling memerlukan buat masa sekarang.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Di kawasan saya, di penjara Pulau Pinang mereka memerlukan pakaian PPE dan *sanitizer* dan juga pelitup muka. So, mungkin perkara itu juga boleh diberi perhatian.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih. Simpan ucapan Yang Berhormat yang begitu baik untuk menolong saya dalam ucapan saya. Saya sangat mengambil berat dalam isu kesihatan awam ini. Di kawasan Parliment saya di Hulu Rajang dan juga kawasan Parliment Baram, akses kepada kemudahan kesihatan tidak sama di bandar.

Justeru itu, saya sangat mengalu-alukan agar semua kanak-kanak khususnya di kawasan luar bandar ini dibekalkan vaksin ini agar ia dapat memantapkan lagi imunisasi badan mereka Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga telah menerima jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan pagi semalam berhubung dengan soalan mesin dialisis Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1400

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini, saya ingin sekali lagi mohon agar pertambahan mesin dialisis ini dapat dikaji oleh pihak Kementerian Kesihatan supaya ia diberi Klinik Sungai Asap, klinik di Belaga dan Tubau, Tuan Yang di-Pertua. Tidak banyak pun tidak apa. Satu mesin di setiap lokasi pun sudah mencukupi, Tuan Yang di-Pertua. Ini merupakan rintihan daripada masyarakat di kawasan Parliment saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya selaku wakil rakyat ingin menekankan kesihatan masyarakat di kawasan luar bandar harus tidak diperjudikan, Tuan Yang di-Pertua.

Bantuan kewangan. Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili rakyat di kawasan pedalaman cukup gembira dengan pengumuman ini melibatkan penambahan sebanyak RM6.5 bilion berbanding dengan RM5.0 bilion pada tahun 2020. Ini meliputi penambahan penerimaan sebanyak RM8.1 juta. Namun, cara dan kaedah penyampaian wang ini harus diperincikan semula agar tidak membebankan rakyat.

Saya juga pernah mengutarakan dalam Dewan ini keresahan rakyat dalam mendapatkan wang bantuan PRIHATIN NASIONAL yang telah diberikan beberapa bulan yang lalu. Ketika musim PKP dilaksanakan, rakyat begitu sukar untuk

mendapatkan wang mereka dan terpaksa bergerak dari jauh bagi mendapatkan sumber kewangan itu. Saya berharap agar ia tidak berlaku lagi pada tahun ini dan tahun hadapan apabila bantuan BPR disalurkan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berterima kasih di atas usaha kerajaan untuk memperluaskan inisiatif bank bergerak agar ia dapat diselaraskan dengan cekap dan memastikan tiada rakyat yang terjejas mendapatkan kemudahan wang mereka, lebih-lebih lagi ketika PKP dilaksanakan. Cuma, saya ingin mendapatkan pencerahan. Berapakah jumlah mesin bergerak yang bakal dilaksanakan di kawasan Parlimen Hulu Rajang, Parlimen Kapit, Parlimen Baram dan Parlimen Kanowit, Tuan Yang di-Pertua?

Saya turut ingin memohon pihak KPDNHEP agar turut memasukkan senarai kampung-kampung di bawah Program Pengedaran Barang Perlu LPG dan *Community Drumming* seperti Long Busang, Long Jawik, Punasama, Punampa, Nangan Berirai, Batang Baleh, Kapit. Senarainya akan saya berikan kepada KPDNHEP kerana banyak di sini, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon agar dimasukkan senarai kampung ini bagi membolehkan masyarakat di kawasan pendalamannya menikmati manfaat program-program ini.

Tanah NCR Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Negeri Sarawak ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin di bawah Kerajaan Pakatan Nasional yang telah memperuntukkan RM41 juta untuk tujuan penyukatan suku kaum Dayak Bumiputera dari Sarawak. Ini penting bagi memastikan sempadan tanah menjadi jelas dan ketahui bagi mengelakkan sebarang pencerobohan dan pertikaian di antara individu.

Infrastruktur digital luar bandar Tuan Yang di-Pertua. Justeru itu, saya ingin menyeru dan memohon pertimbangan agar pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia dapat menyediakan tambahan menara telekomunikasi di kawasan Parlimen Hulu Rajang dengan kadar segera. Cadangan saya, gunakan tenaga solar bagi menggantikan *genset* yang digunakan ini dilihat tidak efisien.

Ramai rakyat marah kerana tiada minyak *genset* itu. Saya turut ingin mengesyorkan agar pihak kementerian dapat mengkaji penggunaan WiFi *CONNECTme* yang digunakan meluas di kawasan luar bandar, Tuan Yang di-Pertua. Kerjasama erat dengan syarikat swasta dengan mendapatkan melebarkan lagi jaringan *internet* di luar bandar, saya turut ingin mencadangkan agar pembinaan menara pencawang diselaraskan dengan syarikat *telco* bagi menjimatkan masa dan efisien dalam menggerakkan lagi inisiatif ini.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Komunikasi, apakah perancangan kementerian bagi mengatasi masalah G-G yang saya sebut dalam Dewan wujud di luar bandar. Atas telefon terdapat paparan 4G, 5G namun ia 1G pun susah

hendak dapat, Tuan Yang di-Pertua. Senarai nama pencawang telah saya senaraikan kepada kementerian pada pusingan yang lalu. Walau bagaimanapun, saya tidak mendapat sebarang maklum balas hingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat teruja dengan penglibatan syarikat swasta dengan sumbangan sebanyak RM150 juta ke Tabung Cerdik bagi tujuan pemberian komputer riba kepada murid sekolah. Saya berharap agar tiada sesiapa khusus murid di luar bandar terlepas pandang daripada menikmati kemudahan komputer riba itu. Saya mengesyorkan agar pelaksanaan diselaraskan dengan setiap Parlimen kawasan Parlimen di seluruh Malaysia atau diedarkan bersama dengan pejabat daerah pendidikan, Tuan Yang di-Pertua.

Sektor pertanian. Tuan Yang di-Pertua, industri pertanian negara merupakan sektor penting dan besar di mana ia menyumbang sebanyak *7.1 percent* daripada kadar KDNK negara kita. Saya menyambut baik pemberian subsidi untuk penanam padi bukit dan ini akan meningkatkan lagi produktiviti penanaman padi di kawasan luar bandar. Saya turut mohon agar peruntukan ini diberi lebih kepada kawasan Sungai Tunok, di kawasan saya di Baleh dan juga di Merit agar kawasan itu dapat menjadi sebuah kawasan industri padi bukit di negeri Sarawak, Tuan Yang di-Pertua.

Saya turut ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian, adakah pelaksanaan Program Pengembangan Akuakultur hanya terhad kepada Udang Kara atau Ikan Kerapu sahaja, Tuan Yang di-Pertua? Kawasan Parlimen saya mendapat banyak sumber akuakultur yang boleh menccah ribuan ringgit. Contohnya, seperti Ikan Empurau yang mempunyai kebolehpasaran mencapai nilai puluhan ribu ringgit. Saya mohon agar pihak kementerian mengembangkan cadangan idea saya ini Tuan Yang di-Pertua.

Pendidikan berkualiti Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menyambut baik cadangan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) Susu Sekolah yang diadakan dua kali seminggu sebelum ini dan kini diteruskan setiap hari. Terima kasih kepada Kementerian Pendidikan. Namun, apa yang merunsingkan saya adalah ketika membuat lawatan sekolah di kawasan saya, saya mendapati kerana sekolahnya masih daif dan memerlukan baik pulih dengan kadar segera. Contohnya, di kawasan Selerek, Tuan Yang di-Pertua, sangat kritikal dan keadaan bilik air yang uzur dan paip tandas yang bocor. Jadi, saya ingin bertanya kepada- adakah penyaluran kos tambahan sebanyak RM725 juta ini termasuk Sabah dan Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan kos ini tidak mencukupi. Di kawasan Parlimen saya mempunyai 37 buah sekolah daif dan ini merupakan sebahagian daripada 1,020 buah sekolah daif di negeri Sarawak. Saya juga ingin mengambil perhatian pihak kementerian agar melihat keadaan seperti sekolah SK Nanga Kain,

Nanga Sempilik, SK Temengkuk yang sentiasa dilanda banjir ketika hujan lebat dan saya mohon peruntukan khas diberi untuk sekolah tersebut dipindah ke kawasan lebih tinggi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Indonesia bercadang akan memindahkan ibu kota barunya ke Kalimantan Timur bermula tahun 2024 dan secara berperingkat. Lokasinya sangat berdekatan dengan kawasan Parlimen Hulu Rajang iaitu jarak jauhnya 400 kilometer. Sehubungan dengan itu, cadangan rangkaian *border road* perlu disegerakan bagi menyediakan akses antarabangsa di sepanjang sempadan Sarawak dan Kalimantan. Selain daripada itu, pembinaan jalan ini juga bertujuan untuk melindungi kawasan sempadan, aset-aset yang bernilai berbilion seperti Empangan Bakun, Murum, Baleh yang terletak kawasan Parlimen Hulu Rajang, Tuan Yang di-Pertua. Jadi selain dari itu, saya mohon supaya CIQ di tempat Mukah dan Long Singut di Baleh di mana ia bakal mengekang kemasukan pendatang tanpa izin ke Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar menyegerakan pembinaan balai bomba di Sungai Sap. Cadangannya telah diusul pada persidangan yang lalu.

Naik taraf jalan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon Kementerian Kerja Raya agar kerajaan menyegerakan jalan naik taraf jalan di Simpang Bakun ke Empangan Bakun, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana banyak berlubang-lubang. Namun, terdapat juga kekurangan kerana tiada lampu limbah di sepanjang jalan Pan Borneo, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, mohon agar pemasangan jalan lampu turut dimasukkan dalam bajet ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mohon sekali lagi juga untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri KPLB kerana sudi menerima jemputan saya untuk turun padang melihat sendiri keadaan Parlimen Hulu Rajang pada 17 September yang lalu. Ini merupakan satu contoh yang baik di mana Yang Berhormat Menteri KPLB sendiri turun padang dan meneliti permasalahan rakyat di kawasan luar bandar.

Semasa lawatan tersebut terdapat permohonan Yang Berhormat Tan Sri Dr. James Jemut Masing, Timbalan Ketua Menteri ADUN Baleh yang memohon agar jaringan jalan dari Nanga Mujong, Nanga Tuyau, Bukit Mabung dan Sungai Tunok, Balai Kapit sejauh 70 meter. Saya berharap agar permohonan ini dapat diambil pertimbangan untuk penduduk di kawasan luar bandar, Tuan Yang di-Pertua.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan, izinkan saya sekali lagi merakamkan tahniah kepada Kerajaan Perikatan Nasional dan semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam menyediakan Belanjawan 2021. Walau terdapat sedikit kegusaran di hati saya, namun pukas saya adalah kepada

pelaksanaan setiap inisiatif yang telah dibentangkan agar ia dapat terus sampai ke rakyat.

Berdiri saya di sini kerana suara rakyat merupakan aspirasi yang akan saya dukung memastikan keperluan mereka dipenuhi dengan sebaik-baiknya. Selaku wakil rakyat dari Gabungan Parti Sarawak, saya ingin menyatakan sokongan penuh kepada Kerajaan Perikatan Nasional kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia dalam sebarang inisiatif dan usaha memberi manfaat kepada rakyat Sarawak. Kami sentiasa bersama berganding bahu dan memastikan setiap agenda rakyat diangkat dan ditunaikan.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berjaya menyelesaikan kemelut dalam perundingan mengenai urusan minyak dan gas serta cukai SST dengan PETRONAS yang mana Petronas bersetuju membayar balik jumlah SST yang dituntut oleh kerajaan Sarawak.

Ini membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang pemimpin, *he is a leader who walk the talk*. GPS telah mengharapkan pengumuman yang lain berkaitan dengan MA63, dapat diteliti dan dikaji semasa ke semasa untuk kesejahteraan rakyat negeri Sarawak. Semoga lembaran baru ini akan berbentuk rakyat Sarawak untuk berjaya dan berdaya saing dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Sebelum saya mengakhiri hujah saya ini, saya mengingatkan semua Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini bagi menghayati semula lima prinsip Rukun Negara, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memberikan penekanan kepada prinsip pertama iaitu Kepercayaan kepada Tuhan.

Prinsip ini sangat unik kerana kemajmukan rakyat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama membentuk sebuah negara yang berjaya dan berdaulat pada hari ini. Justeru itu, saya ingin menekankan agar tindakan tegas perlu diberi kepada mana-mana Ahli Parlimen yang sengaja mengapikan sentimen masyarakat di atas nama agama. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Belanjawan 2021. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Ahli-ahli Yang Berhormat, tamatlah sesi perbahasan pada hari ini. Maka mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok, hari Rabu, 11 November 2020. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.12 petang]**